JAKIM

جابتن كماجوان اسلام ملیسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

2015

LAPORAN TAHUNAN





جابتن كماجوان إسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

2015

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KANDUNGAN

4	Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
5	Ucapan Alu-Aluan Ketua Pengarah Jakim
6-7	Info Korporat
8-9	Carta Organisasi
10-12	Pengurusan Tertinggi dan Pengarah-Pengarah Bahagian
14-43	Penyelidikan & Pembangunan Fatwa
46-60	Manifestasi Dakwah dalam Masyarakat
62-71	Pengukuhan Institusi Kekeluargaan dan Kemasyarakatan
74-96	Pengukuhan Modal Insan
98-125	Penyelarasan Pendidikan dan Pengurusan Masjid
128-134	Penggubalan dan Penyelarasan Undang-Undang
136-142	Perhubungan Antarabangsa dan Dalam Negeri
144-160	Pengurusan dan Kewangan



Perutusan MENTERI

di Jabatan Perdana Menteri

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمـــنِ الرَّحِيْمِ
اَلْحَمْدُ لله رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ .

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya saya diberi kesempatan bersama-sama JAKIM dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Segala usaha itu tidak lain adalah untuk menyanjung keharmonian nilai Islam dan menjaga kesejahteraan sejagat seiring dengan kehendakNya. Buku Laporan Tahunan JAKIM ini diterbitkan sebagai penanda aras dan rujukan untuk penambahbaikan program-program yang akan datang di JAKIM.

Bagi membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memartabatkan kedaulatan agama Islam di Malaysia, **Indeks Syariah Malaysia** di tubuhkan. Ianya menilai dan mengukur keseriusan kerajaan dalam mencapai lima aspek Maqasid Syariah yang dikehendaki oleh syarak iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta. Dengan kata lain, ianya merupakan kaedah pengukuran saintifik yang menepati dua fungsi penting iaitu menilai kesungguhan usaha kerajaan dari tahun ke tahun dalam menepati piawaian Islam berkaitan dasar dan program kerajaan. Keduanya, mengenal pasti ruang pembaikan yang perlu diberi fokus untuk menerima lebih manfaat hasil penerapan nilai sejagat dalam Islam.

Bagi memastikan JAKIM sentiasa membangun dan bergerak seiring dengan perkembangan semasa di Malaysia, satu **Pelan Strategik JAKIM** 2015-2019 telah di rangka berpaksikan tujuh teras. Memantapkan perundangan Islam melalui penyelarasan dan penyeragaman undang-undang ke arah mendaulatkan perlaksanaan syariat Malaysia.Mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan Islam ke arah melestarikan kemajuan ummah.Seterusnya mengukuhkan kerjasama strategik dan ukhuwwah Islamiah di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa ke arah penyatuan ummah.Memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah.Memantapkan penyelarasan dan pembangunan halal ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju halal dunia.Mengukuhkan pembangunan pendidikan Islam ke arah melahirklan insan kamil dan memperkasakan keupayaan organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan.

Saya menaruh harapan yang amat tinggi agar agama Islam yang indah ini terpelihara sejajar dengan ketinggian martabat Islam itu sendiri. Justeru seluruh warga JAKIM perlulah berpendirian secara berhikmah dan bijaksana dalam melaksanakan setiap tindakan demi mencapai matlamat tersebut.

Saya juga amat berbesar hati dengan penerbitan Buku Laporan Tahunan JAKIM 2015 ini. Ianya sudah tentu menjadi satu tanda aras bagi JAKIM agar terus komited dalam mencapai kejayaan di masa hadapan. Ucapan jutaan terima kasih juga buat semua warga JAKIM dan agensi-agensi lain yang turut terlibat secara lansung dalam menyumbang dan menjayakan agenda dalam mengukuhkan agama Islam di Malaysia. Semoga seluruh rakyat Malaysia sentiasa di dalam suasana yang makmur, sejahtera dan mendapat keredhaan Allah SWT.InsyaAllah.

Sekian, Terima Kasih.

Y.B MEJAR JENERAL
DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Ucapan KETUA PENGARAH JAKIM



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, pencipta sekelian alam, dan dengan rahmat kasih sayangNya kita masih lagi teguh dan utuh dalam mempertahankan kedaulatan agama melalui pengurusan hal ehwal agama Islam di Malaysia.

Sekalung tahniah dan syabas juga buat sidang redaksi JAKIM dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan JAKIM bagi tahun 2015. Laporan tahunan ini merupakan aset terpenting bagi jabatan kerana ia merupakan satu cerminan menyeluruh bagi kegiatan dan peranan JAKIM dalam membentuk khaira ummah.

Tahun 2015 adalah tahun yang amat mencabar bagi kita semua warga JAKIM. Meskipun pelbagai rintangan, dugaan dan tohmahan yang diberikan,tetapi demi mencapai misi dan visi jabatan, kita semua tetap menjalankan segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan tanpa terkesan dengan perkara-perkara sedemikian. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah buat semua warga JAKIM.

Harapan saya, agar semua warga JAKIM mengambil peluang dalam menambah nilai mutu kerja dan kualiti sebagai penjawat awam secara am dan warga JAKIM khususnya. Sentiasa memberikan yang terbaik dan memperbaiki segala kekurangan dan kelemahan sebagai penambahbaikan dalam perkhidmatan.semoga semua warga JAKIM sentiasa berada di dalam rahmat dan kasih sayang-Nya. InsyaAllah .

"Perpaduan Nadi Transformasi Negara"

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah JAKIM

INFO KORPORAT

VISI

Peneraju Dalam Membina Ketamadunan Ummah Yang Unggul

MISI

Mewujudkan Pengurusan Hal Ehwal Islam Yang Cekap dan Berkesan

OBJEKTIF

- Memastikan Ajaran Islam Tersebar Luas Kepada Seluruh Masyarakat
- Membentuk Kepimpinan Yang Berwibawa dan Melahirkan Tenaga Pengurusan Yang Terlatih, Berketerampilan, Dedikasi dan Berhikmah
- Menghasilkan Sistem Pengurusan Yang Berteraskan Nilai dan Etika Islam

FUNGSI

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), maka JAKIM melaksanakan tiga fungsi utama berikut:


Fungsi 1 : Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak
Fungsi 2 : Penyelarasan dan Pentadbiran Islam
Fungsi 3 : Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam


Jabatan ini berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dan memainkan peranan sebagai **"agensi pusat"** yang unggul dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam pengurusan hal ehwal Islam melalui usaha penyelarasan dan peningkatan mutu perkhidmatan dalam bidang dakwah, penyelidikan, perundangan, latihan, pendidikan serta pembangunan ekonomi dan sosial dengan menyediakan perkhidmatan seperti yang berikut:

PIAGAM PELANGGAN

- Menyediakan draf undang-undang Islam dalam tempoh enam bulan selepas semua dasar diputuskan.
- Menyediakan hasil penyelidikan dalam bidang akidah, syariah, falak dan muamalat dalam tempoh enam bulan selepas arahan diterima.
- Menyediakan program dakwah secara komprehensif dan melaksanakannya mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menerbitkan rancangan agama di radio dan televisyen pada setiap hari menepati waktu, dipersembahkan secara menarik dan mudah difahami.
- Menerbit dan mengedar buku, majalah dan risalah dalam bidang keilmuan Islam mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menyiarkan keputusan atau pandangan hukum Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam Portal e-Fatwa dalam tempoh satu hari selepas ia disahkan.
- Menyediakan program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) kepada kanak-kanak Islam berusia enam hingga 12 tahun mengikut kurikulum yang ditetapkan.
- Mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia bagimakanan,barangan gunaan dan perkhidmatan logistik bagi permohonan yang memenuhi syarat dalam tempoh 50 hari bekerja selepas permohonan diterima.
- Menyediakan teks khutbah Jumaat pada setiap minggu dan memaparkannya dalam portal JAKIM pada setiap hari Rabu.
- Memberi latihan dalam bidang pengurusan hal ehwal Islam mengikut jadual perancangan yang ditetapkan.
- Mengeluarkan surat tawaran kepada calon yang berjaya dalam temuduga pengambilan pelajar baharu Darul Quran dalam tempoh tiga minggu selepas tarikh temuduga.
- Memastikan segala tuntutan yang lengkap diproses dan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari.
- Mengeluarkan surat sokongan pas lawatan ikhtisas bagi pendakwah dan pelajar warganegara asing dalam tempoh 21 hari bekerja daripada permohonan diterima.

CARTA ORGANISASI




Ketua Pengarah
Pengarah Kanan (PENGURUSAN)
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Darul Quran
Institut Latihan Islam Malaysia
Hab Halal
JAKIM Cawangan Sabah
JAKIM Cawangan Sarawak
Pengurusan Sumber Manusia
Kewangan
Pengurusan Maklumat
Khidmat Pengurusan

PENGURUSAN TERTINGGI



DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

Ketua Pengarah JAKIM



MUHAMMAD BUKHARI BIN AB HAMID

Penasihat Undang-Undang



TN. HJ. MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM

Timbalan Ketua Pengarah (DASAR)



TN. HJ. AWANG KHALID BIN MAT ALI

Pengarah Kanan (PENGURUSAN)



DATO' HJ. RAZALI BIN SHAHABUDIN

Timbalan Ketua Pengarah (PEMBANGUNAN INSAN

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN



TUAN HAJI MOHAMAD BIN SAARI
Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan



HAJJAH PAUZAIYAH BINTI HARON
Pengarah Bahagian Kemajuan Islam



DATO' HAJI ALI BIN MOHAMMED
Pengarah Bahagian Dakwah



HAJJAH SAIMAH BINTI MUKHTAR
Pengarah Bahagian Pembangunan Insan



TUAN HAJI PAIMUZI BIN YAHYA
Pengarah Jabatan Agama Islam W.Persekutuan



ENCIK MAZLAN BIN ABDULLAH
Pengarah Pengurusan Fatwa



TUAN AZIZ BIN HAJI MOHAMAD
Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang



ENCIK SUHAIMI BIN ALI @ AHMAD
Pengarah Bahagian Perhubungan



DATO' HAJI MUSTAPHA KAMAL BIN A. RAZAK
Pengarah Bahagian Media



ENCIK HALIM BIN AHMAD
Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial & Komuniti

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN



TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN MOHAMED SALLEH
Pengarah Bahagian Penerbitan



MUHAMMAD BUKHARI BIN AB HAMID
Pengarah Pejabat Penasihat Undang-Undang



PUAN ZAWANAH BINTI MUHAMAD
Pengarah Institut Latihan Islam Malaysia



HAJJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF
Pengarah Bahagian Hub Halal



HAJI MAT RADZI BIN HAJI MAT ALI
Pengarah Jakim Cawangan Sabah



TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN JUSOH
Pengarah Jakim Cawangan Sarawak



ENCIK MASRI BIN RAZALI
Pengarah Pengurusan Sumber Manusia



ENCIK MOHD HALIMI BIN IBRAHIM
Pengarah Bahagian Kewangan



TUAN HAJI KAMARUDIN BIN HAJI DOLMAIN
Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat



ENCIK ZAINUDIN BIN SULEIMAN
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

PENYELIDIKAN & PENGURUSAN FATWA

JAKIM memberikan tumpuan kajiannya dalam bidang akidah, syariah, falak, muamalat, dan media. Bidang-bidang penyelidikan yang dijalankan semakin mencabar, selaras dengan keperluan, tuntutan dan cabaran semasa. Hasil kajian yang dijalankan juga menjadi sumber rujukan dan panduan kepada kerajaan dan masyarakat.

SEKSYEN SYARIAH

Unit Kajian Hukum

Melaksanakan kajian dalam bidang syariah merangkumi aspek ibadat, hal ehwal keperibadian (ahwal syakhsiyyah),hal ehwal kenegaraan (siyasah syar'iyyah), jenayah (jinayat), sains perubatan, sains pemakanan dan fiqah semasa yang melibatkan hukum syarak bagi mencapai tujuan syariah (maqasid syariah) serta melaksanakan kajian istinbat hukum untuk dirujuk kepada Panel Pakar Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Selain itu, JAKIM juga menyediakan kaedah dan garis panduan bagi perkara yang melibatkan hukum syarak untuk memberi kefahaman kepada masyarakat.

Sepanjang tahun 2015, JAKIM telah melaksanakan beberapa aktiviti seperti berikut:

Bengkel / Muzakarah

Seksyen Syariah telah melaksanakan muzakarah dan beberapa siri bengkel pada tahun 2015, iaitu:

1. Bengkel Penyediaan Panduan Ibadah Dalam Pesawat pada 10hb Mac 2015 bertempat di Akademik MAS, Kelana Jaya;
2. Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Jenazah pada 21hb. hingga 22hb. Oktober, 2015 bertempat di ILIM, Bangi; dan
3. Muzakarah Istinbat Hukum pada 27hb.hingga 29hb. Oktober, 2015 bertempat di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam..

Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pakar Syariah (PPS)

Panel Pakar Syariah merupakan sebuah panel yang dinaik taraf daripada Panel Kajian Syariah oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi JAKIM Bil.1/2013 pada 14 Januari 2013 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM. Panel Kajian Syariah (PKS) telah ditubuhkan pada 7 Mac 1991 melalui keputusan Mesyuarat Mingguan Bersama YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Keahliannya terdiri daripada mufti beberapa negeri dan ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seramai 15 orang. Pada masa ini Mesyuarat Panel Pakar Syariah dipengerusikan oleh YBhg. SS Dato' Seri Haji Hassan bin Haji Ahmad.

Mesyuarat PPS sepanjang tahun 2015:

Sepanjang tahun 2015, Seksyen Syariah telah berjaya melaksanakan tiga kali mesyuarat Panel Pakar Syariah seperti yang berikut:-

1. Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali ke-88 pada 01hb. hingga 03hb. April, 2015 bertempat di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam;
2. Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke-89 pada 29hb. September hingga 01hb. Oktober, 2015 bertempat di The Royale Bintang, Seremban;dan
3. Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke-90 pada 24hb. hingga 26hb. November, 2015 bertempat di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam.

Senarai tajuk kajian yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015:

1. Kes Penentuan Pesakit Kecelaruan Jantina bagi Pesakit H
2. Hukum Ke Atas Cadangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Meletakkan Nama Bapa Biologi Dengan Tanda Asterisk (*) Sebagai Indikator Anak Tak Sah Taraf
3. Garis Panduan Pelaksanaan Solat dan Puasa Dalam Penerbangan
4. Hukum Wuduk Menggunakan Cecair Waazu
5. Hukum Pesta Tanglung
6. Pameran Mumia "Kehidupan Dahulu, Penemuan Baharu" di Muzium Kesenian Islam
7. Pengurusan Pengkebumian Jenazah Dalam Kalangan Warga Polis Diraja Malaysia
8. Penggunaan Ubat Bius Ketika Berpuasa
9. Hukum Berzikir Sambil Menari
10. Garis Panduan Pengurusan Jenazah
11. Kes Penentuan Pesakit Kecelaruan Jantina bagi Pesakit NY
12. Hukum Juruterbang Melaksanakan Solat Dalam Kokpit Atas Faktor Keselamatan
13. Pengurusan Jenazah Wanita dan Pengurusan Anggota dan Tisu Pesakit di Hospital Pulau Pinang
14. Draf Manual Pengurusan Asnaf Al-Gharimin
15. Cadangan Pelaksanaan Perkongsian Susu Ibu di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia
16. Hukum Penetapan Jantina bagi Pesakit Kecelaruan Jantina M
17. Garis Panduan Doa Bagi Majlis Rasmi dan Separuh Rasmi Edisi Kedua 2015
18. Hukum Pelupusan Anggota, Tisu dan Janin Orang Islam
19. Hukum Bai'ah Taklik dengan Talak Tiga dan Penyelesaiannya Menurut Syarak
20. Garis Panduan Pengurusan Jenazah
21. Produk Al-Hijrah Tayammum Untuk Wuduk dan Solat
22. Hukum Mengguna dan Menghisap Vape, Rokok Elektronik atau Seumpamanya
23. JAKIM Sebagai Badan Pengesahan Patuh Syariah

Muzakarah Pengurusan Istinbat Hukum

Pada tahun 2015, JAKIM juga telah menganjurkan Muzakarah Pengurusan Istinbat Hukum yang menghimpunkan pegawai penyelidik dan pegawai istinbat daripada JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Mufti Negeri. Bengkel yang berlangsung pada 27hb. hingga 29hb. Oktober, 2015 bertempat di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam ini dianjurkan bertujuan membincangkan konsep dan kaedah istinbat hukum yang merangkumi penghujahan dan analisis terhadap dalil-dalil syarak.





Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke-89

Ia juga menjadi medium perbahasan, perkongsian dan percambahan idea kepada para pegawai penyelidik JAKIM dan Jabatan Mufti berkaitan metodologi istinbat hukum dan dalam masa yang sama menjadi platfom dalam menerokai bidang kajian hukum baru yang menyentuh isu sebenar ummah dan bersifat futuristik tanpa mengetepikan aspek epistemologinya yang berasaskan al-Quran dan al-Hadith.





Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke-90

FALAK

JAKIM melaksanakan kajian dalam bidang falak merangkumi aspek pembangunan sistem pengurusan falak, menganalisis data cerapan untuk rujukan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia bagi penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah, menganalisis data piawai falak untuk menyediakan almanak, takwim hijri, hari kebesaran Islam, jadual waktu solat seluruh Malaysia, penentuan arah kiblat, objek samawi dan fenomena alam serta melaksanakan kajian istinbat hukum berkaitan falak untuk dirujuk kepada Panel Pakar Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Selain itu, JAKIM juga menyediakan kaedah dan garis panduan bagi perkara yang melibatkan bidang falak untuk memberi kefahaman kepada masyarakat.

Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit Dan Pembiasan Cahaya Di Ufuk Selepas Terbenam Matahari

Sepanjang tahun 2015, JAKIM telah menjalankan Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit dan Pembiasan Cahaya Di Ufuk Selepas Terbenam Matahari bertempat di Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan pada tarikh-tarikh seperti yang berikut:


1. 21 Januari 2015
2. 19 dan 20 Februari 2015
3. 21 dan 22 Mac 2015
4. 19 dan 20 April 2015
5. 18 dan 19 Mei 2015
6. 15 dan 16 Ogos 2015
7. 13 dan 14 Oktober 2015
8. 12 dan 13 November 2015
9. 12 dan 13 Disember 2015


Kajian ini diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Zambri bin Zainuddin, Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan ahli kajian ini terdiri daripada pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Universiti Malaya, Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

















Gambar-gambar yang dirakam sewaktu kajian di Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan

Seminar dan Bengkel Falak

1. Bengkel Garis Panduan Arah Kiblat Dan Garis Panduan Cerapan Hilal Siri 4.
   Tarikh : 3 hingga 4 April 2015
   Tempat : Hotel Carlton Holiday & Suites, Shah Alam





Peserta bengkel sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh En. Hardi bin Mohamad Sadali, Jabatan Mufti Negeri Selangor







Gambar-gambar yang dirakam sewaktu Muzakarah Falak 2015 Peringkat Kebangsaan Kali Ke-10 di Felda Residence Kuala Terengganu, Terengganu

2. Muzakarah Falak 2015 Peringkat Kebangsaan Kali Ke-10.
   Tarikh : 11 hingga 13 Ogos 2015
   Tempat : Felda Residence Kuala Terengganu.



3. Munaqasyah Fiqh Falak 2015.
   Tarikh : 3 hingga 5 November 2015 Hotel Grand Continental Langkawi
   Tempat : Hotel Grand Continental Langkawi









Gambar-gambar yang dirakam sewaktu Munaqasyah Fiqh Falak 2015 di Hotel Grand Continental Langkawi, Kedah

Mesyuarat Panel dan Jawatankuasa

1. Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Falak Seluruh Malaysia pada 12 Februari 2015 bertempat di Bilik Syura Umar Al-Khatab, ILIM, Bangi;







Ahli Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Falak Seluruh Malaysia

2. Mesyuarat Panel Pakar Falak Bil. 1/2015 pada 9 April 2015 bertempat di Bilik Syura Abu Bakar as-Siddiq, ILIM, Bangi;









Gambar-gambar yang dirakam sewaktu Mesyuarat Panel Pakar Falak Bil. 1/2015 di Bilik Syura Abu Bakar as-Siddiq, ILIM, Bangi

3. Mesyuarat Jawatankuasa Penetapan Awal Puasa dan Hari Raya & Mesyuarat Penyelarasan Waktu Imsak dan Berbuka Puasa Negeri-Negeri Seluruh Malaysia 1436H/2015M pada 8 Mei 2015 bertempat di Dewan Syura, Aras 9, JAKIM .



Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penetapan Awal Puasa dan Hari Raya & Mesyuarat Penyelarasan Waktu Imsak dan Berbuka Puasa Negeri-Negeri Seluruh Malaysia 1436H/2015M

SEKSYEN AKIDAH

Aktiviti penyelidikan akidah adalah berteraskan prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai dasar dan pegangan masyarakat Islam di negara ini. Sepanjang tahun 2015, beberapa aktiviti dan program utama telah dilaksanakan seperti berikut:

Mesyuarat Panel Pakar Akidah (PPA)

Panel Pakar Akidah adalah panel penasihat JAKIM dalam isu berkaitan Akidah. Antara bidang tugas panel PPA adalah membantu JAKIM dalam membuat kajian terhadap isu-isu berkaitan akidah dan memperakukan hasil kajian untuk dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Keahliannya terdiri daripada para ulama', ahli akedamik dan wakil daripada agensi yang berkaitan.Pada masa ini panel ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Zahidi bin Wan Teh, mantan Mufti Wilayah Persekutuan. Bagi tahun 2015, dua sesi mesyuarat PPA telah berjaya dilaksanakan. Antara isu yang dibincangkan ialah berkaitan ajaran sesat, pemikiran liberal, tarekat dan tasawwuf serta amalan perbomohan dan perubatan tradisional dan isu-isu semasa akidah yang berlegar dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Menangani Ancaman Akidah Peringkat Kebangsaan (JAPAS) Kali Ke-15

Mesyuarat ini antara lain bertujuan untuk menyelaras tujuan, strategi dan tindakan menangani ancaman akidah, menilai kaedah-kaedah yang sesuai untuk tindakan, mengadakan garis panduan bagi tindakan susulan ke atas masalah berkaitan dengan akidah umat secara berkesan, membuat perakuan dan rumusan terhadap isu yang dikemukakan dari semasa ke semasa dan melaksanakan segala keputusan yang telah dipersetujui bersama mengikut bidang kuasa yang ada pada setiap agensi. Mesyuarat dipengerusikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Keahliannya terdiri daripada Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri serta wakil agensi-agensi pusat yang berkaitan.



YB Menteri mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Menangani Ancaman Akidah Peringkat Kebangsaan (JAPAS) Kali Ke-15

PENERBITAN SEKSYEN AKIDAH

Dalam menjaga dan mengukuhkan akidah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah di kalangan umat Islam di negara ini, JAKIM telah menyediakan bahan bacaan bagi tujuan rujukan dan pemahaman terhadap sesuatu isu.Bagi tahun 2015, satu bahan bacaan bertajuk Garis Panduan Khurafat Dan Azimat telah dicetak.Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan penjelasan kepada umat Islam mengenai aspek-aspek khurafat dan azimat serta pandangan Islam mengenainya.



Garis Panduan Khurafat Dan Azimat

UNIT KAJIAN MEDIA


JAKIM menjalankan kajian terhadap bahan penerbitan berunsur Islam yang disalurkan melalui tiga media utama iaitu Media Cetak, Media Penyiaran dan Media Baharu. Media Cetak termasuklah buku-buku, majalah dan manuskrip. Manakala Media Penyiaran meliputi radio,TV,CD/DVD/VCD termasuk skrip. Media Baharu pula merangkumi laman web, laman sosial dan blog. Unit Kajian Media juga bertanggungjawab untuk mengkaji pertubuhan dan individu yang dirujuk oleh pihak-pihak yang berkaitan. Selain itu, JAKIM juga bertanggungjawab untuk mengkaji bahan-bahan lain seperti bahan-bahan gunaan dan perhiasan yang diperoleh melalui aduan awam. JAKIM juga turut terlibat dalam membantu pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) menjalankan pemantauan di premis-premis perniagaan khusus untuk memastikan bahan penerbitan berunsur Islam yang meragukan dapat dikawal penyebarannya di pasaran.

KAJIAN DAN PENAPISAN YANG DIJALANKAN OLEH UNIT KAJIAN MEDIA

JAKIM telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji dan menapis bahan penerbitan berunsur Islam yang meliputi Media Cetak, Media Baharu dan Media Penyiaran. Perincian kajian bagi tahun 2015 adalah seperti dalam jadual di bawah;

BIL	KAJIAN	JUMLAH
1	Media Cetak : Buku, manuskrip, majalah dan bahan gunaan	563 kajian/laporan
2	Media Baharu : Laman web, laman sosial, blog, pertubuhan dan individu	2052 url
3	Media Penyiaran : Radio,TV,CD/DVD/VCD termasuk skrip	59 bahan

Jadual 1 : Jumlah kajian mengikut kategori pada tahun 2015



Carta 1 : Peratusan kajian mengikut kategori pada tahun 2015

Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam (MJPBPBI)

Kajian dan semakan yang dijalankan dikemukakan untuk perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam (MJPBPBI). Mesyuarat ini bertujuan menilai dan membuat perakuan perintah larangan ke atas Bahan Penerbitan Berunsur Islam berdasarkan laporan semakan dan penilaian yang dibuat oleh Panel Penilai atau Penyemak JAKIM. Perakuan dan keputusan tersebut akan disyorkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk dikenakan perintah larangan (PL) atas pelanggaran kepada Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984. Bagi tahun 2015, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu;

1. Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali Ke-85
   Tarikh : 14 hingga 16 April 2015
   Tempat : Nilai Springs Resort Hotel

2. Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali Ke-86
   Tarikh : 18 hingga 20 Ogos 2015
   Tempat : Tabung Haji Hotel, Pulau Pinang

3. Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali Ke-87
   Tarikh : 18hb. November, 2015
   Tempat : Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi









Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali Ke-86 pada 18 hingga 20 Ogos 2015, bertempat di Tabung Haji Hotel, Pulau Pinang

Kajian Pemantauan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam Di Pasaran

Sebanyak 30 siri kajian pemantauan telah dilaksanakan bagi memastikan bahan penerbitan berunsur Islamyangtelah dikenakan perintah larangan (PL) tidak tersebar di pasaran. Terdapat dua (2) bentuk kajian pemantauanyangtelah dilaksanakan oleh Unit KajianMedia, iaitu:

i) Pemantauan berkala/ aduan - 25 siri

ii) Pemantauan bersepadu dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), pihak berkuasa tempatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) danagensi berkaitan - 5 siri

BIL	KATEGORI	TARIKH	TEMPAT
1.	Pemantauan Bersepadu	10-12 Mac, 2015	Kelantan
2.		5-8 Mei, 2015	Kedah & Perlis
3.		1-3September, 2015	Pulau Pinang
4.		19-21 Oktober, 2015	Sabah
5.		21 Disember, 2015	Kuala Lumpur
6.	Pemantauan Berkala/Aduan	21 Januari, 2015	Kedai Buku Border, Curve
7.		5 Februari, 2015	Pesta Buku Shah Alam
8.		9 Februari, 2015	Big Bag Wolf, The Mines
9.		25 Februari, 2015	IOI Mall, Putrajaya
10.		27 Februari, 2015	Ekspo Buku, Putrajaya
11.		28 Februari, 2015	Ekspo Buku Islam, Putrajaya
12.		18 Mac, 2015	Book Pair, PICC
13.		28 April, 2015	PWTC
14.		1 Jun, 2015	Kinokuniya, KLCC
15.		24 Jun, 2015	Kedai Popular, Jusco
16.		25 Jun, 2015	Book & Magazines, KLIA
17.		30 Jun, 2015	Pustaka Rawang, Pustaka
18.		23 Julai, 2015	Paradigm Mall
19.		29 Julai, 2015	Kedai Buku Chapter One
20.		28 September, 2015	IOI Mall, Putrajaya
21.		1 Oktober, 2015	MPH.NU Central KL
22.		6 Oktober, 2015	MPH Mid Valley
23.		30 Oktober, 2015	Ekspo Buku, Putrajaya
24.		6 November, 2015	Ekspo Buku Islam, Putrajaya
25.		7 Disember, 2015	Big Bag Wolf, The Mines

Jadual 2 : Senarai pemantauan bersepadu dan berkala/aduan yang telah dijalankan pada tahun 2015









Operasi pemantauan bersepadu dan berkala/aduan yang telah dijalankan pada tahun 2015

Senarai Judul Buku Yang Telah Diwartakan Perintah Larangan (PL) Oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) Melalui Perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam (MJPBPBI) Tahun 2015

BIL	JUDUL BUKU	TARIKH WARTA
1	Sebongkah Batu Di Kuala Berang	Warta Kerajaan P.U (A) 67 Bertarikh 1hb, April, 2015
2	Karbala	
3	Tiga Kali Seminggu	
4	Ingin Jadi Nasrallah	
5	Komplot Penjarakan Anwar : Najib Jatuh Hukum, Hakim Ikut Skrip	Warta Kerajaan P.U (A) 68-70 Bertarikh 6hb, April, 2015 & Warta Kerajaan P.U (A) 71-75 Bertarikh 10hb, April, 2015
6	*The Conspiracy To Imprison Anwar : Najib Convicts, Judges Follow The Scrip*	
7	*Pirates Of The Carry-BN*	
8	Islam : *Politik Dan Spiritual*	
9	*In The Path Of God Islam And Political Power*	
10	*English Translation Of The Meanings Of The Holy Quran*	
11	Rahsia Dan Khasiat Huruf-Huruf Hijaiyah (Siri Perubatan Islam)	
12	Pagar Hikmah Amalan Tok Janggut	
13	Dunia Hikmah	
14	Amalan Hikmat & Rahsia Dari Al-Quran	
15	Sakit Apakah Ubatnya ? Penelitian Daripada Al-Quran Dan Hadis	Warta Kerajaan P.U (A) 115-116 Bertarikh 9hb. Jun, 2015
16	55 Dongeng Teladan Untuk Anak Muslim	
17	Misteri Aneh Dan Ganjil Bukti Keagungan Allah	
18	Misteri Aneh Dan Ganjil 2 Membongkar Kewujudan Makhluk Halus	
19	Muhammad : *A Story Of God's Messenger And The Revelation That Change The World*	
20	*The Golden Laws : History Through The Eyes Of The Eternal Buddha*	

BIL	JUDUL BUKU	TARIKH WARTA
21	Doa Jausyan Shaghir (Doa Yastasir Doa Simat, Doa Masylul, Doa Adilah, Ziarah Jami Al Kabir)	Warta Kerajaan P.U (A) 128-129 Bertarikh 23hb. Jun, 2015
22	Doa Nudbah, Doa Ahd, Doa Faraj (Keluasan), Doa Ziarah & Doa Untuk Keghaiban Imam Mahdi	
23	*To Love Ru Darkness*	
24	Psiko	Warta Kerajaan P.U (A) 138-141 Bertarikh 1hb. Julai, 2015
25	Nazi Goreng : *Young Malay, Fanatic, Skinheads*	
26	*The Mammoth Book Of Best New Erotica 11*	
27	*The Teachers's And Parent's Guide (Pre-School Level)*	
28	Mawlana Ali *Peace Be On Him*	
29	Mawlana Hazir Imam	
30	Ya Ali Madad	
31	Perukonan Romanise	Warta Kerajaan P.U (A) 184-186 Bertarikh 17hb. Ogos, 2015
32	Siri Pahlawan Islam Bilal Bin Rabah	
33	Hadits Pilihan Shahih Bukhari	
34	Warisan Ilmu Tok Kenali Kelantan : Mengenal Diri	Warta Kerajaan P.U (A) 259 Bertarikh 3hb. November, 2015
35	Warisan Ilmu Tok Kenali Kelantan : Mati Sebelum Mati	
36	Warisan Ilmu Tok Kenali Kelantan : Cahaya Di Atas Cahaya	
37	Warisan Ilmu Tok Kenali Kelantan : 7 Petala Langit 7 Petala Bumi	
38	Warisan Ilmu Tok Kenali Kelantan : Mengenal Allah	
39	Pusaka Ilmu Tok Kenali Mengenal Allah (Tok Kenali Kelantan)	
40	Pusaka Ilmu Tok Kenali Mengenal Diri (Tok Kenali Kelantan)	
41	*The Teachings Of "The Quran"*	Warta Kerajaan P.U (A) 270-274 Bertarikh 3hb. November, 2015
42	*Baha'u'llah And The New Era An Introduction To The Baha'i Faith*	
43	Detik-Detik Pembongkaran Agama: Mempopulerkan Agama Kebajikan, Menggagas Pluralism-Pembebasan	
44	Jalan Yang Lurus: Kita Harus Meneroka Jalan Ini	
45	Tabut: Penjelasan Tentang Segala Sesuatu	

SEKSYEN MUAMALAT

JAKIM telah dipertanggungjawab melaksanakan kajian dalam bidang muamalat bagi memantapkan sosio ekonomi ummah bertepatan dengan Pelan Strategik JAKIM 2015-2019. Programnya ialah:

i. Penganjuran Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia (MPS), Penaiktarafan portal e-Muamalat, Penerbitan Jurnal Muamalat dan Penganjuran Seminar Pemahaman Takaful dan Wacana Kewangan Islam merupakan program tahunan.

Kajian Dan Penyelidikan Muamalat

Selaras dengan keperluan semasa, beberapa kajian mengenai muamalat telah dilaksanakan dengan matlamat supaya prinsip muamalat Islam dapat diguna pakai dalam masyarakat. Antara kajian dan penyelidikan yang dijalankan pada tahun 2015 adalah seperti yang berikut;

1. Kajian Pematuhan Syariah dalam Operasi Syarikat bagi Industri Halal
2. Hukum Pelaburan Yang Dijalankan Oleh Syarikat Mecca Fund Global
3. Kajian Pelaksanaan Khairat Kematian bagi Universiti Awam
4. Kajian Akta ar-Rahnu dengan kerjasama YaPEIM
5. Kajian Skim Perumahan Alfafa

Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia

JAKIM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) dan Persatuan Penasihat Syariah

Kewangan Islam Malaysia (ASAS) telah berjaya menganjurkan Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia Kali ke-11 pada 12hb. November, 2015 (Khamis) bertempat di Dewan Persidangan 1, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia. Muzakarah ini telah dihadiri seramai 162 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Panel Penasihat Syariah, Eksekutif Syariah di institusi kewangan, Pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli akademik.

Muzakarah yang bertemakan "Kewangan Islam: Kesejahteraan Ummah, Penjana Ekonomi Negara" digagaskan bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

- ✓ Meningkatkan kerjasama dan penyelarasan di peringkat kebangsaan dalam bidang Syariah dan mencapai harmonisasi Syariah dalam sektor kewangan Islam;
- ✓ Membincangkan tajuk-tajuk terpilih berkaitan isu-isu syariah yang relevan dalam kewangan Islam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta berkongsi ilmu dan pengalaman dalam mencari penyelesaian terhadap isu-isu syariah tersebut;
- ✓ Mendapatkan cadangan dan pandangan, strategi-strategi berkesan serta pandangan bernas dan realistik sebagai input dalam usaha JAKIM membantu negara untuk muncul sebagai pusat kewangan Islam di peringkat antarabangsa.

Fokus muzakarah kali ini adalah berkaitan dengan Integrasi Wakaf Dalam Kewangan Islam bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dan penyelarasan di peringkat kebangsaan terhadap usaha-usaha memajukan aset wakaf khususnya dalam mengintegrasikan peranan sektor kewangan Islam dalam pembangunan wakaf secara lebih progresif. Majlis perasmian muzakarah ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Muzakarah kali ini, dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Ab. Rahman, Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara.


Menerusi muzakarah ini sebanyak tiga (3) kertas kerja telah dibentangkan. Pembentangan kertas kerja pertama dengan tajuk: "Pembangunan Wakaf Menerusi Pendanaan Kerajaan dan Kerjasama Institusi Kewangan dan Korporat : Hala Tuju, Cabaran dan Harapan" oleh YBhg. Datuk Haji Anan C. Mohd, Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Pembentangan kedua dengan tajuk "Pembangunan Wakaf Melalui Perpekstif Institusi Kewangan Islam" disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Nazri bin Chik, Ketua Pegawai Syariah (Kumpulan) Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), manakala "Pembangunan Wakaf Pendanaan Melalui Sukuk Sustainable And Responsible Investment (SRI)", yang dibentangkan oleh YBhg. Dr. Md. Nurdin bin Ngadimon, Pengurus Besar dan Ketua Syariah, Pasaran Modal Islam, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sebagai pembentang ketiga.

Forum Pembangunan Harta Wakaf : Pengalaman Agensi turut diadakan pada sesi sebelah petang dengan menampilkan ahli panel yang berpengalaman iaitu YBhg. Dato' Prof Dr. Sudin bin Haron, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Wakaf Malaysia, YBhg. Tuan Haji Yosree bin Ikhsan, Ketua Penolong Pengarah Zakat, Baitulmal dan Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan YBhg. Encik Abu Bakar bin Yang, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor manakala YBhg. Encik Iszam bin Padil, dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selaku moderator. Muzakarah diakhiri dengan bacaan rumusan muzakarah yang disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Mohamad bin Saari, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM.


Portal E-MUAMALAT

Portal e-Muamalat ini dibangunkan khusus untuk memuatkan perbahasan-perbahasan fiqh muamalat di samping menjadi tempat rujukan berautoriti bagi umat Islam negara ini menjawab isu dan permasalahan semasa yang berlegar dalam masyarakat khususnya yang melibatkan penentuan hukum hakam dalam bidang kewangan, kontrak, perniagaan dan sebagainya.

Secara umumya, banyak penambahbaikan dan pengemaskinian telah dibuat ke atas portal e-Muamalat sama ada pada menu, kandungan dan aplikasi bagi menjadikannya lebih menarik dan memenuhi kehendak pengunjung. Portal e-Muamalat dari bulan Januari sehingga Disember 2015 telah memuatkan memuatkan 126 petikan akhbar, 4 berita, 5 Banner, 11 harga emas yang diperoleh daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Bagi jumlah pengunjung/pelayar portal e-Muamalat pula sebagaimana yang telah direkodkan oleh *"google analytics"* bermula Januari hingga Disember adalah seramai 218,638 pelayar, dengan purata sebulan sebanyak 18,219 pengunjung berbanding159,049 pengunjung bagi tahun 2014, dengan purata sebulan sebanyak 13,254 pelayar. Carta 1(a),(b) menunjukkan jumlah pengunjung/pelayar dari tahun 2015 dan 2014 :



Carta 1(a): Jumlah pengunjung/pelayar portal e-Muamalat pada tahun tahun 2015



Carta 1(b): Jumlah pengunjung/pelayar portal e-Muamalat pada tahun tahun 2014

Bagi tahun 2015, pengunjung/pelayar baharu adalah seramai 175,567 orang dengan peningkatan 59,102 daripada 116,465 daripada tahun 2014 manakala pengunjung berulang/sama seramai 43,071 dan meningkat sebanyak 487 pelayar tahun sebelumnya. Maklumat terperinci bagi pengunjung/pelayar baharu dan berulang kali bagi tahun 2015 serta perbandingannya tahun 2014 sepertimana dalam jadual 2 (a) dan (b)

User Type	Acquisition			Behavior		
	Sessions	% New Sessions	New Users	Bounce Rate	Pages / Session	Avg. Session Duration
	218,638 % of Total: 100.00% (218,638)	80.30% Avg for View: 80.30% (0.00%)	175,567 % of Total: 100.00% (175,567)	82.25% Avg for View: 82.25% (0.00%)	1.37 Avg for View: 1.37 (0.00%)	00:01:16 Avg for View: 00:01:16 (0.00%)
1. New Visitor	175,567 (80.30%)	100.00%	175,567 (100.00%)	83.19%	1.33	00:01:08
2. Returning Visitor	43,071 (19.70%)	0.00%	0 (0.00%)	78.40%	1.54	00:01:50

Jadual 2 (a) : Pengunjung/pelayar baharu dan berulang kali yang melayari portal bagi tahun 2015

User Type	Acquisition			Behavior		
	Sessions	% New Sessions	New Users	Bounce Rate	Pages / Session	Avg. Session Duration
	159,049 % of Total: 100.00% (159,049)	73.23% Avg for View: 73.16% (0.10%)	116,465 % of Total: 100.10% (116,353)	79.32% Avg for View: 79.32% (0.00%)	1.51 Avg for View: 1.51 (0.00%)	00:01:31 Avg for View: 00:01:31 (0.00%)
1. New Visitor	116,465 (73.23%)	100.00%	116,465 (100.00%)	80.80%	1.44	00:01:16
2. Returning Visitor	42,584 (26.77%)	0.00%	0 (0.00%)	75.28%	1.73	00:02:14

Jadual 2 (b) : Pengunjung/pelayar baharu dan berulang kali yang melayari portal bagi tahun 2014

Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh "google analytics" bermula 1 Januari hingga Disember 2015, pelayar yang mengunjungi portal e-muamalat bukan sahaja terhad daripada negara Malaysia sahaja, bahkan juga turut dikunjungi oleh lebih daripada 10 negara lain seluruh dunia. Daripada jumlah 218,638 pelayar, Malaysia menduduki tempat teratas dengan 189,866 pengunjung, Indonesia seramai 8,952, India 5,149, United States 4,575, Singapura 2,971, Brunei 1,220. Kedudukan negara berkenaan serta perbandingan tahun 2014 sepertimana dalam jadual 2.

TAHUN 2015

Country	Acquisition		
	Sessions	% New Sessions	New Users
	218,638 % of Total: 100.00% (218,638)	80.30% Avg for View: 80.30% (0.00%)	175,567 % of Total: 100.00% (175,567)
1. Malaysia	189,866 (86.84%)	79.44%	150,839 (85.92%)
2. Indonesia	8,952 (4.09%)	87.98%	7,876 (4.49%)
3. India	5,149 (2.36%)	84.99%	4,376 (2.49%)
4. United States	4,575 (2.09%)	87.10%	3,985 (2.27%)
5. Singapore	2,971 (1.36%)	87.34%	2,595 (1.48%)
6. Brunei	1,220 (0.56%)	82.13%	1,002 (0.57%)
7. (not set)	873 (0.40%)	91.41%	798 (0.45%)
8. Jordan	695 (0.32%)	65.61%	456 (0.26%)
9. Egypt	553 (0.25%)	77.03%	426 (0.24%)
10. United Kingdom	448 (0.20%)	92.63%	415 (0.24%)

TAHUN 2014

Country	Acquisition		
	Sessions	% New Sessions	New Users
	159,049 % of Total: 100.00% (159,049)	73.23% Avg for View: 73.16% (0.10%)	116,465 % of Total: 100.10% (116,353)
1. Malaysia	134,892 (84.81%)	71.32%	96,210 (82.61%)
2. Indonesia	11,792 (7.41%)	87.98%	10,375 (8.91%)
3. United States	2,404 (1.51%)	80.62%	1,938 (1.66%)
4. India	1,846 (1.16%)	87.65%	1,618 (1.39%)
5. Singapore	1,824 (1.15%)	73.36%	1,338 (1.15%)
6. (not set)	1,530 (0.96%)	90.20%	1,380 (1.18%)
7. Brunei	1,043 (0.66%)	73.92%	771 (0.66%)
8. Jordan	642 (0.40%)	58.26%	374 (0.32%)
9. Egypt	359 (0.23%)	73.26%	263 (0.23%)
10. United Kingdom	271 (0.17%)	77.12%	209 (0.18%)

Jadual 3: Kedudukan pengunjung/pelayar mengikut negara pada tahun 2015 serta perbandingan tahun 2014

Manakala bagi pelayar/pengunjung dalam negara pula, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah paling tinggi iaitu 98,658 diikuti negeri Selangor, 24,912 pelayar, Johor 9178, Kedah 8,731, Perak 7,343.

Region	Acquisition			Behavior		
	Sessions	% New Sessions	New Users	Bounce Rate	Pages / Session	Avg. Session Duration
	189,866 % of Total: 86.84% (218,638)	79.44% Avg for View: 80.30% (-1.07%)	150,839 % of Total: 85.92% (175,567)	81.60% Avg for View: 82.25% (-0.79%)	1.39 Avg for View: 1.37 (1.46%)	00:01:20 Avg for View: 00:01:16 (5.20%)
1. Federal Territory of Kuala Lumpur	98,658 (51.96%)	79.47%	78,408 (51.98%)	82.99%	1.34	00:01:15
2. Selangor	24,912 (13.12%)	80.99%	20,176 (13.38%)	81.03%	1.42	00:01:17
3. Johor	9,178 (4.83%)	82.16%	7,541 (5.00%)	80.93%	1.37	00:01:19
4. Kedah	8,731 (4.60%)	71.72%	6,262 (4.15%)	78.85%	1.47	00:01:32
5. Perak	7,343 (3.87%)	80.76%	5,930 (3.93%)	79.69%	1.41	00:01:28
6. Penang	6,681 (3.52%)	79.75%	5,328 (3.53%)	80.75%	1.41	00:01:26
7. Malacca	5,531 (2.91%)	78.47%	4,340 (2.88%)	79.23%	1.47	00:01:40
8. Pahang	5,128 (2.70%)	81.83%	4,196 (2.78%)	81.03%	1.40	00:01:27
9. Terengganu	4,311 (2.27%)	80.40%	3,466 (2.30%)	79.56%	1.48	00:01:23
10. Sabah	4,126 (2.17%)	77.56%	3,200 (2.12%)	81.17%	1.36	00:01:28

Jadual 4 : Statistik pengunjung mengikut negeri pada tahun 2015

Secara keseluruhannya, peningkatan perkembangan pengunjung/pelayar portal amat baik dari tahun 2014 dengan peningkatan sebanyak 59,589 pelayar/pengunjung. Ini disebabkan kesedaran masyarakat awam untuk mendalami ilmu pengetahuan berkenaan muamalat dan kewangan Islam dalam kehidupan seharian.Penaiktarafan dari segi paparan dan kandungan portal selari dengan perkembangan terkini dalam bidang kewangan dan perbankan Islam.Urus setia portal mengharapkan perkembangan positif ini berterusan dari semasa ke semasa.


Jurnal Muamalat

Penerbitan Jurnal Muamalat merupakan salah satu misi dakwah JAKIM ke arah menyebarluaskan ilmu pengetahuan yang menyentuh tentang aspek muamalah dan ekonomi Islam.Pewujudan Jurnal Muamalat ini adalah selaras dengan komitmen JAKIM sebagai agensi agama di peringkat persekutuan bagi mendukung aspirasi kerajaan dalam mempromosi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam di persada antarabangsa menerusi penghasilan bahan-bahan penerbitan ilmiah yang berkualiti.

Panel Penilai Jurnal Muamalat dilantik khusus oleh JAKIM yang terdiri daripada ahli ilmuwan mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan dan perbankan Islam.Pelantikan ini juga selaras dengan hasrat untuk menaiktaraf Jurnal Muamalat sebagai refereed journal (jurnal ilmiah). Bagi memantapkan dan menghasilkan jurnal ilmiah ini, JAKIM telah melantik dua orang pakar bahasa bagi menyemak tatabahasa, ejaan dan laras bahasa yang digunakan sebelum diterbitkan.

Penerbitan Jurnal Muamalat Bil. 7/2014 adalah kesinambungan daripada Jurnal Muamalat Bil. 6/2013 yang diterbitkan pada tahun 2014. Jurnal pada kali ini mengetengahkan pelbagai isu semasa berkaitan muamalat Islam untuk tatapan pembaca. Antara topik yang dibincangkan adalah berkaitan pembangunan harta wakaf, skim al-rahnu, urus tadbir zakat di Malaysia, hukum pusaka Islam dan tajuk-tajuk berkaitan muamalat dan kewangan Islam.

Kandungan koleksi jurnal muamalat disediakan secara percuma dan boleh diperoleh di www.islam.gov.my/muamalat.



Kerjasama Strategik Antara JAKIM dan Agensi

Dalam bidang muamalat, JAKIM telah melakukan dan menerima beberapa siri kunjung hormat seperti yang berikut:

1. Kunjung Hormat Daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 29hb. Mei, 2015;
2. Kunjung Hormat Daripada Malaysian Takaful Association (MTA) ke JAKIM pada 16hb. Jun 2015
3. Kunjung Hormat Ke Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada 22hb. Jun, 2015
4. Kunjungan Hormat Ke AIBIM pada 2hb. Julai, 2015
5. Kunjung Hormat Ke JAWHAR pada 7hb. Ogos, 2015
6. Kunjung Hormat Ke Pejabat Ketua Pengarah JAWHAR pada 11hb. September, 2015

WACANA KEWANGAN ISLAM KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

Penganjuran wacana ini telah mula diadakan sejak tahun 2008 dengan anjuran bersama JAKIM dan Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Objektif wacana ini diadakan untuk memberi kefahaman kepada peserta berkenaan konsep asas sistem Kewangan Islam serta perbezaannya dengan sistem kewangan konvensional dan bahayanya riba menurut pandangan Islam.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak dua kali wacana ini berjaya diadakan iaitu siri 1 Wacana Kewangan Islam Peringkat Negeri Selangor telah diadakan dengan kerjasama Maktab Polis Kuala Kubu Baru bertempat di Maktab Polis Kuala Kubu Baru pada 26hb. Februari, 2015.

Manakala siri 2 pula ianya berjaya diadakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) bertempat di Auditorium Masjid Al-Azim, Negeri Melaka. Wacana ini telah disertai seramai 650 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, agensi swasta, ahli akademik, jawatankuasa masjid/surau dan orang awam. Wacana ini bertemakan "Pematuhan Syariah Perkukuh Ekonomi Ummah".

Objektif utama Wacana Kewangan Islam Peringkat Negeri Melaka tahun 2015 ini adalah untuk menjelaskan konsep-konsep yang menjadi dasar kepada sistem kewangan dan perbankan Islam serta membetulkan pandangan negatif sebahagian masyarakat terhadap perbankan Islam. Selain daripada itu, wacana ini turut memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kepentingan Muamalat Islam dalam menghindari perkara-perkara yang haram dan diragui kehalalannya serta dapat mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni segenap lapisan masyarakat melalui amalan perbankan Islam.

Majlis perasmian penutup wacana ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira Haji Yaakub bin Md. Amin, Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) mewakili YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron. Antara amanat penting Timbalan Pengerusi MAIM ialah beliau menyarankan supaya pihak masjid memastikan dana-dana masjid hendaklah disimpan di bank-bank yang patuh syariah. Di samping itu, pihak pengurusan masjid digesa memperkasakan sosioekonomi melalui pelbagai aktiviti. Turut hadir dan memberi ucapan aluan ialah YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) mewakili Ketua Pengarah JAKIM , YBhg. Tuan Haji Ismail bin Hamad, Pengarah JAIM, Encik Yusry bin Yusof, Pengarah Eksekutif AIBIM dan Encik Azli bin Munani, Ketua Pengarah Eksekutif merangkap setiausaha Eksekutif, MTA.

Menerusi wacana ini sebanyak empat buah kertas kerja telah dibentangkan antaranya Pembentang pertama "Falsafah dan Prinsip Kewangan Islam" yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Mohd Hafiz bin Hj. Fauzi (Ketua Jabatan syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad). Pembentang kedua dengan tajuk "Aplikasi dan Produk Kewangan Islam" telah disampaikan oleh YBhg. Ustaz Mohd Faiz bin Ibrahim dari Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). "Peranan Masjid Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah" pula dibentangkan oleh YBhg. Dr. Lokman bin Ab. Rahman dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM dan juga selaku Ketua Penyelaras Wacana Kewangan Islam sebagai pembentang ketiga. Pembentang keempat dengan tajuk "Takaful : Perlindungan Secara Islam" yang disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Wan Mohd Fadzullah bin Wan Abdullah dari Hong Leong MSIG Takaful.

Penganjuran wacana ini adalah bertepatan dengan daripada Teras 4 Sasaran Kerja Strategik, JAKIM 2015-2019 iaitu memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah.

LAMPIRAN BERGAMBAR













LAMPIRAN BERGAMBAR

Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia Kali Ke-11 Pada 22hb. November, 2015 Bertempat di Dewan Persidangan 1, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia





Seminar Pemahaman Takaful Pada 3hb. Disember, 2015 Bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur





SEKSYEN PERANCANGAN STRATEGIK

Pelancaran Buku Pelan Strategik JAKIM 2015-2019

JAKIM telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik JAKIM 2015 – 2019 yang menggariskan tujuh teras strategik.Tanggal 27 Januari 2015 satu majlis pelancaran pelan berkenaan telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) sempena Majlis Perhimpunan Agensi-Agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertempat di Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia.



1. Memantapkan perundangan Islam melalui penyelarasan dan penyeragaman undang-undang ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariat Islam;
2. Mengukuhkan bidang penyelidikan dan pembangunan Islam ke arah melestarikan kemajuan ummah;
3. Mengukuhkan kerjasama strategik dan ukhuwah Islamiah di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa ke arah penyatuan ummah;
4. Memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah;
5. Memantapkan penyelarasan dan pembangunan halal ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju halal dunia;
6. Mengukuhkan pembangunan pendidikan Islam ke arah melahirkan insan kamil; dan
7. Memperkasakan keupayaan organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan.

Tujuh teras strategik Jakim

peristiwa

JABATAN Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) melancarkan Pelan Strategik Jakim 2015-2019 bagi menjadikan Jakim sebagai peneraju dalam pengurusan hal ehwal Islam menjelang 2020.

Pelan yang mengambil kira dasar-dasar perkhidmatan awam yang diputuskan oleh pihak berkepentingan mengenai peningkatan kualiti sistem penyampaian kepada pelanggan.

Pelancarannya yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Jamil Khir Baharom telah berlangsung dalam satu majlis Perhimpunan Agensi di bawah Menteri di JPM di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Jamil Khir ketika ditemui pemberita selepas majlis itu menjelaskan bahawa pelan tersebut akan memberi gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan strategik Jakim untuk tempoh lima tahun akan datang.

"Ini kerana ia mengandungi latar belakang jabatan, hala tuju strategik dan pelan tindakan bagi menjadikan Jakim sebagai peneraju dalam pengurusan hal ehwal Islam menjelang 2020," katanya.

Bagi merealisasikan visi dan misi Jakim itu, sebanyak tujuh teras strategik telah digariskan iaitu:

- Memantapkan peruntukan Islam melalui penyelarasan dan penyeragaman undang-undang ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariat Islam.
- Mengukuhkan bidang penyelidikan dan pembangunan Islam ke arah melestarikan kemajuan Islam.
- Mengukuhkan kerjasama strategik dan ukhuwah Islamiah di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa ke arah penyatuan ummah.
- Memantapkan penyelarasan dan pembangunan halal ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju halal dunia.
- Memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah.



JAMIL KHIR BAHAROM (depan) menurunkan tandatangan sebagai gimik pelancaran Pelan Strategik Jakim 2015-2019, baru-baru ini.

- Mengukuhkan pembangunan pendidikan Islam ke arah melahirkan insan kamil.
- Memperkasakan keupayaan organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan.

Justeru, Jamil Khir memberitahu, pelaksanaan pelan strategik itu dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan.

"Malah, dalam tempoh pelaksanaan itu, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi menentukan strategi program dan tahap pencapaian sasaran benar-benar berkesan," katanya. - **HASHNAN ABDULLAH**




PELANCARAN
PELAN
STRATEGIK JAKIM
2015-2019


PELANCARAN
PELAN
STRATEGIK JAKIM

Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik (SKS) JAKIM 2015

Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik (SKS) JAKIM merupakan forum membincangkan pencapaian Pelan Tindakan Strategik JAKIM 2015 - 2019 bagi tahun semasa dan merancang program JAKIM bagi tahun yang akan datang. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman bin Mustapha dan dianggotai oleh Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan JAKIM.Bagi tahun 2015, Mesyuarat SKS telah diadakan seperti butiran berikut:

1. Mesyuarat Pencapaian Sasaran Kerja Strategik JAKIM 2015 - 2019 (Penilaian Setengah Tahun 2015)
   Tarikh : 20 hingga 22 Mei 2015
   Tempat : Bayou Lagoon Park Resort, Melaka















2. Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik JAKIM (Pencapaian 2015 dan Perancangan 2016)
   Tarikh : 25 hingga 27 November 2015
   Tempat : The Lexis, Port Dickson



Slot Khas bersama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki









KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI) JAKIM

Pada tahun 2015, JAKIM dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan enam KPI YB Menteri dan pencapaiannya adalah seperti yang berikut:

BIL.	MKPI	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Pengukuran Pelaksanaan Maqasid (Objektif Utama) Syariah dalam Pentadbiran Negara - Pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia	100%	100%
2.	Pengukuhan Hubungan dan Keharmonian Antara Penganut Agama - Bilangan peserta dalam Program Dialog Antara Agama/ Program Indahnya Islam	1000 orang	1250 orang peserta (125%)
3.	Pengukuhan Hubungan dan Keharmonian Antara Penganut Agama - Tahap Kefahaman Peserta dalam Program Dialog Antara Agama/Program Indahnya Islam	80%	100%
4.	Peningkatan Kompetensi Badan Pensijilan Halal Luar Negara - Bilangan Badan Pensijilan (CB) Halal Luar Negara Yang Menerima Latihan Kompetensi	10 badan persijilan halal luar negara	23 badan persijilan halal luar negara (230%)
5.	Pembangunan Sektor Halal di Malaysia - Bilangan Syarikat Bersijil Halal	1200 buah syarikat	3,132 buah syarikat (261%)
6.	Mengukuhkan Pegangan Aqidah di Kalangan Saudara-Saudara Baru di Pedalaman - Jumlah Program bersepadu Mualaf di Kawasan Pedalaman	800 program (JAKIM & YADIM)	100%
PENCAPAIAN KESELURUHAN			152.7%

Jadual 5: KPI JAKIM kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (MKPI)

Manakala bilangan KPI bahagian-bahagian dalam JAKIM adalah sebanyak 200 KPI. Purata pencapaian atau pencapaian keseluruhan KPI tersebut adalah 90%.

Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Peringkat Kebangsaan (JAPPIS)

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Peringkat Kebangsaan (JAPPIS) Kali ke-33/2015
Tarikh : 4 hingga 6 Mei 2015
Tempat : Holiday Villa Hotel and Suite, Kota Bharu



Taklimat "Isu Semasa Berkaitan Jihad dan Ekstremisme di Asia Barat" oleh YBhg. Datuk Haniff bin Omar, Pengarah Isu-isu Keselamatan dan Transnasional, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri

Di samping berkongsi maklumat dan membincangkan isu-isu penyelidikan terkini, ahli mesyuarat diberi penerangan berkenaan "Garis Panduan Mengadakan Majlis Maulid, Selawat, Haul, Zikir atau Seumpama Dengannya" yang disampaikan oleh Ustaz Eizzul A'la Bajuri, Penolong Pengarah Seksyen Akidah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM dan "Hukum Pelaburan Yang Dijalankan Oleh Syarikat Mecca Fund Global" oleh Ustaz Shahrul Ridhwan S.Ali, Penolong Pengarah Seksyen Muamalat, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM.



YBhg. Prof Datin Dr. Azizan Baharuddin menyampaikan taklimat bertajuk "Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Malaysia"









Antara ahli mesyuarat yang hadir

PENGURUSAN FATWA

Pembangunan Hukum/Fatwa

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI

Sepanjang tahun 2015, sebanyak lima kali sidang Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI telah diadakan, iaitu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 dan 108 serta tiga kali muzakarah khas. Pada 10 hingga 11 Februari 2015 telah berlangsung Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-107 bertempat di Sama –sama Hotel, KLIA Sepang, manakala Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-108 telah diadakan di lokasi yang sama pada 2 hingga 3 November 2015.

Berdasarkan keperluan segera untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit, maka tiga sidang Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Khas telah dilaksanakan iaitu pada 20 April, 18 Ogos dan 21 Disember 2015.

Sepanjang lima kali bersidang, sebanyak 18 perkara yang telah dibincangkan dalam muzakarah. Walau bagaimanapun, sebahagian isu telah diputuskan dan diberi pandangan hukum. Antara isu-isu yang telah diputuskan pandangan hukum ialah:

1. Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease: EVD) di Malaysia.
2. Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Dan Najisnya.
3. Hukum Pelaburan Yang Dijalankan Oleh Syarikat Mecca Fund Global.
4. Hukum Penggunaan Vaksin Menactra ®.
5. Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Mengenai Sabitan Tarikh Anggapan Kematian Mangsa MH370 Dan Tuntutan Syarak Yang Berkaitan Dengannya.
6. Pindaan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-106 Mengenai Isu Umat Islam Yang Terlibat Dengan Perjuangan Islamic State (IS)
7. Penyucian Dividen Simpanan Ahli Kwsp Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yabg Diuruskan Mengikut Perinsip Syariah (KWSP-Islamik)
8. Hukum Penjualan Produk Menggunakan Ayat Ruqyah Untuk tujuan Komersial.
9. Had Kemuallafan Saudara Baru.
10. Pengurusan Pengebumian Jenazah Dalam Kalangan Warga Polis Di Raja Malaysia.
11. Penggunaan Rokok Elektronik Dan Vape.



Pembentangan sedang dijalankan pada Sesi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI



Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Dr Abdul Shukor B Hj Husin dan Setiausaha ialah Dato', Hj Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM



Muzakarah akan meneliti isu-isu berkenaan sebelum sesuatu keputusan dikeluarkan



Selain dari mufti-mufti negeri-negeri, Ahli-ahli muzakarah juga terdiri dari lapan ahli yang dilantik

PENYELARASAN KEFATWAAN

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Dan Pembangunan Fatwa (JKPPF) Ke-9

Pada 13 hingga 15 September 2015 bersamaan 29 Zulkaedah - 1 Zulhijjah 1436H telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Dan Pembangunan Fatwa (JKPPF) Kali Ke-9. Mesyuarat telah dilaksanakan di Holiday Villa Hotel & Suites Kota Bharu Kelantan.Ia bertujuan untuk mempertingkatkan penyelarasan dalam bidang pengurusan dan pembangunan fatwa di Malaysia.

Kertas-kertas yang dibentangkan dalam mesyuarat kali ini ialah pertama; "Standard Kertas-Kertas Fatwa", yang disampaikan oleh Y.B S.S Dato' Haji Mohamad Shukri Bin Mohamad, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Kedua kertas "Cadangan Mewujudkan Garis Panduan Pengeluaran Dan

Penyelarasan Fatwa", disampaikan oleh Ybhg.Tuan Haji Aminudin bin Mohamad. Manakala laporan awal dapatan kajian "Amalan Dan Kaedah Pengeluaran Fatwa Oleh Jawatankuasa Negeri-Negeri & Kebangsaan" pula disampaikan oleh YBhg. Dr. Azman bin Abd. Rahman dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).



Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Dan Pembangunan Fatwa (JKPPF) yang hadir.

Bengkel Penggubalan Sighah Fatwa Bagi Tujuan Penguatkuasaan

Pada 31 Mac 2015 hingga 2 April 2015 telah berlangsung Bengkel Penggubalan Sighah Fatwa Bagi Tujuan Penguatkuasaan di RHR Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor Darul Ehsan. Bengkel 2 hari ini bertujuan untuk menggubal sighah fatwa bagi tujuan pewartaan dan penguatkuasaan. Bengkel ini telah menggabungkan agensi yang berkaitan khususnya Jabatan Mufti yang bertanggungjawab mengeluar dan mewartakan fatwa. Manakala Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan JAIN bertanggungjawab menguatkuasakan fatwa yang telah diwartakan;

Satu sesi pembentangan berkenaan dengan "Kaedah Pembentukan Sighah Fatwa Menepati Kehendak Undang-Undang Bagi Tujuan Pewartaan dan Penguatkuasaan" telah disampaikan oleh Yang Arif Dato' Yusuf Musa, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Sebanyak 20 sighah fatwa berkaitan dengan isu-isu nasional untuk tujuan pewartaan dan penguatkuasaan telah dibincang dan digubal bersama oleh peserta.



Sesi Pembentangan disampaikan oleh Yang Arif Dato' Yusuf Musa, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



Peserta mencurah idea dan buah fikiran pada sesi bengkel

Bengkel Semakan Sighah Pewartaan Fatwa

Lanjutan dari Bengkel Penggubalan Sighah Fatwa Bagi Tujuan Penguatkuasaan yang diadakan di RHR Hotel @ UNITEN, Kajang, sighah-sighah yang telah digubal dan dimurnikan telah disemak dan diteliti secara bersama pada Bengkel Semakan Sighah Pewartaan Fatwa yang telah didakan pada 2 – 4 Jun 2015 bertempat di Corus Paradise Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohamad Nordin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM.



Bengkel Semakan Sighah sedang berlangsung dikendalikan oleh Tn Hj Nordin Bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM



Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM & Peguam Kanan Persekutuan



Gambar para peserta bengkel



Sesi Pembentangan Ijtima sedang berlangsung.



Wakil JAKIM Bersama Wakil DPR RI

FATWA SERANTAU

JAKIM sertai Ijtima Ulama Komisi Fatwa MUI Se-Indonesia

JAKIM telah dijemput bagi menyertai Ijtima Ulama Komisi Fatwa Majelis Ulama Undonesia (MUI) Se-Indonesia Kali Ke-5 yang telah di adakan di Pondok Pesantren At-Tauhidiyyah Cikura, Tegal, Jawa Tengah, Indonesia.Ijtima yang dianjurkan oleh MUI ini adalah forum perbincangan yang bersifat nasional dan mewakili seluruh pandangan keagamaan umat Islam Indonesia bagi menangani masalah-masalah semasa umat.Ijtima yang diadakan setiap tiga tahun ini, di samping menjawab isu-isu semasa agama (masail diniyyah mu'ashirah), juga sebagai usaha meneguhkan posisi Komisi Fatwa di peringkat pusat dan daerah dalam musyawarah bersama lembaga fatwa organisasi kemasyarakatan Islam yang ada di Indonesia.Ijtima ini juga memberi ruang penyertaan Komisi Fatwa Daerah, lembaga-lembaga organisasi masyarakat, ulama pesantren, cendiakawan perguruan tinggi Islam dan peserta dari negara-negara sahabat.

Ijtima Kali Ke-5 yang bertemakan "Ulama Menjawab Problematika Umat dan Kebangsaan".telavh dirasmikan oleh Naib Presiden Republik Indonesia, Jusuf Kalla. Secara garis besar tiga topik permasalahan dibincangkan iaitu Strategis Kebangsaan (masail asasiyah wathaniyah), permasalahan Keagamaan Kontemporari (masail diniyah waqi'iyah mu'ashirah) dan permasalahan terkait dengan Peraturan Perundangan (masail qanuniyah).

KAJIAN FATWA

Isu-isu kefatwaan yang telah dan sedang dibuat kajian sepanjang tahun 2015

Bil.	Isu Kajian	Pasukan Penyelidik
1.	Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyah: Kajian Perkembangan Dan Amalannya Di Malaysia	UKM
2.	Kajian Lanjutan-Hudud Menurut Perundangan Islam dan Kerelevanannya Di Malaysia	UKM
3.	Klasifikasi Tekstil Sutera Dan Hubungannya Dengan Hukum Kepenggunaan Sutera Menurut Islam	UTM
4.	Kajian Kimia Terhadap Produk Tekstil Sutera Tulen Dan Sintetik	UiTM
5.	Penilaian Menyeluruh Penerimaan Pengguna Dan Kepenggunaan Laman Web e-Fatwa	UTM
6.	Kajian Hukum Konsep Minda Bawah Sedar Dalam Latihan Minda Dan Spiritual	UMP
7.	Amalan dan Kaedah Pengeluaran Fatwa Oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Kebangsaan	USIM

PROGRAM FELO PENYELIDIK FATWA

Program "Islam 101"

Pihak Astro dengan kerjasama JAKIM menerbitkan satu program berbentuk "fillers" atau " kapsul" yang dinamakan "Islam 101". Objektif utama program adalah untuk memberi penjelasan dan huraian mengenai isu-isu fatwa untuk disebarkan melalui media penyiaran.Pihak Blueblack Production mengadakan penggambaran program Islam 101 pada 06 Mei 2015 untuk disiarkan pada bulan Ramadhan 1436H. Sebanyak 15 kupasan fatwa telah mendapat kerjasama tiga orang Felo Penyelidik Fatwa JAKIM .



Dr Arief Salleh Rosman



Dr Mohd Farid Mohd Sharan




Lukmanulhakim Hussain

Antara perkhidmatan yang telah diberikan oleh Felo Penyelidik Fatwa kepada masyarakat umum adalah seperti berikut:

1. Q & A Felo Penyelidik Fatwa melalui email
2. Q & A Felo Penyelidik Fatwa melalui talian hotline
3. Pembentangan kertas di Seminar/Wacana/Bicara Pendidikan Fatwa
4. Melaksanakan kajian isu-Isu kefatwaan
5. Menyediakan pandangan hukum yang dirujuk kepada Felo Penyelidik Fatwa
5. Panel jemputan seminar/forum
6. Penulisan artikel di akhbar

PENERBITAN FATWA

1. Buku Q & A Bersama Felo Fatwa (Siri 2)
2. Buku Siri Kajian Fatwa – Pendermaan Rahim
3. Buku Q & A Isu Vaksin
4. Pamplet Fatwa:
    - Ajaran Makrifat
    - Anak Tak Sah Taraf
    - Pendermaan Jasad Untuk Tujuan Penyelidikan
    - Pendermaan Rahim




PENDERMAAN JASAD SI MATI UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN
DAN
PENDERMAAN RAHIM
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Q&A
BERSAMA
FELO FATWA
SIRI 2


AJARAN
ILMU MAKRIFAT
(MENGENAL ALLAH / DIRI)
OLEH
OHD. YUSOF CIK WOOK
NG DISEBARKAN OLEH
JI SHAARI MOHD YUSOF


ANAK
TIDAK
SAH TARAF
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PORTAL E-FATWA

Portal e-fatwa dan Facebook Bahagian Pengurusan Fatwa merupakan gerbang yang menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan keputusan-keputusan fatwa kepada masyarakat umum. Selain dari itu, penjelasan-penjelasan hukum semasa juga diterangkan oleh Felo Penyelidik Fatwa JAKIM. Berdasarkan analisa pada akhir tahun 2015 sebanyak 1,845,906 kunjungan ke portal e-fatwa berbanding 1,602,272 kunjungan yang dibuat pada tahun sebelumnya. Manakala Facebook kendalian bahagian mendapat 71,673 *likes*.



Facebook Bahagian Pengurusan Fatwa merupakan gerbang maya bagi menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan fatwa





Portal e-fatwa memuatkan senarai fatwa-fatwa kebangsaan dan negeri, berita-berita aktiviti Bahagian Pengurusan fatwa serta Q & A bersama Felo Penyelidik Fatwa.



MANIFESTASI DAKWAH DALAM MASYARAKAT

SIMPOSIUM PENGURUSAN & PENGENDALIAN PUSAT WARGA EMAS MALAYSIA

JAKIM telah menangunjurkan Simposium Pengurusan & Pengendalian Pusat Warga Emas Malaysia Tahun 2015pada 14 Disember 2015 bertempat di Dewan Datuk Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor. Simposium ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Penganjuran simposium bertitik tolak daripada beberapa perjumpaan dan perbincangan rasmi atau tidak rasmi oleh JAKIM dengan pihak-pihak luar seperti NGO's adalah untuk bekerjasama bagi membentuk satu sekretariat dalam usaha memperkasakan masa depan warga emas negara khususnya warga emas Muslim secara lebih efisien, konsisten, sistematik dan proaktif. Penglibatan bersama daripada pusat-pusat penjagaan warga emas yang lain amat diperlukan dalam usaha ini agar struktur pengendalian penjagaan dan pendidikan warga emas Muslim di Malaysia berjaya diperkasakan.



Para peserta sedang tekun mendengar dalam sesi forum



QURBAN BERSAMA KORPORAT KALI PERTAMA BAGI TAHUN 1436H/2015M



JAKIM telah menjayakan Majlis Perasmian Program Qurban Bersama Korporat Bagi Tahun 1436H/2015M pada 25 September 2015. Program ini merupakan antara inisiatif rintis yang dianjurkan secara bersama oleh 20 buah syarikat korporat yang menjadi anggota SDK (Sekeretenat Dakwah Korporat) JAKIM iaitu Pos Malaysia Berhad, Khazanah Nasional Berhad, RHB Islamic, Bank Muamalat Malaysia Berhad, TH, Petronas, DRB-HICOM, TNB, TM, STMB, BSN, MAB, MAHB, KTMB, Bank Rakyat, PNB, Ambank Islamic, BHB, Maybank Islamic, CIMB Islamic dan dua buah agensi rakan strategik JAKIM iaitu TV Al-Hijrah dan IKIM.

Syarikat Pos Malaysia Berhad telah dilantik selaku tuan rumah bagi pelaksanaan program kali pertama ini. Oleh demikian, Pusat Mel Nasional (PMN), Seksyen 21, Shah Alam, Selangor telah dipilih sebagai lokasi pelaksanaan majlis perasmian program ini. Majlis ini merupakan acara perasmian bagi pelaksanaan Program Qurban Bersama Korporat Kali Pertama Bagi Tahun 1436H/2015M yang dilaksanakan di tujuh buah negeri (Selangor, Pahang, Perak, Kedah, Melaka, Sabah dan Sarawak) dengan kerjasama Penyelaras Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) di lima buah negeri, JAKIM Cawangan Sabah dan Sarawak serta Jabatan Agama Islam Negeri sempena Aidiladha bermula 24 hingga 27 September 2015.

Majlis ini telah dihadiri lebih kurang 500 orang peserta yang terdiri daripada oleh wakil pengurus besar syarikat-syarikat korporat, kakitangan PMN dan anak-anak yatim dari Rumah Sinaran Budi, Setapak. Acara perasmian majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM mewakili Ketua Pengarah JAKIM.



Acara Simbolik Majlis disempurnakan oleh Dato' Haji Ali Mohammed dan Encik Helmi bin Hashim Ketua Operasi Pos Mel, Pos Malaysia Berhad bersama Encik Syed Zulnurin Syed Loed, Ketua Pusat Mel Nasional, Shah Alam, Selangor









Selesai sesi gotong-royong
(melapah dan memasak daging qurban)







Acara Simbolik Perasmian: Penyampaian Cek Sumbangan Qurban oleh TKPPI diiringi oleh Encik Hasnul Haniff, Ketua Pegawai Operasi Pos Mel, Pos Malaysia Berhad

KEMBARA DAKWAH BERMOTOSIKAL DAN KHIDMAT MASYARAKAT 2015

Pada 1 Mei - 3 Mei 2015 JAKIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu, All Bikers Club Malaysia (ABCM) menganjurkan Program Kembara Dakwah Bermotosikal dan Khidmat Masyarakat yang melibatkan tiga buah negeri iaitu Kuala Lumpur, Pahang serta Terengganu. Program ini disempurnakan oleh Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM. Seramai 120 orang sukarelawan berumur 25 - 50 tahun terlibat dengan kenderaan motor kuasa tinggi (superbike). Program yang berprestij ini mampu menarik minat 20 orang peserta dari Negara Arab Saudi iaitu United Bikers Arab Saudi (UBAS) untuk menyertainya.

Dengan mewujudkan jaringan antarabangsa antara dua kelab motor Malaysia dan Arab Saudi ini dapat mengeratkan hubungan belia di samping mempromosikan aktiviti pelancongan di Malaysia. Dengan kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tourism Malaysia, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), FELDA, Malaysia Easy Riders Community (MEC) dan TV Alhijrah, para peserta dapat merasai pengalaman merentasi tiga negeri secara konvoi berpasukan dengan menggunakan jalan darat sejauh 1000 kilometer dua hala.





PELANCARAN DASAR DAKWAH NEGARA

JAKIM telah menjayakan Majlis Pelancaran Program Ihya' Ramadan 1436H/2015M Peringkat Kebangsaan dan Pelancaran Dasar Dakwah Negara bertempat di Dewan Muktamar, Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur pada 16 Jun 2015. Majlis ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) dan telah disempurnakan perasmian pelancarannya oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).



Program ini merupakan gabungan dua majlis utama iaitu Majlis Pelancaran Program Ihya' Ramadan 1436H/ 2015M Peringkat Kebangsaan dan Majlis Pelancaran Dasar Dakwah Negara. Majlis Pelancaran Program Ihya' Ramadan Peringkat Kebangsaan merupakan program tahunan Jabatan bertujuan mengeratkan silaturrahim dan kerjasama antara JAKIM dengan agensi-agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu, majlis ini menjadi medan informasi, nasihat dan peringatan mengenai hal ehwal berkaitan ibadah puasa dan perkara-perkara wajib ditunaikan sepanjang bulan Ramadan. Majlis Pelancaran Dasar Dakwah Negara (DDN) pula diadakan bagi memberi penjelasan mengenai DDN dan Pelan Tindakan Dakwah Negara (PTDN) kepada Panel Pemikir Dakwah Negara (PPDN) dan Ahli Jawatankuasa Induk Dakwah Negara (JIDN) yang telah dilantik. Sebagai kemuncak kepada pengisian majlis ini, YB Menteri di JPM telah menyempurnakan upacara perasmian pelancaran Program Ihya' Ramadan 1436H/ 2015M Peringkat Kebangsaan melalui penyampaian sumbangan bantuan Ihya' Ramadan, Pengimarahan, Kebersihan dan Keceriaan Masjid, Surau Jumaat dan Surau Wilayah Persekutuan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Seterusnya, beliau melancarkan Dasar Dakwah Negara.



Suasana sepanjang Sesi Ucaptama dan Wacana berlangsung







Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Pelancaran Buku Dasar Dakwah Negara

SEMINAR SUFI MENURUT PENDEKATAN WASATIYYAH PERINGKAT KEBANGSAAN

JAKIM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Yayasan Taqwa (MAIWP) dan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) telah menganjurkan Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2015 pada 7 hingga 8 September 2015 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Seminar yang bertemakan" Kesufian Penjana Keharmonian dan Perpaduan Ummah" ini telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan turut dihadiri oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dasuki, Timbalan Menteri di JPM. Seminar ini disertai seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada Jabatan Mufti, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN), Agensi kerajaan, NGO Islam, IPTA, IPTS dan juga pengamal tarekat daripada Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan.

YB Menteri dalam ucapannya menyeru agar pihak-pihak berkuasa agama Islam negeri agar dapat turut megadakan program seumpamanya untuk memberi pemahaman yang lebih jelas kepada masyarakat agar bebas daripada fahaman dan amalan yang bercanggah dengan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.





PERSIDANGAN PENYELARASAN PENGURUSAN DAKWAH JAKIM /JAIN SELURUH MALAYSIA



Pada tahun 2015 Persidangan Penyelarasan Pengurusan Dakwah JAKIM /JAIN Seluruh Malaysia diadakan sebanyak dua siri iaitu kali keempat pada 17 - 19 Mei 2015 di M-Suite Hotel, Johor Bahru, dan kali kelima pada 11 - 13 November 2015 di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak.

Persidangan yang dianjurkan oleh JAKIM menerusi Bahagian Dakwah dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Sarawak ini membincangkan penyelarasan dan perancangan aktiviti dakwah antara JAKIM dan JAIN serta perkongsian program inovasi oleh JAIN. Majlis Perasmian Persidangan Keempat disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Persidangan Kelima disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam Sarawak, YBhg Datu Haji Putit bin Matzen dan turut dihadiri Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM, Dato' Haji Ali bin Mohammed.

Persidangan ini dipengerusikan oleh Dato' Haji Ali bin Mohammed dan dihadiri oleh Ketua-ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah dari seluruh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Persidangan ini telah membuahkan persetujuan dan kata sepakat dalam melaksanakan program berkaitan dengan dakwah untuk diambil perhatian dan tindakan bersama antara JAKIM dan JAIN.





KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JAKIM

31 Mac 2015, telah berlangsung Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat JAKIM Tahun 2015 di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM. Program ini disertai oleh lima kumpulan dari pelbagai bahagian di JAKIM. Masing-masing telah mempersembahkan tajuk projek yang sangat menarik dan memberikan saingan sengit di antara pasukan yang bertanding. Pemenang pertama jatuh kepada Kumpulan G-Daie, Bahagian Dakwah, JAKIM. Pemenang menerima wang tunai RM 5,000.00, piala dan sijil penyertaan.Tempat kedua disandang oleh Kumpulan S-Best dari JAKIM Sabah dan telah memenangi wang tunai RM 3,000.00 dan sijil penyertaan. Manakala tempat ketiga disandang oleh Kumpulan ILIMATIVE dari Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan telah memenangi wang tunai RM 2,000.00 dan sijil penyertaan.Syabas kepada semua pasukan yang bertanding termasuklah dua lagi pasukan terlibat iaitu kumpulan H170 dari bahagian Halal JAKIM dan Kumpulan KICHO dari JAKIM Cawangan Sarawak. Majlis penyerahan sijil dan replika cek wang sagu hati telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Hj. Othman bin Mustapha diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Dato' Hj. Razali bin Hj. Sahabudin.









MAHRAJAN AMAL ISLAMI MUALLAF DIANJURKAN BUAT JULUNG KALI

JAKIM bersama rakan strategik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menganjurkan Mahrajan Amal Islami Muallaf Kebangsaan Tahun 2015 pada 4 hingga 6 Disember 2015 di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi.

Penganjuran Mahrajan Amal Islami Muallaf Kebangsaan Tahun 2015 merupakan program yang julung-julung kali dianjurkan di negara ini khusus kepada golongan muallaf. Program yang dianjurkan dua tahun sekali ini merupakan program latihan khusus untuk membudayakan kehidupan harian muallaf ke arah tarbiah Islam yang syumul.

Pelbagai acara telah dipertandingkan sepanjang tiga hari perjalanan mahrajan ini, iaitu Solat individu (lelaki dan perempuan), Azan dan Iqamat, Hafazan (lelaki dan perempuan), Syarahan (lelaki dan perempuan), Tilawah al-Quran (lelaki dan perempuan), dan Kuiz berkumpulan.





KONVENSYEN SAUDARA MUSLIM PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2015

Konvensyen Saudara Muslim Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 telah diadakan pada 23 dan 24 Mei 2015 di Dewan 2020, Persiaran Wawasan, Kangar Perlis. Titah Ucapan Perasmian Penutup Konvensyen telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. Berangkat sama ialah Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda, Tuanku Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Konvensyen ini berlangsung selama dua hari dan dihadiri oleh 800 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan termasuk juga dari Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Badan-dadan Bukan Kerajaan (NGO).

Pada kali ini, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin menyampaikan Anugerah Saudara Muslim Cemerlang Kebangsaan 2015 kepada Datuk Dr. Fadzli Cheah Abdullah dari Perak sementara Raja Perempuan menyampaikan anugerah kepada penerima wanita iaitu Norasikin Ong Abdullah dari negeri Kelantan. Mereka membawa pulang hadiah berupa plak, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak RM5,000.00. Konvensyen berakhir dengan Gimik Pelancaran Sistem E-Muallaf Peringkat Negeri Perlis dan Penyampaian Anugerah Saudara Muslim Cemerlang 2015 oleh Tuanku Raja Perlis.





Gimik pelancaran Konvensyen



Penerima anugerah bergambar kenangan bersama Tuanku Raja Perlis dan Tuanku Raja Perempuan Perlis

MEDIA PENYIARAN

Media penyiaran merupakan antara penyampai dan penyebar maklumat yang paling berkesan. Di JAKIM penyiaran rancangan-rancangan agama terbitan JAKIM melalui saluran TV dan radio masih mendapat rating yang tinggi di kalangan penonton.

Pada tahun 2015 JAKIM telah melaksanakan sebanyak 11 Rancangan Berjadual. Antaranya Forum Perdana Ehwal Islam, Anda Musykil, Santai Bersama, Hadis 40, Fikrah dan Tilawah Interaktif. Dalam pada itu, tujuh (7) Rancangan Khas telah diterbitkan iaitu Ikon Asnaf, Iktikaf, Sirah Nabi, Hanya Engkau Ku Sembah, Rahmat Kasih, Sajian Sunah dan Seruan Haji.

Rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh JAKIM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan mencapai rating yang tinggi di kalangan penonton antaranya Forum Perdana (mencapai 1,321,425 penonton), Santai Bersama (rating tertinggi 1,097,493 penonton), Hadis 40 (rating tertinggi 1,322,125 penonton), Anda Musykil (mencapai 528,997 penonton) dan Persada Jurnal mencapai 493,561 penonton).



Penceramah Santai Bersama – YBhg. Dato Ustaz Mohd Kazim Elias



Salah satu program Santai Bersama



Salah satu program Santai Bersama

MESYUARAT PENYELARASAN RANCANGAN AGAMA BAHAGIAN MEDIA, RTM DAN JAIN MENGIKUT ZON

JAKIM telah mengambil inisiatif mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Rancangan Agama Radio dengan RTM Ngeri dan Jabatan Agama Islam Negeri. Tujuan mesyuarat adalah bagi memastikan penyampaian isi kandungan rancangan agama radio tidak bercanggah dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

Sebanyak dua mesyuarat penyelarasan mengikut zon telah diadakan iaitu Zon Timur paa 19 Mac 2015, di Kuantan dan Zon Utara pada 5 Mei 2016 yang telah diadakan di Alor Setar, Kedah.

Mesyuarat ini telah mendapat sambutan baik dari RTM dan JAIN dalam meningkatkan kesedaran melalui media dalam isu-isu semasa mengenai Islam seperti halal, jihad dalam Islam, kefahaman terhadap penggunaan hadis sahih dan kefahaman mengenai fatwa.



Mesyuarat Penyelarasan Rancangan agama radio JAKIM , RTM dan jain di RTM pahang, 19 mac 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), YBhg. Dato' Razali Shabudin



Ahli mesyuarat sedang bermesyuarat

BENGKEL PENYEDIAAN FAIL MEJA BAHAGIAN MEDIA

JAKIM telah mengadakan Bengkel Penyediaan Fail Meja pada di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.Tujuan bengkel adalah bagi memberi pendedahan awal dan menyediakan Fail Meja Bahagian Media.Bengkel ini telah disertai oleh seramai 20 orang Pegawai dan kakitangan Bahagian Media.



Peserta Bengkel Penyediaan Fail Meja



Ahli kumpulan sedang berbengkel

ANUGERAH & SIJIL PENGHARGAAN JKKP KEPADA RADIO SALAMFM MENERUSI RANCANGAN SALAM SIHAT (2015)

Radio SalamFm 91.1, telah diberi pengiktirafan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia di atas penghargaan jabatan ini kepada radio SalamFM, kerana telah memberi ruang slot siaran setiap hari Sabtu jam 7.30 pagi menerusi rancangan Salam Sihat secara 'Live'. Anugerah Penghargaan ini adalah sempena Hari Anugerah Cemerlang Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2015, bagi kategori Media.





NCOSH

MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

Sijil Penghargaan

Anugerah Cemerlang
Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
Kebangsaan 2015

Sekalung tahniah kepada

RADIO MALAYSIA JAKIM SALAMFM
ANUGERAH MEDIA

di atas prestasi cemerlang di dalam pelaksanaan
Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Pada Tahun 2015

MEDIA CETAK


Bahan Bacaan Terbitan JAKIM

JAKIM memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah melalui pelbagai saluran. Antaranya bidang nya ialah dakwah bil hal, penyiaran, pendidikan, modal insan dan juga melalui terbitan buku-buku dan majalah-majalah khas. Antara yang telah diterbitkan oleh JAKIM ialah :

Bil	Kategori Bahan Terbitan	Tajuk
1	Buku	- Terjemahan Hadith Jami' Tirmizi
2	Majalah	- Majalah Pendidik - Majalah Cahaya - Majalah Sinar Rohani
3	Buletin	- Buletin Harian Tilawah sempena Majlis Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa.
4	Risalah Khas	- Perpaduan Nadi Transformasi Negara - Maulidur Rasul
5	Risalah Yassin	- Sempena Hari Keputraan DYM SPB Yang Di-Pertua Agong - Sempena Hari Pahlawan. - Sempena Maal Hijrah .







PROMOSI BAHAN TERBITAN JAKIM DAN JUALAN LUAR PEJABAT

JAKIM melalui Bahagian Penerbitan aktif menjelajah ke seluruh Negara dalam mempromosikan buku-buku terbitan JAKIM sepanjang 2015, Unit Promosi menjalankan akiviti memperkenalkan buku-buku bagi menggalakkan rakyat menambah minat membaca dan menambah nilai penghayatan Islam melalui pembacaan buku-buku bebentuk Islamik.

LAPORAN KESELURUHAN JUALAN BUKU JAKIM 2015

(KUTIPAN JUALAN KEDAI BUKU JAKIM KOMPLEKS D (TERMASUK JUALAN LUAR) & KEDAI BUKU JAKIM MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN)

BIL.	BULAN	KEDAI BUKU/JUALAN LUAR PEJABAT	NASKHAH	NILAI (RM)
1.	Januari	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	984	18,017.35
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	201	4,666.90
JUMLAH KESELURUHAN			1,185	22,668.25
2.	Februari	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	2,416	44,394.70
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			2,416	44,394.70
3.	Mac	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	1,558	26,413.95
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	628	2,004.80
JUMLAH KESELURUHAN			2,186	28,418.75
4.	April	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	2,911	25,977.20
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	128	2,539.30
JUMLAH KESELURUHAN			3,039	28,516.50
5.	Mei	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	2,857	27,347.25
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			2,857	27,347.25
6.	Jun	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	646	10,233.10
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	88	671.70
JUMLAH KESELURUHAN			734	10,904.80
7.	Julai	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	2,293	30,982.10
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	25	372.00
JUMLAH KESELURUHAN			2,318	31,354.10
8.	Ogos	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	1,287	19,692.25
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			1,287	19,692.25


BIL.	BULAN	KEDAI BUKU/JUALAN LUAR PEJABAT	NASKHAH	NILAI (RM)
9.	September	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	1,172	17,442.55
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	27	685.60
JUMLAH KESELURUHAN			1,199	18,128.15
10.	Oktober	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	1,341	21,042.70
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	144	3,736.55
JUMLAH KESELURUHAN			1,485	24,779.25
11.	November	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	1,459	22,978.80
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			1,459	22,978.80
12.	Disember	Kedai Buku JAKIM Kompleks D	906	13,440.66
		Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	97	2,494.15
JUMLAH KESELURUHAN			1,003	15,934.81
JUMLAH KESELURUHAN TAHUNAN (2015)			21,168	295,117.61

PECAHAN JUALAN

> HASIL JUALAN KEDAI BUKU JAKIM KOMPLEKS D	RM 225,095.94
> HASIL JUALAN KEDAI BUKU JAKIM MASJID TUANKU MIZAN	RM 17,171.00
> HASIL JUALAN PROGRAM LUAR YANG DISERTAI	RM 52,850.67
JUMLAH JUALAN KESELURUHAN	RM 295,117.61


PERPUSTAKAAN AWAM ISLAM (PAI)

PAI yang terletak di Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur menyediakan perkhidmatan dan sumber rujukan mengenai Islam kepada warga JAKIM , komuniti setempat dan orang awam. Sehingga tahun 2015, PAI mempunyai 145,205 naskah koleksi bahan rujukan.



Pengguna Perpustakaan

Jumlah pengguna perpustakaan PAI bagi tahun 2015 adalah seramai 7,615 orang. Butiran terperinci adalah seperti berikut : -




Pinjaman Bahan Perpustakaan

Jumlah permohonan pinjaman bahan sepanjang tahun 2015 adalah sebanyak 886 pinjaman.

Pertanyaan Rujukan

Perpustakaan menerima sebanyak 853 pertanyaan rujukan sepanjang tahun 2015.

Carta statistik pencapaian perkhidmatan perpustakaan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:




Jenis Bahan yang dirujuk

(a) Koleksi Umum
Sebanyak 1,961 naskah bahan umum dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2015.

(b) Koleksi Arab
Sebanyak 280 naskah koleksi Arab dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2015.

Berikut adalah carta statistik buku dirujuk di PAI bagi tahun 2015.



PENGUKUHAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN KEMASYARAKATAN

Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti adalah berasaskan Pelan Strategik JAKIM 2015-2019 di bawah Teras 4, Strategi 4 iaitu Memantapkan Institusi Keluarga, Sosial dan Komuniti Islam. Antaranya ialah memberi pendidikan kekeluargaan, melaksanakan program rawatan dan pemulihan kepada kumpulan sasar, memberi latihan kepada jurulatih, melaksana, menyemak dan menyelaras dasar dan modul kekeluargaan, sosial dan komuniti Islam dan menyelaras pengurusan nikah, cerai dan rujuk dalam dan luar negara bagi warganegara dan bukan warganegara

CAWANGAN PENYELARASAN NIKAH, CERAI DAN RUJU'

Program yang telah dilaksanakan ialah:-

Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' (KPNCR) Seluruh Malaysia Kali ke 32 dan Lawatan Rasmi Ke Singapura



Objektif utama persidangan ini adalah untuk menghimpunkan Ketua-ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Ruju' seluruh Malaysia dan agensi berkaitan bagi menyelesaikan isu dan permasalahan berhubung pengurusan nikah, cerai dan ruju' orang Islam di Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia. Selain itu ia bertujuan sebagai platform untuk menyelaras peraturan mengenai urusan nikah, cerai dan ruju' orang islam di Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia.

Pada tahun 2015, JAKIM meneruskan usaha menyelaras pengurusan nikah, cerai, ruju' melalui Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' (KPNCR). Persidangan kali Ke 32 telah diadakan pada 6 - 8 Mei 2015 bertempat di Hotel Selesa, Johor Bahru, Johor yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM , Dato' Haji Razali bin Shahabudin.





Tiga kertas telah dibentangkan meliputi satu kertas cadangan daripada Jabatan Pendaftaran Negara berkaitan Penyelarasan Pengurusan Pendaftaran Kelahiran Bagi Perkahwinan Luar Negara dan dua Kertas Makluman daripada Bahagian KSK yang berkaitan isu pengurusan pernikahan warga asing dan status pelaksanaan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM)

Persidangan kali ini juga turut mengadakan lawatan kerja rasmi ke negara Singapura.Antara tempat yang dikunjungi ialah Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura, diikuti dengan Mahkamah Syariah Singapura.Para delegasi turut melawat Registry of Muslim Marriages bagi melihat pengurusan pernikahan yang melibatkan orang Islam di Singapura.





November 2015 bersamaan 6 dan 7 Safar 1437H bertempat di Hotel Park Avenue, Sungai Petani, Kedah

Terdapat lapan pembentangan di dalam persidangan kali ini yang meliputi tujuh kertas makluman daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Agama Islam Perak, Jabatan Agama Islam Selangor dan Bahagian Pengurusan Maklumat, JAKIM serta satu kertas laporan daripada Bahagian KSK, JAKIM.





Multaqa Pendaftar dan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'

JAKIM telah mengadakan dua siri multaqa' iaitu Siri Ipada 17 Mac 2015 bertempat di Dewan Indera Kayangan, Kangar, Perlis dan siri II pada 05 Oktober 2015 bertempat di Dewan Saidina Abu Bakar, Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM).

Program anjuran JAKIM yang turut mendapat kerjasama Jabatan Agama Islam terlibat ini mengumpulkan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Nikah, Cerai, Ruju' di Perlis dan Perak.

Program yang bertujuan memberi kefahaman dan pendedahan berkaitan prosedur nikah, cerai dan ruju' di Malaysia serta mempertingkatkan keberkesanan proses urusan perkahwinan orang Islam di Malaysia dan di luar negara supaya selari dengan undang-undang dan peraturan Negara dihadiri oleh Pendaftar/Penolong Pendaftar/ Juru Nikah setempat.

Peringkat Negeri Perlis

Antara pengisian program ini ialah sesi ceramah dan pembentangan Kertas Kerja yang bertajuk "Halalnya Nikah" oleh Ketua Pendaftar JKSN Tuan Mohamad Zulhairi bin Abd Aziz. Oleh Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Negeri Perlis, YBhg.Puan Rohaizam binti Abdul Rahim, bertajuk Modul Perkhidmatan Keluarga Bermasalah. Sesi soal jawab bersama kedua-dua penceramah. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis YBhg. Tuan Haji Mohamad Sokri bin Haji Husin.






Penyelarasan Pengurusan Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'

Pembangunan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) telah mengadakan penyelarasan pengurusan perkahwinan, perceraian dan ruju' di Konsulat Jeneral Malaysia di Thailand dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia Cambera, KJM/ Education Malaysia Australia (EMA) Sydney, Melbourne, dan Perth, Australia.

Program ini diadakan bertujuan menyelaras pengurusan pernikahan, perceraian dan ruju' di Pejabat Perwakilan Malaysia (PPM), memberi penjelasan dan kefahaman bagi pelaksanaan prosedur perkahwinan, perceraian dan ruju' luar Negara di samping memberi latihan penggunaan Modul Nikah, Cerai dan Ruju' Luar Negara, SPPIM.Penyelarasan telah diadakan di :

Tempat	Tarikh
Konsulat Jeneral Malaysia, Songkhla	4 Ogos 2015
Konsulat Jeneral Malaysia, Sydney	7 - 8 September 2015
Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Canberra	9 - 10 September 2015
Konsulat Jeneral Malaysia, Melbourne	11 & 14 September 2015
Konsulat Jeneral Malaysia, Perth	15 & 17 September 2015



Carta 1 : Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Seluruh Malaysia 2014

CAWANGAN 'ILAJ WA SHIFA' SOSIAL DAN KOMUNITI

Persidangan Antarabangsa Islam dan HIV

Persidangan Antrabnagsa Islam dan HIV/AIDS 2015 telah diadakan di Hotel The Royale Chulan, Kuala Lumpur pada 17 Oktober 2015 (Sabtu). Ianya adalah anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis AIDS Malaysia (MAM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM). Tema persidangan pada kali ini, "*Together we care*".



Persidangan yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki ini turut melancarkan Buku Manual Islam dan HIV/AIDS dalam versi Bahasa Arab.



Ucapan perasmian oleh Timbalan Menteri di JPM, Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki



Sidang Media Persidangan Antarabangsa Islam dan HIV/ AIDS



Sidang Media Pelancaran Manual Islam dan HIV/AIDS versi Bahasa Arab

Objektif penganjuran persidangan ini adalah membincang, menyelaras dan menyelesai isu-isu berbangkit berhubung permasalahan HIV/AIDS di kalangan umat Islam serta meningkatkan jaringan pengetahuan dan perkongsian maklumat antara Malaysia dan negara luar. Di samping itu, ia dapat mempromosikan pendekatan Islam dalam menangani isu berkaitan jangkitan HIV serta program-program pencegahan jangkitan baru HIV terutama di bawah Program Pengurangan Kemudaratan yang diterajui oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia selain meningkatkan kesedaran dan keyakinan bahawa pendekatan Islam adalah alternatif yang terbaik melalui Manual Islam dan HIV/AIDS; dan



Peserta Persidangan



Sebahagian Peserta Antarabangsa

10 orang pembentang kertas kerja dan 3 orang moderator terlibat ketika sesi Plenari dan pembentangan kertas kerja. 2 pembentang kertas kerja dari luar negara dan 8 orang pembentang dari Malaysia yang terdiri dari pakar perubatan, pakar akademik dan pengamal perubatan alternatif Islam.



Sidang Plenari : ISLAM & HIV/ AIDS DI MALAYSIA



Sidang 1 : Strategi menangani HIV/AIDS menerusi Pengurangan Kemudaratan



Sidang 2 : Best Practise: Kepelbagaian pengalaman dari Institusi

Melalui persidangan ini telah berjaya memperkenalkan Manual Islam dan HIV/AIDS kepada dunia sebagai sumber rujukan, informasi, pendidikan dan panduan untuk kebaikan semua pihak. Serta dapat mempromosikan pendekatan Islam dalam usaha membenteras HIV/AIDS serta meningkatkan keberkesanan usaha dakwah bagi mencegah masalah dan isu ini dan memantapkan khidmat sokongan bagi mereka yang dijangkiti.





Sesi soal jawab

IJTIMA' PEGAWAI RUNDINGCARA DAN FASILITATOR PUSAT KHIDMAT KELUARGA, SOSIAL DAN KOMUNITI (PKKSK), JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI SELURUH MALAYSIA TAHUN 2015



Timbalan Menteri di JPM, YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki menyampaikan ucapan

Program ini telah diadakan selama tiga hari iaitu pada 30 September & 1-2 Oktober 2015 Perak bertempat di Felda Residence Trolak, Sungkai, Perak. Ijtima' yang mengumpulkan 200 orang Fasilitator Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti dan Pegawai Runding cara Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri ini telah diadakan bertujuan Memberi pendedahan kepada Pegawai Runding Cara dan Fasilitator PKKSK Jabatan Agama Islam Negeri mengenai isu-isu semasa berkaitan keluarga, sosial dan komuniti serta mekanisme penyelesaiannya menurut perspektif kaunseling Islam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Gambar 3: YBhg. Dato' Hj. Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sedang menyampaikan ucapan aluan

Ijtima' ini juga mengenengahkan Pemulihan dan Rawatan Islam ('Ilaj Syarie) dalam Menangani Isu Sosial Masa Kini oleh Dr. Abdul Ghaffar bin Hj. Surip, JAKIM dan Konsep Kaunseling Islam Sebagai Metode Dakwah oleh Prof. Dr. Zainab binti Ismail, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Program ini telah memantapkan perkongsian strategik di antara agensi dalam memperkasakan perkhidmatan dan profesionalisme Pegawai Runding Cara dan Fasilitator PKKSK Jabatan Agama Islam Negeri secara lebih holistik dan berkesan Selain itu, perkongsian pengalaman dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan mengenai Pelaksanaan Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK):

KEMPEN "BUAT ELOK SAJA TAU! (BEST)"



Pelajar IPT sebahagian dari sukarelawan yang terlibat

Satu pendekatan baru membanteras gejala sosial sehingga akar umbi iaitu melalui pendekatan kerja kesukarelawanan difikirkan sangat relevan dan satu alternatif. Dan disamping itu juga akan memberi keinsafan dan kesedaran kepada para sukarelawan untuk bersatu menggembeling tenaga menangani gejala sosial melalui pendekatan kerja kesukarelawanan.

JAKIM bersama 240 orang Sukarelawan Sosial Islam (SSI) telah turun ke lapangan mendekati masyarakat Kuala Lumpur bagi memupuk kesedaran gejala sosial di kalangan generasi muda. **Kempen Buat Elok Saja Tau! (BEST!)** ini JAKIM telah bekerjsama JAWI, PRASARANA dan juga dengan agensi bukan kerajaan, Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM), Urusetia Menangani Gejala Sosial (UNGGAS), Pertubuhan Amal Firdausi Kuala Lumpur (PAFI).

Para Sukarelawan Sosial Islam (SSI) telah didedahkan dengan ilmu kesukarelawanan sebelum mereka turun ke lapangan. Mereka telah turun ke lapangan di sekitar SOGO, Pasar Seni, Dataran Jam dan Masjid Jamek Bandaraya. Di samping mengedarkan pemplet, para Sukarelawan Sosial Islam turut berdialog dan menasihati generasi muda supaya mengelakkan



melakukan perbuatan tidak bermoral. Pihak PRASARANA telah mengecualikan tiket LRT dan membenarkan menggunakan ruang Stesen LRT bagi kempen ini. Para sukarelawan berkesempatan berbaskin lagu-lagu dakwah dan berselawat di dalam LRT dan mengedar pemplet. Selain itu, para sukarelawan melakukan aktiviti Flashmob menutup aurat dengan sempurna dengan tema "Tutup Aurat Jauhkan Maksiat".

Bonus kepada para sukarelawan pada kempen ini, seorang orang awam telah memeluk Islam hanya dengan tertarik pada poster Flashmob menutup aurat. Aktiviti GEMA JALANAN adalah satu aktiviti yang telah menarik minat generasi muda, antara pengisiannya seperti Salawat Jalanan, berpuisi dan menyanyi lagu-lagu ketuhanan di tempat awam. Reaksi orang awam terhadap kempen ini amatlah baik. Antara objektif kempen ini adalah untuk mempelbagaikan kaedah dakwah dan untuk menunjukan Islam itu mesra komuniti dan melahirkan pasukan Sukarelawan Sosial Islam (SSI) yang bersedia menghadapi cabaran dan rintangan yang mendatang dengan penuh bersemangat dan teguh meskipun tidak mendapat penghargaan dan pengiktirafan.











PROGRAM KESEJAHTERAAN KEPADA GOLONGAN LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT) 2015

Sepanjang tahun 2015, JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta beberapa NGO yang berkaitan telah melaksanakan 7 program kesejahteraan terhadap golongan LGBT. Selain itu, unit ini turut melaksanakan beberapa aktiviti mendekati komuniti melalui temuseru (outreach) dan Iftar Jamai'.Aktiviti Usrah Bulanan turut dilaksanakan sebagai salah satu bentuk program susulan yang melibatkan komuniti.

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	KUMPULAN SASARAN
1	Program Mukhayyam	Johor	6 – 8 Mac	Man Sex With Man (MSM)
2	Program Mukhayyam	Melaka	27 – 29 Mac	Man Sex With Man (MSM)
3	Program Mukhayyam	Terengganu	16 – 18 April	Transgender (TG)
4	Program Mukhayyam	Perak	11 – 13 Mei	Transgender (TG)
5	Program Mukhayyam	Lembah Klang	22 – 24 Mei	Lesbian
6	Program Iftar & Perbincangan Bersama Komuniti	Johor Bahru	17 Julai	Man Sex With Man (MSM)
7	Program Mukhayyam	Pahang	21 – 24 Ogos	Transgender (TG)
8	Program Usrah Bulanan	Putrajaya		Man Sex With Man (MSM)
9	Program Mukhayyam	Kedah	11 – 13 Okt	Transgender (TG)

Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan Teras 4, Pelan Strategik JAKIM 2015-2019 yang bertujuan memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah. Ia juga adalah selaras dengan Indeks Syariah Malaysia yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Ogos 2014 di bawah salah satu daripada 8 bidang utama iaitu kesejahteraan sosial.

Objektif Program Mukhayyam ini dilaksanakan adalah seperti berikut :

a. Membimbing dan memberikan kesedaran kerohanian/ spritual terhadap golongan LGBT melalui pendekatan agama (tauhid) untuk mereka menghadapi cabaran hidup serta kembali kepada kehidupan fitrah.

b. Memberikan pendedahan dan bimbingan ilmu fardu ain kepada golongan ini bagi melaksanakan tuntutan agama.

c. Memberikan pengetahuan dan kesedaran berkaitan kesihatan khususnya HIV dan lain-lain penyakit berjangkit.

d. Memberikan bimbingan motivasi serta kemahiran mempertingkatkan jatidiri.

e. Menghapuskan stigma dan diskriminasi antara komuniti ini dengan golongan agama serta masyarakat sekeliling.

Dasar Keluarga, Sosial dan Hal Ehwal Wanita Islam.









Dasar Keluarga, Sosial dan Hal Ehwal Wanita Islam

PERSIDANGAN JAWATANKUASA BERTINDAK (*FOCAL POINT*) MENANGANI GEJALA SOSIAL

JAKIM telah mengadakan Persidangan Jawatankuasa Bertindak (Focal Point) Menangani Gejala Sosial Bil.5/2015 pada 21-23 Oktober 2015 bertempat di Concorde Inn KLIA.





Ahli persidangan bersama-sama menyumbang idea

Objektif utama persidangan ini adalah untuk memurnikan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruan Gender. Objektif pembangunan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruan Gender adalah memudahkan penyampaian maklumat terkini berkaitan strategi menangani gejala sosial khasnya isu kecelaruan jantina. Di samping Memperkasakan pegawai-pegawai dalam melaksanakan program yang berkesan dalam membendung gejala sosial kecelaruan jantina yang semakin kritikal ketika ini.

Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruan Gender telah digubal oleh Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), KPWKM, LPPKN, KKM, ahli-ahli akademik dan NGOs Islam bagi membolehkan peranan yang lebih berkesan dan proaktif dalam membenteras masalah-masalah sosial khasnya isu kecelaruan gender yang melibatkan golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT).

Ahli persidangan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang mewakili Jabatan Agama Islam Negeri, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi awam, badan bukan kerajaan dan bahagian-bahagian di JAKIM.

Terdapat 4 Teras strategi Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruan Gender. Butirannya sebagaimana dibawah:

TERAS STRATEGIK PELAN TINDAKAN MENAGANI GEJALA SOSIAL (KECELARUAN GENDER)

- Meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan insan.
- Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang mengutamakan perspektif keluarga, sosial dan komuniti.
- Menyedia dan memastikan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga, sosial dan komuniti mudah diakses atau dicapai dan;
- Menyedia modul dan melaksanakan kajian keberkesanan program kepada golongan sasar yang melibatkan masyarakat terpinggir dan berisiko tinggi.



Ahli persidangan yang hadir

Bengkel Pemurnian Dasar Dan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara

JAKIM telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara 2015 pada 3-4 November 2015 bertempat Johor Baharu. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Pengarah, Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM , Tuan Halim bin Ahmad.

Objektif utama bengkel ini ialah untuk menghasilkan metode gerak kerja ke arah pelaksanaan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara akan mula dilaksanakan pada tahun hadapan. Program ini juga bertujuan untuk mendapat maklumat berkaitan pelaksanaan Dasar Keluarga Sakinah di Johor.Hasil perbincangan diharap dapat digunakan untuk penambahbaikan dari sudut gerak kerja pelaksanaan Dasar Keluarga Sakinah Negara. Seterusnya pelan ini akan diangkat dalam mesyuarat-mesyuarat utama seperti Persidangan Ketua Jabatan (PKJ) dan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MKI).

Pelan tindakan ini akan dilaksanakan secara holistik oleh pegawai-pegawai JAKIM , JAIN, MAIN, Institusi Pendidikan, agensi kerajaan yang berkaitan dan NGO's Islam. Adalah diharapkan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara dapat dilaksanakan bagi membangunkan keluarga yang aman damai dan produktif serta diredhai Allah di negeri-negeri seluruh Malaysia untuk tindakan dan usaha yang lebih sepadu, sistematik dan islamik.

Manakala taklimat berkaitan pelaksanaan Modul Keluarga Sakinah Negeri Johor telah disampaikan oleh Tuan Haji Rais bin Dato' Haji Abu Bakar dari Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Johor. Ahli-ahli bengkel turut berpeluang untuk membuat lawatan kerja ke Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Johor Darul Takzim.





Ahli bengkel yang terlibat

Terdapat 5 Teras Strategi Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara. Butirannya sebagaimana di bawah:

TERAS 1

- Memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan keluarga yang sakinah;

TERAS 2

- Memperkasakan keupayaan organisasi bagi meningkatkan kecekapan pengurusan keluarga dan komuniti;

TERAS 3

- Memperkukuhkan pengurusan kekeluargaan melalui bidang penyelidikan dan pembangunan;

TERAS 4


- Penyelarasan dan penyeragaman undang-undang keluarga Islam seluruh Malaysia; dan

TERAS 5

- Kerjasama strategik dan ukhuwah Islamiyyah ke arah penyatuan ummah

PISWI MENJANA ILMU DI SALAMFM

Sekretariat Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI), JAKIM telah mengambil inisiatif membuat rakaman kapsul untuk disiarkan melalui Radio Salamfm. (Radio JAKIM) di Stesen Radio, Angkasapuri RTM, Kuala Lumpur.



Rakaman kapsul di Salamfm

Topik yang dijadikan kapsul ialah berkenaan bulan Ramadhan dan isu-isu semasa berkaitan wanita dan keluarga. Seramai 6 orang pegawai dari Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Dasar Keluarga, Sosial dan Hal Ehwal Wanita Islam Ustazah Sabariah binti Salleh selaku turut menyumbang idea dan suara dalam rakaman kapsul tersebut.

Tujuan penyiaran kapsul ini ialah untuk memberi informasi dan pengisian ilmu kepada masyarakat dan seterusnya dapat mendidik mereka supaya lebih berfikiran positif untuk mendepani apa jua cabaran dalam kehidupan. Kapsul ini akan disiarkan secara berterusan sepanjang bulan Ramadhan 1436H.

Rakaman kapsul ini akan diteruskan oleh Ahli-ahli Panel Pemikir PISWI yang dilantik oleh JAKIM dengan topik yang pelbagai mengikut kepakaran masing-masing. Semoga usaha dakwah kita untuk menangani pelbagai isu dan masalah dalam masyarakat Islam khususnya akan sentiasa mendapat rahmat daripada Allah SWT.

PENGUKUHAN MODAL INSAN

PEMERKASAAN MODAL INSAN PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM (PHEI)

Taskforce Kajian Penambahbaikan Pengurusan Hal Ehwal Islam

Selaras dengan usaha melakukan transformasi sektor agama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga telah menubuhkan satu Pasukan *Taskforce* Kajian Penambahbaikan Pengurusan Hal Ehwal Islam Malaysia. Pasukan *taskforce* ini dianggotai seramai 20 orang ahli dari pelbagai sektor berkaitan Islam.

Penubuhan pasukan *taskforce* ini adalah bagi melaksanakan kajian dan seterusnya menyediakan laporan berkaitan Penambahbaikan Pengurusan Hal Ehwal Islam Malaysia untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

Dalam menjalankan kajian ini, pasukan *taskforce* telah melaksanakan beberapa sesi dialog seperti berikut:

Bil	Program	Tarikh
1.	Dialog *Taskforce* bersama Majlis Profesor Negara	25 Mac 2015
2.	Dialog *Taskforce* bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam (Ngo's Islam)	2 April 2015
3.	Dialog *Taskforce* bersama agensi-agensi Islam Negeri Perlis	22 – 25 Mei 2015
4.	Dialog *Taskforce* bersama agensi-agensi Islam Negeri Kedah	27 Mei 2015
5.	Dialog *Taskforce* bersama agensi-agensi Islam Wilayah Persekutuan	29 Jun 2015
6.	Dialog *Taskforce* bersama agensi-agensi Islam Negeri Kelantan	29 Julai - 1 Ogos 2015
7.	Program Dialog *Taskforce* bersama YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	22 Okt 2015
8.	Program Dialog *Taskforce* bersama agensi-agensi Islam Negeri Sabah	28-30 Oktober 2015
9.	Program Dialog *Taskforce* bersama agensi-agensi Islam Negeri Sarawak	21-23 Disember 2015



Ahli-ahli Taskforce dalam satu sesi dialog di Negeri Sabah

PROGRAM PUSAT PENILAIAN JAKIM (PPJ) GRED S27

Pada tahun 2015, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menggunakan kaedah pengambilan Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) Gred S27 melalui ujian bertulis, pusat penilaian JAKIM dan temuduga.

Kaedah ini dilaksanakan selaras dengan dasar pengambilan oleh beberapa Jabatan lain di peringkat pusat. JAKIM merupakan antara agensi terawal melaksanakan Program Penilaian Pra Perlantikan bagi PHEI yang dikenali sebagai Pusat Penilaian JAKIM (PPJ). Langkah ini diharap dapat meletakkan perkhidmatan PHEI dalam arus perdana perkhidmatan awam negara. Objektif Program Pusat Penilaian JAKIM (PPJ) ini adalah:

i. Mencungkil bakat dan kebolehan calon sebagai persediaan untuk memikul tanggungjawab sebagai Pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam.

ii. Menguji daya ketahanan diri dan kawalan emosi calon dinilai dari segi mental dan fizikal termasuk mematuhi peraturan, menepati masa, mengamalkan integriti dan bersifat sabar.

iii. Mempertingkatkan profesionalisme dan memantapkan kaedah pengambilan pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam.

Seramai 706 orang calon telah hadir pada 11 siri PPJ Gred S27 tahun 2015 seperti jadual di bawah:

SIRI	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH CALON
1	19 Januari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	31
2	20 Januari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	65
3	21 Januari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	75
4	22 Januari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	82
5	26 Januari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	73
6	27 Januari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	82
7	28 Januari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	75
8	29 Januari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	77
9	4 Februari 2015	Institut Latihan Islam Malaysia	77
10	10 Februari 2015	Pusat Latihan Sarawak	16
11	12 Februari 2015	Pusat Latihan Islam Kundasang	53
JUMLAH			706

Setelah penilaian dilaksanakan terhadap peserta-peserta yang menghadiri PPJ ini senarai peserta yang layak akan dihantar ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia

bagi urusan seterusnya iaitu sesi temuduga bagi memastikan pegawai yang kompeten dan berkualiti sahaja ditawarkan lantikan ke skim perkhidmatan PHEI JAKIM .

PEMBANGUNAN LATIHAN

Latihan Dalam Tempoh Percubaan

JAKIM telah diberi tanggungjawab merangka dan melaksanakan program-program latihan bagi membangunkan kompetensi Pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI) bermula di peringkat awal perlantikan yakni dalam tempoh percubaan secara optimum agar dapat melahirkan PHEI yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif yang inginkan kecemerlangan serta memiliki etika dan nilai yang sejajar dengan budaya kerja di JAKIM.

Sejajar dengan keperluan semasa dan cabaran yang perlu dilalui oleh PHEI sepanjang perkhidmatan, maka modul i-Qawiyy al-Amin telah dibangunkan khusus untuk memberi latihan kepada semua pegawai dan kakitangan lantikan baru bagi Skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Semua PHEI diwajibkan mengikuti Kursus Asas PHEI yang berpandukan kepada modul i-Qawiyy al-Amin setelah melapor diri untuk berkhidmat di JAKIM. Objektif kursus ini dilaksanakan adalah untuk:-

i. Melahirkan warga PHEI yang beriman, berilmu, profesional dan kompeten.

ii. Membentuk warga PHEI yang bersikap positif, berintegriti, dan berpersonaliti tinggi.

iii. Menerap pendekatan berhikmah dalam PHEI ke arah melahirkan budaya kerja yang cemerlang.

iv. Memberi penjelasan bagi meningkatkan kefahaman mengenai pengurusan dan pentadbiran hal Ehwal Islam di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Perlaksanaan kursus ini bergantung kepada adanya perlantikan pegawai baru untuk berkhidmat dalam skim PHEI. Sepanjang tahun 2015, Bahagian Pembangunan Insan telah melaksanakan dua siri Kursus Asas PHEI. Kursus siri pertama telah diadakan pada 14 hingga 22 Mei 2015 bertempat di Pusat Pemantapan Akidah Jelebu, Negeri Sembilan melibatkan penyertaan seramai 20 orang Pembantu Hal Ehwal Islam gred S17. Manakala kursus siri kedua telah diadakan pada 2 hingga 7 September 2015 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Besut Terengganu melibatkan 65 orang penyertaan dalam kalangan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam gred S27.

Carta 1 : Pelaksanaan Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam Tahun 2015.

Siri	Tarikh	Gred	Penyertaan		Jumlah
			Lelaki	Perempuan	
1.	14 – 22 Mei 2015	S 17	11	9	20 orang
2.	2 - 7 September 2015	S 27	63	2	65 orang



Barisan urus setia, fasilitator dan petugas keselamatan







Aktiviti indoor





Aktiviti Outdoor

Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)

HLP merupakan tajaan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pegawai awam bagi membiayai kos pengajian di peringkat ijazah lanjutan iaitu Ph.D dan Sarjana. Tujuan HLP ini dilaksanakan adalah untuk melahirkan penjawat awam yang mempunyai daya saing, ilmu pengetahuan yang tinggi, berkompetensi, berbakat dan berkemahiran dalam pelbagai bidang bagi meningkatkan prestasi, produktiviti dan daya inovasi di Agensi. Setiap tahun JAKIM memberi peluang kepada PHEI untuk melanjutkan pengajian melalui tajaan HLP atau perbelanjaan sendiri.

Pada tahun 2015 seorang pegawai JAKIM telah berjaya menerima anugerah Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dalam bidang Hadis dan 16 orang pegawai menerima ijazah Sarjana. Penganugerahan ijazah disampaikan sempena istiadat konvokesyen di universiti masing-masing. Senarai pegawai yang telah tamat belajar dan berjaya adalah sebagaimana berikut;

Bil.	Nama Pegawai	Bidang Pengajian	Peringkat Pengajian	Tempat Pengajian
1.	Dr. Muhamad Hapizi Bin Sulaiman	Hadis	Ph.D	UIA
2.	Imlah Binti Abd. Aziz	Syariah (Pengurusan)	Sarjana	UM
3.	Jamilah Binti Mohd Zain	Dakwah	Sarjana	UNISZA
4.	Warda Binti Misnon	Dakwah	Sarjana	UKM
5.	Saiful Azhar Bin Saadon	Dakwah	Sarjana	UM
6.	Khairani Binti Husin	Syariah (Undang-Undang)	Sarjana	UKM
7.	Nor Azimah Binti Azmi	Syariah (Undang-Undang)	Sarjana	UKM
8.	Syarifah Khairiah Binti Syed Abu Bakar	Usuluddin (Pemikiran Islam)	Sarjana	UKM
9.	Abdul Karim Bin Zakaria	Al-Quran & al- Sunnah	Sarjana	UM
10.	Ahmad Dasuki Bin Hashim	Al-Quran & al- Sunnah	Sarjana	UM
11.	Haslinda Binti Lukman	Al-Quran & al- Sunnah	Sarjana	UKM
12.	Nor Rosnita Binti Gani	Syariah	Sarjana	UKM

Bil.	Nama Pegawai	Bidang Pengajian	Peringkat Pengajian	Tempat Pengajian
13.	Zakaria Bin Othman	Syariah (Pengurusan)	Sarjana	UM
14.	Hazwani Binti Mohamad Nor	Syariah (Pengurusan)	Sarjana	UM
15.	Johari Bin Latiff	Halal	Sarjana	UM
16.	Baharudin Bin Idris	Ekonomi Islam	Sarjana	UKM
17.	Zuraini Binti Mohd Shokori	Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)	Sarjana	USIM

PROGRAM PEMERKASAAN PHEI DI LUAR NEGARA

Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di London

Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di London merupakanprogram pemerkasaan modal insan khususnya bagi Pegawai Hal Ehwal Islam di peringkat global dengan anjuran bersama antara JAKIM dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Kursus ini telah disusun khusus secara "customize" untuk dilaksanakan kepada Pegawai Perkidmatan Hal Ehwal Islam dari Malaysia. Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi latihan secara komprehensif kepada pegawai-pegawai pelapis kepimpinan di JAKIM dan juga pegawai dari agensi-agensi agama di Malaysia. Disamping untuk membina keyakinan diri, peningkatan kemahiran dan pendedahan melalui pengkayaan pengalaman dan pengetahuan dengan kaedah pembelajaran yang bukan sahaja diperolehi daripada bilik kuliah tetapi juga daripada kemahiran pemerhatian di dunia luar (*self learning*).

Seramai 22 orang Pegawai Hal Ehwal Islam yang sedang bertugas di pelbagai agensi agama antaranya JAKIM , Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Pusat Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam, Yadim dan juga Tabung Haji telah berangkat ke London bagi menghadiri Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam yang berlangsung pada 10 Mac hingga 3 April 2015 bertempat diWesminster Kingsway College, London.Kursus ini dikendalikan dalam Bahasa Inggeris dan berpandukan kepada modul *"Leadership & Management"*.

Aktiviti pembelajaran diadakan dalam dua bentuk iaitu pembelajaran secara formal di dalam kelas dan pembelajaran tidak formal yang melibatkan aktiviti-aktiviti luar seperti lawatan sambil belajar ke syarikat-syarikat terpilih, sesi khas bersama Dato' Dr. Afifi al-Akiti di Oxford University, aktiviti sosial, kebajikan dan juga pengendalian program agama bersama rakyat Malaysia di Malaysia Hall, yang bertujuan untuk membina kemahiran kepimpinan secara langsung dan tidak langsung.

Senarai Peserta Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam Di London Tahun 2015

BIL	NAMA	AGENSI
1.	Ruslan Bin Said	Bahagian Dakwah, JAKIM
2.	Bukhari Bin Md Akhir	Bahagian Keluarga, Sosial Dan Komuniti, JAKIM
3.	Marzuki Bin Hassan	Pejabat Penasihat Undang-Undang, JAKIM
4.	Norliah Binti Sajuri	Bahagian Penyelarasan Undang-Undang, JAKIM
5.	Jafri Bin Abdullah	Bahagian Hab Halal, JAKIM
6.	Siti Razmah Binti Idris	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)
7.	Mohd Zamir Bin Bahall	Institut Kemahiran Sarawak (IKMAS)
8.	Munir Bin Salleh	Kementerian Dalam Negeri
9.	Amran Bin Awaludin	Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan
10.	Salwana Binti Ahmad Dahlan	Jabatan Agama Islam Selangor
11.	Dato' Mohd Yusop Bin Husin	Jabatan Agama Islam Perak
12.	Dato' Che Mohd Rahim Bin Jusoh	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
13.	Aizi Saidi Bin Abd. Aziz	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
14.	Haji Shazli Bin Abdul Kadir	Jabatan Agama Islam Sarawak
15.	Salehuddin Bin Abdul Manaf	Jabatan Agama Islam Pahang
16.	Prof. Dato' Hassan Basri Bin Awang Mat Dahan	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
17.	Mohd Nizam Bin Yahya	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

BIL	NAMA	AGENSI
18.	Nor Haida Binti Selamat	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
19.	Ariff Bin Apandi	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak
20.	Mustafa Bin Omar	Majlis Agama Islam Johor
21.	Awang Dulhadi Bin Awang Mat	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim)
22.	Mohamed Zahir Bin Hussin	Lembaga Tabung Haji



Peserta bergambar kenangan bersama tenaga pengajar - Martin Horton, Sarah Clarke, Fatima Vepari & Steve



Bersama YBhg. Dato' Dr. Afifi Al-Akiti, *Fellow in Islamic Studies, Faculty of Theology, Fellow & Lecturer in World Religions, Worcester College, University of Oxford*



Peserta bergambar kenangan bersama TYT Duta Malaysia di United Kingdom, YBhg. Dato' Ahmad Rasidi bin Hazizi





Pembelajaran dalam kelas





Lawatan ke syarikat-syarikat terpilih

Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa

Perlaksanaan Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Madinah al-Buuth dan Darul Ifta', Mesir merupakan salah satu usaha JAKIM dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) untuk meningkatkan kemahiran, kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) khususnya dalam pengurusan dakwah dan kefatwaan yang berhubung kait dengan masalah semasa ummah. Melalui kursus ini, PHEI akan diberi penekanan mengenai asas-asas ilmu bagi mengeluarkan sesuatu hukum disamping mendalami kemahiran pengurusan kefatwaan yang dipelajari di Darul Ifta', Mesir.

Pada tahun 2015 seramai 22 orang PHEI telah dipilih untuk mengikuti kursus ini. Mereka terdiri daripada 8 orang pegawai JAKIM dan 12 orang pegawai yang sedang bertugas di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Mufti, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Pusat Islam Institut Pengajian Tinggi Tempatan, Maktab Rendah Sains Mara, Yayasan Islam Terengganu dan juga Maahad Tahfiz Pahang. Kursus ini berlangsung selama 3 bulan bermula 1 September 2015 sehingga 28 November 2015 dibahagikan kepada dua peringkat pelaksanaan sebagaimana berikut:

Tarikh	Modul/Tempat	Pelaksana
1 September hingga 29 Oktober 2015	Pengurusan Dakwah; bertempat di Madinah al-Buuth, Kaherah Mesir.	Pejabat Setiausaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Dakwah Islamiah al-Azhar Mesir.
1 hingga 28 November 2015	Pengurusan Fatwa; bertempat di Darul Ifta', Kaherah Mesir.	Darul Ifta', Mesir.

Senarai PesertaKursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Mesir Tahun 2015.

BIL	NAMA	AGENSI
1.	Mohd Norizan Bin Abd. Ghani	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Caw. Besut Terengganu
2.	Hamdan Bin Jar'ee	JAKIM Cawangan Sarawak
3.	Oslan Affandi Bin Abdullah	Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM
4.	Nik Azlan Bin Nik Man	Pejabat Penasihat Undang-Undang, JAKIM
5.	Fauziah Binti Razap	Bahagian Perhubungan JAKIM
6.	Mohamad Fazli Bin Zain	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
7.	Hariati Binti Abu Kher	Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi
8.	Dato' Haji Zulkifle Bin Haji Ali	Maahad Tahfiz Pahang
9.	Datuk Haji Bungsu @ Aziz Bin Haji Jaafar	Pejabat Mufti Negeri Sabah
10.	Mual Bin Suaud	Jabatan Mufti Negeri Sarawak
11.	Abdul Jamel Bin Jaafar	Jabatan Mufti Wilayah
12.	Ihsanuddin Bin Ismail	Jabatan Mufti Terengganu
13.	Mohd Fadzli Bin Mat Saman	Jabatan Agama Islam Pahang
14.	Muhamad Yusri Bin Aman	Jabatan Agama Islam Pahang
15.	Mohd Adnan Bin Abdullah	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
16.	Haji Baharin Bin Jala	Jabatan Agama Johor
17.	Mohd Hairulamin Bin Mohd Sis	Majlis Agama Islam Melaka
18.	Mohd Rafie Bin Zakaria	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
19.	Mohd Ezri@Asri Bin Abd Rahman	Yayasan Islam Terengganu
20.	Riswadi Bin Azmi	Pusat Islam Universiti Malaysia Terengganu
21.	Mohd Zabedi Bin Abd Samad	Maktab Rendah Sains Mara
22.	Mohd Azli Bin Abdullah	Maktab Rendah Sains Mara



Ketua Pengarah JAKIM dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) bergambar bersama peserta di KLIA sebelum berlepas ke Kaherah



Bergambar kenangan bersama TYT Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir, YM Dato' Ku Jaafar Ku Shaari



Meraikan kemerdekaan Malaysia di bumi Mesir

Kursus Imam Dan Pendakwah

Kursus Imam dan Pendakwah merupakan kursus anjuran Lajnah al-'Ulya Lil Dakwah al-Islamiyyah al-Azhar al-Sharif Mashikhah al-Azhar Mesir. Kursus yang berlangsung selama 3 bulan ini dibiaya oleh penganjur termasuk makan minum, penginapan dan yuran kursus. Peserta hanya menanggung kos pengangkutan dan makan malam yang tidak disediakan oleh penganjur.

Peluang menyertai kursus ini dibuka kepada semua Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) yang berkhidmat di JAKIM , Agensi Kader JAKIM , Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Mufti. Pada tahun 2015, penganjur telah melaksanakan 4 siri kursus dan melibatkan 7 orang PHEI bagi setiap siri kursus. Penyertaan kursus ini kebanyakannya terdiri daripada peserta dari negara India, Binin, Jepun, Negeria, Kazastan, Rusia dan lain-lain lagi.

Menariknya, kursus ini memberi peluang kepada semua peserta untuk mendalami ilmu-ilmu agama mencakupi bidang fikh, usul fikh, akidah serta ulum al-Quran dan sebagainya secara langsung dari para ilmuan yang muktabar di Mesir. Kursus ini merupakan medium peningkatan keintelektualan modal insan dari kalangan Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) sebagai persediaan untuk menangani permasalahan masyarakat. Disamping itu juga, semua peserta mengambil peluang menuntut ilmu bacaan al-Quran yang bersanad daripada alim ulamak di Mesir antaranya Sheikh Muhammad Abdoun Nabi, Sheikh Redho dan Sheikh Hasan Rejab.

Peserta kursus Imam dan Pendakwah Tahun 2015:

Siri 1 Tahun 2015		
BIL	NAMA	TEMPAT BERTUGAS
1.	Mohd Firdaus bin Rosli	Jawi Kuala Lumpur
2.	Ilham bin Zakaria	Jab. Penjara Pengkalan Chepa
3.	Roslee bin Ismail	MAIN Kelantan
4.	Mohd Sidek bin Mamat	MAIN Kelantan
5.	Kamal bin Mamat	JAIN Terengganu
6.	Mohd Nazri bin Jamaluddin	JAIN Johor
7.	Mohd Sofiyudin bin Abdul Razak	Jabatan Mufti Kedah

Siri 2 Tahun 2015		
BIL	NAMA	TEMPAT BERTUGAS
1.	Hamid bin Mohamad	Bhg. Dakwah JAKIM
2.	Abdul Wahid bin Ishak	JAIN Selangor
3.	Mohamad Zhafri bin Mohd Zain	JAIN Kelantan
4.	Muzalmanhaslan bin Mustafa	AADK
5.	Agku Bolkhizan bin A Ahmad Thani	Pej. Mufti, Labuan
6.	Kamaruzzaman bin Husni	AADK
7.	Muhammad Yaseirul Fadhil bin Ghazali	BAKA Tuaran, Sabah

Siri 3 Tahun 2015		
BIL	NAMA	TEMPAT BERTUGAS
1.	Mohamad Azahar bin Mohamad	ILIM, Bangi.
2.	Mohd Faizal bin Yusof	Bhg. Penyelidikan JAKIM
3.	Ustaz Ahmad Khirwan bin Said	JAWI Kuala Lumpur
4.	Zainul Helmi bin Abdul Jalil	JAWI Kuala Lumpur
5.	Mohd Soleh bin Abdul Razak	JAIN Pulau Pinang
6.	Mohd. Iskandar Shah bin Ibrahim	BAKA Pulau Pinang
7.	Mazlan bin Safei	BAKA Terengganu

Siri 4 Tahun 2015		
BIL	NAMA	TEMPAT BERTUGAS
1.	Zairol bin Aladib	Masjid Putra
2.	Abdul Rahman bin Othman	Pejabat Kadi Daerah Pontian
3.	Mohd Rizaudim bin Abdul Hamid	MAIWP
4.	Mohamad Syakir bin Azmi	Baka Kuala Lumpur
5.	Haji Sayujan bin A Majid	PPMD, JAIN Pahang
6.	Nik Khairuddin bin Che Ab Rahman	PPMD, MAIN Kelantan



Para peserta bersedia untuk berangkat ke Mesir


Pengajian al-Quran Bersanad


Pembelajaran Dalam Kelas

Kursus Imam Di Jordan

Pada tahun 2015, julung kalinya JAKIM mendapat kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah menghantar 6 orang Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) mengikuti Kursus Imam di Institut Imam dan Dakwah Raja Abdullah II, Amman Jordan. Tujuannya untuk melahirkan imam-imam masjid yang profesional, berkemahiran dan berwibawa serta bagi memastikan imam-imam yang dilatih mencapai tahap imam-imam yang terkenal di persada antarabangsa. JAKIM telah bangunkan modul imam pelapis melibatkan 5 tahap latihan yang perlu diikuti termasuk kursus di Dalam Negara dan Luar Negara.

Senarai peserta Imam adalah seperti berikut:

Bil.	Nama
1.	Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Mat. Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya.
2.	Us. Lokman bin Mohd. Hosni. Imam Masjid Putra, Putrajaya
3.	Us. Ehsan bin Mohd. Hosni. Imam Masjid Negara, Kuala Lumpur
4.	Us. Amru Al Haz bin Adnan. Imam Masjid Negara, Kuala Lumpur
5.	Tuan Haji Abdul Halim bin Abdullah. Imam Masjid Manjalara, Kuala Lumpur
6.	Us. Mohd Isa bin Abdullah Bahagian Pembangunan Insan



Para peserta bersedia bertolak ke Jordan



Bergambar bersama Pegawai Institut Imam dan Dakwah Raja Abdullah II, Amman Jordan dan semua peserta kursus



Bergambar kenangan bersama Duta Malaysia di Jordan

Latihan Sangkutan di Akademi Fiqh Islam Antarabangsa, Jeddah.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menghantar dua (2) pegawai sebagai perintis Program Latihan Sangkutan di Akademi Fiqh Islam Antarabangsa @ International Islamic Fiqh Academy (IIFA) di Jeddah, Arab Saudi pada 23 November 2015 hingga 03 Disember 2015. Program ini merupakan kali pertama dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai yang bertanggungjawab terus dalam pengurusan fatwa di Malaysia. Usaha ini adalah selari dengan bidang tugas JAKIM selaku penyelaras hal ehwal Islam di peringkat persekutuan. Dua (2) pegawai yang dipilih untuk menyertai latihan ini ialah Ustaz Aminudin bin Mohamad, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM dan Ustaz Abdul Halim bin Tawil, Timbalan Mufti Negeri Melaka.

Program ini sebagai pendedahan mengenai peranan yang dimainkan oleh IIFA dalam membincang dan memutuskan sesuatu isu hukum semasa sebagai panduan umat Islam sedunia. Keputusan yang dibuat oleh IIFA adalah sebagai ijtihad jamai'e yang melibatkan ulama-ulama besar dan pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan dari seluruh dunia, termasuk Malaysia. Program sulung ini diharap dapat menjadi perintis kepada usaha mewujudkan hubungan yang lebih erat dan rasmi dengan IIFA dan mendedahkan dengan kaedah pengurusan hukum/fatwa di peringkat antarabangsa.



Bergambar kenangan bersama Setiausaha, Pengarah & Pegawai IIFA dan Wakil Konsul General Malaysia di Jeddah, Adi Affendi Abdul Halim (dua dari kiri)



Kunjungan Ke Islamic Economics Institute, King Abdul Aziz University, Jeddah



Kunjungan Ke Islamic Research & Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank (IDB)



Ustaz Aminudin Mohamad Menerima Sijil Daripada Setiausaha IIFA



Ustaz Abdul Halim Tawil Menerima Sijil Daripada Setiausaha IIFA

PEMERKASAAN PUSAT LATIHAN DAN AKADEMIK JAKIM

Pembangunan Modul Latihan JAKIM

Pembentukan modal insan yang cemerlang, profesional dan berkompetensi tinggi di dalam organisasi juga memerlukan kepada latihan yang tersusun dan berterusan. Justeru itu, Bahagian Pembangunan Insan juga telah membangunkan modul-modul latihan yang akan digunapakai di Pusat-pusat Latihan JAKIM. Pembangunan modul–modul ini adalah bagi memastikan pelaksanaan kursus di Pusat-pusat Latihan JAKIM menepati standard dan kualiti yang ditetapkan.

Bagi tahun 2015, JAKIM telah membangunkan sebanyak tiga buah modul iaitu:

1- **Modul *Interfaith Dialouge* (Dialog antara Agama)**
Modul ini dibangunkan bagi memberi latihan kepada pegawai Hal Ehwal Islam berkaitan kemahiran berdialog dan mediasi melalui program dialog antara agama dan aktiviti keagamaan. Modul ini turut memberi kefahaman mengenai etika berdialog dan garis panduan pelaksanaan dialog antara agama menurut perspektif Islam.

2- **Modul *Interfaith Dialouge* (Dialog Isu-isu Semasa Agama)**
Modul ini dibangunkan bagi memberi pendedahan kepada para pegawai hal ehwal Islam berkaitan kemahiran berdialog di dalam isu-isu semasa yang berkaitan dengan agama Islam.Modul ini dapat memberi pendedahan mengenai kekeliruan dalam akidah yang timbul di kalangan umat Islam masa kini, di samping membina kemahiran berhujah bagi menangkis kekeliruan dan salah faham dalam isu-isu berkaitan akidah.

3- **Modul Sijil Tinggi Tasawuf dan Kerohanian Islam**
Modul ini dibangunkan bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenaipembangunan rohani melalui pendekatan ilmu tasawuf. Modul ini turut menghuraikan mengenai beberapa isu asas penting dalam ilmu tasawuf yang biasa menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Ia turut menjelaskan kepentingan ilmu tasawuf sebagai metod pembinaan akhlak mahmudah dan penyucian akhlak mazmumah.

Sebanyak tiga (3) modul pula telah berjaya dicetak pada tahun 2015 iaitu:

1- Modul Sijil Tinggi Akidah dan Pemikiran Islam
2- Modul Sijil Tinggi Pengurusan dan Kepemimpinan Islam
3- Modul Sijil Tinggi Pengurusan Harta dan Kewangan Islam



Barisan panel penggubal Modul Sijil Tinggi Akidah dan Pemikiran Islam, Modul *Interfaith Dialouge,* Modul *Intrafaith Dialouge,* dan Modul Sijil Tinggi Tasawuf dan Kerohanian Islam

PENGIKTIRAFAN PENGAJIAN PUSAT AKADEMIK JAKIM

Permohonan untuk Mendapatkan Akreditasi Sementara bagi Program Pengajian Peringkat Diploma di IKMAS dan IPDAS

Pada 17 Februari 2015, JAKIM telah menghantar dua borang permohonan beserta dua dokumen MQA-01 ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk mendapatkan akreditasi sementara bagi program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). Kos bagi kedua-dua permohonan adalah sebanyak RM8, 000.

Pada 11 September 2015, Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman Mustapha, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Insan, Dr. Abdul Ghaffar bin Surip dan Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Insan, Syarifah Khairiah Syed Abu Bakar telah mengadakan kunjung hormat ke Agensi Kelayakan Malaysia untuk mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Ekskutif, Dato' Prof Dr.Rujhan Mustafa. Tujuan kunjung hormat ini diadakan bagi mendapatkan pandangan dan nasihat daripada ketua agensi tersebut khususnya berkaitan dengan cadangan penambahbaikan kualiti program-program pengajian di Pusat-Pusat Akademik bawah JAKIM termasuklah mendapatkan pengiktirafan atau akreditasi program pengajian. Hasil kunjungan tersebut, pihak agensi bersetuju untuk memberi perhatian khusus dan tindakan segera terhadap permohonan akreditasi sementara yang telah dipohon oleh JAKIM.

Pada 5 Oktober 2015, pihak MQA telah menghantar Laporan Penilaian Program Akreditasi Sementara bagi Program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah Ikmas kepada Bahagian Pembangunan Insan untuk diambil tindakan penambahbaikan terhadap beberapa perkara yang telah disenaraikan. Satu bengkel khusus telah diadakan pada 12 hingga 16 Oktober bagi menyediakan maklum balas laporan tersebut.

Pada 23 Oktober, pihak Agensi Kelayakan Malaysia telah menjemput BPI, wakil IKMAS, wakil IPDAS dan Darul Quran untuk menghadiri Mesyuarat Penyelarasan di Ibu Pejabat MQA, Petaling Jaya bagi membentangkan hasil maklum balas laporan yang telah dijawab oleh pihak Ikmas. Pada mesyuarat yang sama juga, dibincangkan tentang dokumen permohonan Darul Quran untuk Diploma Tahfiz Wa Qiraat.

Pada 28 November 2015, BPI telah menerima surat dari MQA yang memperakukan program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah yang dijalankan oleh Ikmas dan Ipdas telah memenuhi keperluan kualiti.



Kunjung Hormat dan Pertemuan antara Ketua Pengarah JAKIM dan Ketua Pengarah Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia pada 11 September 2015



Bengkel penyediaan maklum balas laporan penilaian akreditasi sementara Program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah Ikmas dari 12 - 16 oktober 2015





Mesyuarat Penyelarasan antara Agensi Kelayakan Malaysia dan JAKIM pada 23 oktober 2015



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE OFFICER
Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shueh Lin
46050 Petaling Jaya
SELANGOR

Tel: 603-7968 7002
Faks: 603-7956 8498
Laman Web: www.mqa.gov.my

Ruj. Kami: MQA.600-2/1/6 Jld 43 (25)
Tarikh: 24 November 2015

Ketua Eksekutif
Institut Kemahiran Islam Malaysia (IKMAS)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Cawangan Sarawak
Telaga Air, Jalan Matang
93050 Kuching
SARAWAK

Tuan

PERAKUAN MEMENUHI KEPERLUAN KUALITI UNTUK TUJUAN MENAWARKAN PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH (MQA/PA 7517)

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*; MQA) yang bermesyuarat pada **27 Oktober 2015** telah memberikan tahap kualiti untuk tujuan penawaran program tersebut di atas.

3. Sehubungan itu, pihak **MQA memperakukan bahawa program tersebut telah memenuhi keperluan kualiti untuk tujuan penawarannya** tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di perkara 3 dan 4 **Lampiran A**.

4. Bagi tujuan permohonan mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara, pihak tuan hendaklah terlebih dahulu memperoleh kelulusan pengendalian program daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan mengemukakan bukti pematuhan syarat-syarat Perakuan Memenuhi Keperluan Kualiti yang berkenaan. Pihak tuan juga dikehendaki mengemukakan **Lampiran B** kepada MQA semasa membuat permohonan Perakuan Akreditasi Sementara.

5. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperoleh dengan menghubungi **Pn. Siti Nur Azreen Teroh** di talian **03-7956 9197** atau e-mel **azreen@mqa.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,

(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
No. Telefon: 03 – 7956 9152 (TT) / 03 – 7968 7044
No. Faks: 03 – 7954 7125
E-mel: rmustafa@mqa.gov.my

Surat Perakuan daripada MQA

PEMANTAUAN PUSAT LATIHAN DAN AKADEMIK JAKIM

Program Pemantauan Standard Kualiti Pengurusan Pusat-Pusat Latihan JAKIM

Pada tahun 2008, pengurusan tertinggi JAKIM telah bersetuju agar satu pemantauan diadakan di Pusat Latihan dan Pusat Akademik JAKIM bagi memastikan perjalanan operasi pengurusan pusat mampu mencapai objektif penubuhannya. Disamping mewujudkan satu tanda aras kualiti yang tersendiri bagi Pusat Latihan dan Pusat Akademik JAKIM.

Sehubungan itu, pihak pengurusan JAKIM telah bersetuju supaya satu standard pemantauan dibangunkan bagi tujuan tersebut. Melalui mesyuarat, perbincangan dan bengkel-bengkel yang dilaksanakan telah berjaya membangunkan Standard Kualiti Pengurusan Pusat Latihan (SKPPL) dan Standard Kualiti Pengurusan Pusat Akademik (SKPPA) JAKIM.

Setelah standard ini dilancarkan oleh Dato' Ketua Pengarah JAKIM pada 11 Oktober 2013. Pelaksanaan standard ini adalah langkah seterusnya oleh JAKIM dalam memastikan kualiti Pusat Akademik dan Pusat Latihan JAKIM terkawal dan berkualiti.

Dua siri pemantauan telah dilaksanakan pada tahun 2015 iaitu:

1) Pemantauan Standard Kualiti Pengurusan Pusat Akademik (SKPPA) di Pusat Latihan Dakwah Kudat Sabah pada 25-27 Ogos 2015
2) Pemantauan Standard Kualiti Pengurusan Pusat Latihan (SKPPL) di Pusat Latihan Islam Lawas Sarawak pada 27-29 Oktober 2015

Objektif pemantauan dijalankan:

i. Menaksir keberkesanan pengurusan pusat latihan dan pusat akademik.
ii. Menaksir pencapaian pusat latihan dan pusat akademik.
iii. Mengesan faktor lain/isu yang berkaitan dengan pusat latihan dan pusat akademik

Laporan pemantauan yang telah dijalankan seterusnya dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi JAKIM untuk dilaksanakan penambahbaikan bagi memastikan pusat latihan dan pusat akademik JAKIM sentiasa bergerak mengikut fungsinya yang sebenar dan kualitinya terjamin.



Pusat Latihan Lawas



Pelajar sedang mengikuti pengajian di Pusat Latihan Dakwah Kudat

PENAJAAN PENGAJIAN

Pelaksanaan Skim Pembiayaan HAFIZ 2015

Pelaksanaan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam kali ke 49/2009 yang bersidang pada 19 Jun 2009 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk membiayai pengajian pelajar-pelajar Hafiz yang telah menghafaz al-Quran 30 juzuk di Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara. Objektif pengwujudan SPH adalah bertujuan untuk:


1. Memartabatkan serta menarik minat masyarakat dalam bidang pengajian al-Quran.
2. Membantu menjana modal insan dari kalangan penghafaz al-Quran.
3. Membantu golongan penghafaz al-Quran bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi tahun 2015, butiran permohonan adalah seperti berikut;

STATUS	KESELURUHAN PERMOHONAN		PEMOHONAN YANG LAYAK	
Tempat Pengajian	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
Jumlah	245	133	194	133
Jumlah Keseluruhan	**378**		**304**	

Bilangan Penerima SPH 2015 Mengikut Bidang Pengajian


		TEMPATAN	MESIR	JORDAN	UNITED KINGDOM
BIL	BIDANG PENGAJIAN	JUMLAH PELAJAR			
1	PENGAJIAN ISLAM	48	2	19	1
2	QIRAAT	2	20	0	0
3	SAINS	4	0	0	0
4	TEKNOLOGI	3	0	0	0
5	SASTERA	1	0	0	0
6	PERUBATAN	2	0	0	0
JUMLAH		**60**	**22**	**19**	**1**
JUMLAH KESELURUHAN		**102**			



Bilangan Penerima Sph 2015 Mengikut Institusi Pengajian Tinggi


1- Dalam Negara

Bil	Universiti	Jumlah Pelajar
1	Universiti Malaya (UM)	3
2	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	4
3	Univerisiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai	5
4	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Darul Quran	27
5	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	15
6	Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	6
	Jumlah	**60**



2- Luar Negara

Bil	Universiti	Jumlah Pelajar
1	Universiti Al-Bayt, Jordan	1
2	Universiti Mu'tah, Jordan	18
3	Universiti Al-Azhar, Mesir	3
4	Universiti Al-Azhar Tanta,Mesir	1
5	Maahad Qiraat Mansoura, Mesir	3
6	Maahad Qiraat Shoubra, Mesir	14
	Jumlah	**40**



Penyampaian Surat Tawaran SPH

Majlis penyerahan Surat Tawaran SPH kepada pelajar-pelajar yang berjaya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 17 November 2015 (Selasa) bertempat di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).



Sesi Pendaftaran kehadiran para penerima SPH



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Tawaran Skim Pembiayaan Hafiz 2015



Penyampaian Tawaran Skim Pembiayaan Hafiz kepada salah seorang penerima



Penerima SPH bergambar kenangan bersama YB Menteri, Ketua Pengarah JAKIM , Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM , Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP dan Pengarah ILIM

PEMANTAPAN PEGAWAI KADER JAKIM DI AGENSI

PROGRAM PEMANTAPAN PEGAWAI KADER JAKIM TAHUN 2015

JAKIM telah mengadakan enam(6) Konvensyen Pegawai Kader JAKIM yang meliputi Zon Timur, Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Majlis perasmian Konvensyen Kader Zon Timur, Zon Tengah dan Zon Selatan telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM.

Manakala Konvensyen Kader Zon Utara, Zon Sabah dan Zon Sarawak disempurnakan perasmiannya oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pengarah JAKIM Cawangan Sabah dan Pengarah Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) mewakili Y.Bhg. Dato' TKPPI JAKIM.

Senarai program pemantapan kader yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	Konvensyen Kader Zon Timur	17 Ogos 2015	ILTIM, Besut	154
2.	Konvensyen Kader Zon Utara	1 September 2015	Dewan Milenium, Kepala Batas	150
3.	Konvensyen Kader Zon Tengah	28 September 2015	ILIM, Bangi	100
4.	Konvensyen Kader Zon Selatan	1 Oktober 2015	Pusat Dakwah Islamiah, Paroi	100
5.	Konvensyen Kader Zon Sabah	18 hingga 20 Oktober 2015	Pusat Latihan Islam, Lahad Datu	135
6.	Konvensyen Kader Zon Sarawak	2 hingga 4 November 2015	Pusat Latihan Islam Sarawak, Telaga Air	130

Y.Bhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) dalam ucapan perasmian konvensyen sering menekankan bahawa semua pegawai kader merupakan duta kecil JAKIM yang bertanggungjawab membawa nama baik JAKIM di agensi lain. Justeru itu beliau meminta semua pegawai kader sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan maklumat semasa dalam menghadapi cabaran dalam melaksanakan tugas. Pegawai kader perlu mempunyai disiplin dan integriti yang tinggi berbanding dengan kakitangan lain sesuai dengan peranan mereka sebagai sumber rujukan berkaitan hal ehwal agama di sesebuah agensi dan jabatan.



Antara peserta konvensyen yang hadir

Sebagai perkongsian ilmu dan maklumat bersama pegawai kader seluruh negara JAKIM telah menyediakan tajuk-tajuk ceramah yang amat perlu dikongsikan bersama pegawai kader agar mereka ini yang merupakan duta kecil JAKIM dapat menyampaikan maklumat dan dasar isu-isu semasa mengikut kehendak Jabatan. Antara tajuk-tajuk ceramah yang disampaikan sepanjang konvensyen tersebut berlangsung adalah seperti berikut;

i. Ancaman ajaran Syiah di Malaysia
ii. Bahaya Ajaran Sesat
iii. Penjelasan Isu "IS"
iv. Konsep Jihad Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah
v. Indeks Syariah Malaysia
vi. Pengurusan Masjid Cemerlang
vii. Integriti dalam melaksanakan tugas

Konvensyen tersebut merupakan program tahunan yang diadakan bertujuan untuk merapatkan silaturrahim antara pegawai kader JAKIM yang bertugas di luar ibupejabat dengan pengurusan tertinggi JAKIM. Ia juga menjadi platform kepada para peserta untuk berkongsi pengalaman antara mereka serta mereka dapat menyampaikan hasrat kepada pihak pengurusan JAKIM mengenai permasalahan yang dihadapi dalam menjalankan tugas. Di samping itu juga melalui konvensyen ini dapat meningkatkan pengetahuan serta maklumat berkaitan isu semasa yang berlaku di sekeliling mereka.Ia akan dapat membantu pegawai kader dalam meningkatkan tahap profesionalisme sebagai pegawai agama di sesebuah agensi.



YBhg. Dato' TKPPI merasmikan program Konvensyen Kader JAKIM

Sempena Konvensyen Kader Zon Sabah 2015 juga, pihak Persatuan Kebajikan Perkhidmatan Agama (PKPU) melalui Tn. Hj. Mat Radzi bin Mat Ali – Timbalan Yang Dipertua PKPU mewakili Tn Hj. Paimuzi bin Yahya – Yang Dipertua PKPU telah menyampaikan sijil penghargaan kepada 24 orang pegawai kader JAKIM yang terlibat dalam menguruskan jenazah mangsa peristiwa "Tragedi Pencerobohan Lahad Datu" pada tahun 2013.

Penyampaian sijil penghargaan ini merupakan pengiktirafan PKPU dan JAKIM kepada semua kader yang terlibat. Jasa serta pengorbanan yang telah mereka lakukan usaha murni yang secara tidak langsung memberi imej yang amat positif kepada JAKIM sebagai sebuah institusi agama di negara ini. Adalah diharapkan agar melalui pengiktirafan ini akan dapat meningkatkan lagi motivasi pegawai kader JAKIM walau di mana pun mereka bertugas.

BENGKEL PERSEDIAAN MENTAL DAN FIZIKAL PEGAWAI KADER JAKIM DI ZON ESSCOM WILAYAH TIMUR SABAH TAHUN 2015

JAKIM dengan kerjasama BAKA Ibupejabat Polis Daerah Semporna telah berjaya menganjurkan Bengkel Persiapan Mental dan Fizikal Pegawai Kader JAKIM Zom ESSCOM Wilayah Timur Sabah Tahun 2015 pada 26 – 28 November 2015 bertempat di Pusat Latihan Polis Marin Semporna, Sabah. Kehadiran peserta adalah seramai 60 orang yang terdiri daripada pegawai kader JAKIM dan anggota polis di Zon ESSCOM.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah seperti berikut;

i. Bengkel ini juga nanti dapat memberi motivasi kepada pegawai terbabit bahawa setiap peristiwa yang berlaku perlu ditangani dengan pantas, cekap dan berwibawa.
ii. Memberi pendedahan kepada pegawai kader JAKIM tentang cara terbaik menguruskan jenazah yang terlibat di dalam pertempuran.
iii. Memberi penjelasan kepada pegawai kader JAKIM tentang beberapa alternatif yang boleh diambil jika berlaku lagi kejadian yang tidak diingini seperti yang berlaku di Kg. Tanduo dan Kg. Simunul.

iv. Membentuk dan mengembangkan pengetahuan dan potensi pegawai kader JAKIM untuk mempertahankan kedaulatan tanahair dan sentiasa berjaga-jaga di dalam keadaan siap siaga sepanjang masa.

v. Mengeratkan hubungan kerjasama dan jaringan maklumat di antara pegawai dan kakitangan JAKIM luar pejabat dengan agensi pusat ke arah memperkasakan pembangunan modal insan JAKIM.



Bengkel Persiapan Mental Dan Fizikal Pegawai Kader JAKIM Zon Esscom Wilayah Timur Sabah

Bengkel ini telah dirasmikan oleh YDH. Senior Assistant Commissioner Omar bin Mammah, Ketua Jabatan Pengurusan Ibu pejabat Kontinjen Sabah. Dalam ucapan perasmian bengkel tersebut, beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada JAKIM kerana sudi berkerjasama dengan PDRM dalam menjayakan program seperti ini. Ini merupakan program julung kali diadakan yang melibatkan kader JAKIM di Zon ESSCOM. Ini membuktikan bahawa agensi agama seperti JAKIM dan agensi penguatkuasaan seperti PDRM dapat bekerjasama dalam memastikan kebajikan pegawai kader JAKIM di BAKA PDRM diberi keutamaan.



Antara aktiviti sepanjang Bengkel Persediaan Mental Dan Fizikal Pegawai Kader JAKIM

Di dalam bengkel tersebut para peserta diberi pendedahan tentang persediaan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku huru hara atau darurat di Zon ESSCOM. Penerangan ini telah disampaikan oleh penceramah PDRM sendiri agar maklumat yang disampaikan adalah tepat. Peserta juga diberikan pendedahan tentang kaedah pengurusan jenazah oleh penceramah daripada pegawai BAKA Sabah. Penerangan tentang perkara ini amat penting kerana kebanyakan pegawai kader JAKIM di PDRM terlibat dalam menguruskan jenazah anggota PDRM sekiranya berlaku kematian. Mereka jugalah yang terlibat menguruskan jenazah perwira negara yang terkorban dalam peristiwa pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013.

Pihak PDRM dan para peserta yang ditemui melahirkan ucapan terima kasih kepada JAKIM kerana inisiatif mengadakan bengkel seumpama ini. Mereka mengharapkan agar JAKIM dapat mengadakan seumpama ini pada tahun hadapan dalam memastikan motivasi pegawai kader JAKIM terus cemerlang dari masa ke semasa.

USIM dan Darul Quran Teruskan Kerjasama

JAKIM telah memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang membolehkan kedua-dua pihak meneruskan kerjasama bagi melaksanakan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunah Dengan Kepujian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Darul Quran. Majlis menandatangani memorandum perjanjian yang diadakan di USIM, Nilai itu telah disaksikan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato'Hj. Dusuki, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

Pada majlis tersebut, JAKIM telah diwakili Ketua Pengarahnya, Dato' Hj Othman Bin Mustapha dan Pengarah Darul Quran, Dr. Nordin Bin Ahmad. USIM pula diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Dato' Dr. Musa Bin Ahmad dan Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Prof. Madya Dr. Adnan Bin Mohamed Yusoff.







PELAJAR USIM - DARUL QURAN RAIH ANUGERAH KHAS IBN SINA DAN MEMENANGI *BRONZE MEDAL* MELALUI HASIL INOVASI *'BRAILLE FOR ALL (INCLUSIVE BRAILLE)'*

JAKIM menerusi Program Pengajian Quran dan Sunnah USIM di DQ telah berjaya meraih pingat emas bagi kategori kategori prasiswazah termasuk anugerah khas Ibnu Sina dalam Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA) yang berlangsung pada 24 dan 25 Oktober 2015 bertempat di Dewan Tuanku Canselor USIM.

Produk ini telah dibuat penambah baikan daripada versi pertama yang dicipta sebelum ini iaitu menggabungkan permainan istimewa untuk didedikasikan kepada golongan cacat penglihatan, kurang pendengaran dan pada masa yang sama dapat menjadi salah satu kaedah pembelajaran Braille dan bahasa isyatraty yang dilengkapi dengan tiga bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Melayu dan Arab. Antara lain inovasi ini memberi kelebihan kepada masyarakat normal dan kurang upaya untuk bermain bersama dalam satu-satu masa sambil menambah pengetahuan untuk mempelajari dan memahami huruf-huruf Braille dan Bahasa isyarat - American *Sign Language* (ASL).







Untuk rekod, produk *Braille For All* ini pernah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan daripada kesemua 103 produk lain yang dipertandingkan sempena 'Islamic Innovation Student Competition' (i-Reka '15) dan memenangi anugerah *Gold Medal* bagi *Domain Social Sciences* yang berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Selain itu, produk ini juga pernah meraih *bronze medal* menerusi pertandingan Novel Research & Innovation Competition 2015 (NRIC) yang berlansung di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 17 Ogos 2015.

Perasmian disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz, Pro Canselor USIM.

KETUA MENTERI MELAKA RASMI KONVENSYEN PENSYARAH TAHFIZ

Ketua Menteri Melaka YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris Bin Hj. Harun telah merasmikan Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan Kali ke -14 yang diadakan di Hotel Bayview, Melaka pada 11-13 November 2015. Majlis tersebut turut dihadiri Exco-exco Kerajaan Negeri Melaka, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM , Dato' Hj Razali Bin Shahabudin, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, **YBhg SS Datuk Dr Mohd Mohadis Bin Yasin** dan Pengarah Darul Quran, Dr.Nordin Bin Ahmad.



Pada majlis yang sama, YAB Ketua Menteri Melaka turut menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian antara JAKIM dan Jabatan Agama Islam Melaka bagi meneruskan kerjasama melaksanakan Program Diploma Tahfiz al-Quran di negeri Melaka.

TKSUK JABATAN PERDANA MENTERI SEMPURNAKAN ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN KALI KE-24

Y.Bhg. Datuk Seri Othman bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah merasmikan Istiadat Konvokesyen Darul Quran Kali Ke-24 yang berlangsung pada 15 Ogos lalu. Majlis yang berlangsung penuh gilang-gemilang itu telah diadakan di Dewan Muktamar Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Turut hadir Ketua Pengarah JAKIM , Y.Bhg. Dato' Hj Othman Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM , Y.Bhg Dato' Hj. Razali Bin Shahabudin dan Pengarah Darul Quran, Y.Bhg Dr. Nordin Bin Ahmad.

Pada istiadat konvokesyen kali ini, seramai 332 graduan telah menerima Diploma Tahfiz al-Quran manakala seramai 103 graduan pula menerima Sijil Tahfiz al-Quran. Bagi kursus Sijil Tinggi Tarannum al-Quran, seramai 24 graduan telah menerima sijil masing-masing. Selain itu, 33 graduan yang tamat Program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan Sunnah Dengan Kepujian USIM di Darul Quran turut diraikan pada majlis yang sama.

Pada Istiadat konvokesyen kali ini Sdr. Muhammad bin Mohd Nizaam dan Sdri. Nurul Syafiqah Bt Airussham telah merangkul Hadiah Anugerah Perdana Menteri di atas kecemerlangan mereka dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.











PENYELARASAN PENDIDIKAN DAN PENGURUSAN MASJID

KUNJUNG HORMAT PENGERUSI LEPAI, YBHG. TAN SRI DR MOHD YUSOF BIN NOOR KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH DI ISTANA NEGERI SABAH SEMPENA PERSIDANGAN LEMBAGA PENASIHAT PENYELARASAN DAN PENDIDIKAN AGAMA ISLAM (LEPAI) KALI KE-44

JAKIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah telah mengadakan Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke 44 di Negeri di Bawah Bayu.



Persidangan LEPAI kali ke-44

Sempena persidangan ini, lawatan kerja ahli LEPAI telah diadakan pada 11 Mei 2015 bagi meninjau pelaksanaan pendidikan Islam di tiga buah sekolah di Negeri Sabah iaitu Sekolah Menengah Agama Negeri Toh Puan Hjh Rahmah, Kinarut Papar, Sekolah Agama Negeri Kg Kuala Papar dan Kelas KAFA Tulen Kg. Beringis, Papar. Sebelum itu, ahli LEPAI yang diketuai oleh Tan Sri Pengerusi LEPAI turut membuat kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Haji Mahiruddin.



Kunjung Hormat Pengerusi LEPAI, Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Haji Mahiruddin

KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH AGAMA (KESSUMA) PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-16 TAHUN 2015

Bertempat di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor yang menjadi negeri tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Menengah Agama (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-16 Tahun 2015 ini, acara ini telah berlangung selama lima hari bermula pada 7 hingga 11 Jun 2015 yang mempertandingkan sembilan acara iaitu bola sepak, bola jaring, takraw, bola tampar, badminton dan ping pong.

Majlis Perasmian Pembukaan pada 7 Jun 2015 di Stadium Mini Bandar Penawar telah selamat dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dato' Haji Othman bin Mustapha, yang mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B).

Majlis Perasmian Penutupan KESSUMA Peringkat Kebangsaan Kali ke-16 ini telah disempurnakan oleh Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor, Encik Mohd Radzi bin Mohd Amin pada 10 Jun 2015 di Stadium Tertutup Pasir Gudang dengan keputusan penuh KESSUMA 2015 seperti berikut:

i. Johan keseluruhan: Kelantan Darul Naim
ii. Tempat kedua: Terengganu Darul Iman
iii. Tempat ketiga: Johor Darul Takzim





Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama (Kessuma) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-16 Tahun 2015

MAJLIS IHTIFAL ILMI SEKOLAH MENENGAH AGAMA MALAYSIA (MIISMAM) PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-2 TAHUN 2015

Negeri Selangor telah dipilih menjadi tuan rumah bagi MIISMAM Peringkat Kebangsaan Kali Kedua ini yang berlangsung pada 7 hingga 9 Ogos 2015 di Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Jemaah (SAMTAJ), Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Majlis Perasmian Pembukaan pada 7 Ogos 2015 telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi; YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, mewakili YAB Dato' Menteri Besar Negeri Selangor. Sebanyak sembilan acara yang dipertandingkan:

1. **Tilawah Al-Quran** (lelaki dan perempuan)
2. **Hafazan Al-Quran** (lelaki dan perempuan)
3. **Syarahan** (lelaki dan perempuan):
   i. Bahasa Melayu
   ii. Bahasa Arab
   iii. Bahasa Inggeris
4. **Perbahasan Bahasa Melayu Ala Parlimen** (lelaki dan perempuan)
5. **Nasyid** (lelaki dan perempuan)
6. **Khat** (lelaki dan perempuan)
7. **Kuiz** (lelaki dan perempuan)





Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah Menengah Agama Malaysia (Miismam) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 Tahun 2015

Majlis Perasmian Penutupan pada 9 Ogos 2015 menyaksikan negeri tuan rumah, Selangor dinobatkan sebagai Johan keseluruhan MIISMAM kali kedua ini. Diikuti oleh Melaka di tempat kedua dan Johor di tempat ketiga.

Perasmian penutupan dan penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Ashraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

MAJLIS ANUGERAH KAFA KEBANGSAAN

JAKIM telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan KAFA peringkat kebangsaan. Majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kejayaan pelajar dalam peperiksaan UPKK 2014, meningkatkan kesungguhan dan motivasi guru serta pelajar dalam mengekalkan prestasi kecemerlangan dalam pelajaran serta mengiktiraf usaha yang dilakukan oleh pegawai, guru dan pelajar yang terlibat dalam pendidikan Islam terutama di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan KAFA. Pada majlis ini juga diselitkan dengan ceramah motivasi keibubapaan oleh Puan Nur Diana binti Abd. Rahim dari Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. Seramai 13 orang penerima Anugerah Cemerlang UPKK Lelaki dan 13 orang penerima perempuan telah diraikan dalam majlis tersebut.

Kategori lain yang telah dianugerahkan dalam majlis tersebut ialah Anugerah Perdana Cemerlang UPKK Lelaki dan Perempuan, penerima Tokoh Guru Lelaki dan Perempuan, Tokoh Penyelia, Anugerah Sekolah Cemerlang serta Anugerah 8A UPKK tahun 2014.



Majlis Anugerah Kecemerlangan KAFA Peringkat Kebangsaan

MAJLIS MENGHADAP KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG; TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH SEMPENA PERSIDANGAN LEPAI KALI KE-45

JAKIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya menganjurkan Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke-45 pada 1 hingga 3 Oktober 2015 bertempat di Hotel MS Garden Kuantan, Pahang.

Persidangan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Prof. Dr. Mohd Yusof bin Noor ini telah dihadiri oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Othman bin Mustapha; selaku Setiausaha LEPAI, Yang Berhormat-Yang Berhormat ahli LEPAI yang dilantik oleh Raja/Sultan di negeri-negeri, ahli-ahli LEPAI yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja, Pengarah-pengarah / wakil Pengarah Jabatan Agama Islam negeri – negeri, Pengarah-pengarah / wakil Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Yayasan Islam Kelantan dan Yayasan Islam Terengganu. Persidangan LEPAI pada kali ini telah dihadiri oleh 9 orang ahli-ahli Yang Berhormat ahli Dewan Undangan Negeri-negeri, antaranya ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan (ahli LEPAI dari Negeri Sembilan), YB Dato' Dr Awaluddin bin Hj Said. Hadir bersama dalam persidangan ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Dasar Jakim, Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Pengarah Dakwah, Dato' Ali bin Mohammed (menjalankan tugas Pengarah BKI Jakim); dan pengarah-pengarah bahagian di Jakim.

Antara program yang dirancang sempena Persidangan kali ini ialah Majlis Mengadap Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, lawatan kerja ke sekolah – sekitar Kuantan dan Pekan, Pahang; dan Majlis Makan Malam Bersama YAB Menteri Besar Pahang.

Kategori lain yang telah dianugerahkan dalam majlis tersebut ialah Anugerah Perdana Cemerlang UPKK Lelaki dan Perempuan, penerima Tokoh Guru Lelaki dan Perempuan, Tokoh Penyelia, Anugerah Sekolah Cemerlang serta Anugerah 8A UPKK tahun 2014.

IHTIFAL KAFA KEBANGSAAN

Ihtifal Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Peringkat Kebangsaan (IKK) bagi tahun 2015 telah berlangsung

dengan meriah dan jayanya bertempat di Kolej Sains kesihatan Bersekutu Ulu Kinta Perak bermula 19 hingga 21 Disember 2015, anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kerajaan Negeri Perak.

Sebanyak enam acara dipertandingkan:
1. Nasyid
2. Tilawah al-Quran
3. Syarahan Bahasa Melayu
4. Syarahan Bahasa Arab
5. Kesenian khat
6. Tulisan jawi.

Majlis ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah Negeri, YB Dato' Drs. Mohd Nizar bin Zakaria, dan majlis penutupannya disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir.

Johan keseluruhan Ihtifal KAFA Kebangsaan pada kali ini disandang oleh **NEGERI JOHOR.**



Ihtifal KAFA Kebangsaan

SAMBUTAN JUBLI EMAS MASJID NEGARA (1965-2015)

JAKIM menganjurkan Sambutan Jubli Emas Masjid Negara sepanjang tahun 2015 di Masjid Negara dan kawasan sekitarnya. Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang sambutan tersebut adalah seperti maklumat yang berikut:

1) **Majlis Pelancaran Sambutan dan Logo Rasmi** Sambutan Jubli Emas telah disempurnakan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 27 Januari 2015 bertempat di Dewan Syarahan Utama Masjid Negara.



Sambutan Jubli Emas telah disempurnakan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

2) **Persidangan Imam Peringkat Kebangsaan** telah diadakan pada 22-24 Februari 2015 bertempat di Dewan Syarahan Utama Masjid Negara. Seramai 150 orang imam-imam seluruh Negara menghadiri persidangan ini. Sebanyak 7 resolusi telah dipersetujui melalui persidangan ini dan ia telah diserahkan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan.



Persidangan Imam Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 Sempena Sambutan Jubli Emas Masjid Negara

3) **Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Masjid Negara** telah disempurnakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong pada 27 Ogos 2015. Turut sama berangkat mencemar duli ialah Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta diserikan dengan kehadiran YAB Perdana Menteri dan YABhg. Datin Sri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Datin Sri, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datin Seri, Menteri-menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara dan Timbalan Imam Masjid Mekah, Sheikh Salih bin Abdullah al-Humaid.



Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Masjid Negara 2015

4) **Wang Syiling Peringatan** sempena sambutan Jubli Emas Masjid Negara telah dikeluarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia. Sebagai tanda peringatan dan penghormatan. Pelancaran koleksi duit syiling peringatan telah disempurnkan perasmiannya oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong di dalam Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Masjid Negara. Reka bentuk duit syiling ini menggambarkan kesatuan, kejituan dan kekukuhan Islam sebagai Agama Negara. Koleksi duit syiling ini boleh didapati dalam tiga jenis iaitu emas, perak berwarna dan emas nordic.



Wang Syiling Peringatan sempena sambutan Jubli Emas Masjid Negara

5) **Setem Khas** diterbitkan oleh Pos Malaysia Berhad. Ia dicetak dengan nilai RM0.60, RM0.70 dan RM1 setiap keping manakala satu set setem bernilai antara RM50 - RM60. Pelancarannya telah disempurnakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong di dalam Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Masjid Negara.



Setem Khas Sempena Sambutan Jubli Emas Masjid Negara

SIRI JELAJAH MULTAQA IMAM, JAWATANKUASA MASJID, GURU TAKMIR DAN GURU KAFA BAGI TAHUN 2015

1. NEGERI KELANTAN

JAKIM telah mengadakan Multaqa' Imam, Jawatankuasa Masjid Mukim, Guru Takmir dan Guru KAFA dengan kerjasama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), pada 11 Mei 2015 bertempat di Dewan Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu Kelantan. Program ini telah dihadiri oleh seramai 1300 orang peserta yang terdiri daripada imam, jawatankuasa masjid, guru takmir dan guru KAFA seluruh negeri Kelantan.

Sebanyak dua sesi ceramah telah dimuatkan dalam program ini iaitu Konsep Jihad Dalam Islam yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan Negeri Kelantan; SS Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad. Manakala ceramah kedua telah disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas PDRM Bukit Aman; SAC Dato' Ayob Khan bin Maidin Pitchay yang bertajuk: Bahaya Ancaman IS di Malaysia.

Majlis telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yaakub. Jakim telah diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Exco Agama Negeri Kelantan; Dato' Haji Mohd Nasuruddin bin Daud, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kelantan; Dato' Haji Serpuddin bin Mohamad, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan; Dato' Haji Che Rahim bin Haji Jusoh dan Ketua Polis Kelantan; SAC Dato' Mohd Rosli bin Abdul Rahman serta pegawai-pegawai kanan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

YAB Menteri Besar Kelantan juga telah melancarkan program e-takmir yang bertujuan memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan program takmir di Kelantan samada maklumat kelas pengajian takmir di masjid, guru

takmir, tajuk-tajuk pengajian takmir dan perkara-perkara yang berkaitan.

Dalam majlis yang sama turut disampaikan replika cek peruntukan tahun 2015 daripada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri Kelantan bagi bayaran imbuhan imam, elaun guru takmir, guru KAFA dan PPMD sebanyak RM63,173,339.00.



Multaqa' Imam, Jawatankuasa Masjid Mukim, Guru Takmir dan Guru KAFA dengan kerjasama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)

2. NEGERI PERAK

Multaqa' Imam, Guru Kafa, Guru Takmir dan Jawatankuasa Kariah peringkat negeri Perak pada 20 Oktober 2015 bertempat di Dewan Sebarau, Bukit Merah Lake Town Resort, Perak dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Program ini telah dihadiri oleh 1500 orang peserta yang terdiri daripada imam, guru takmir, guru KAFA dan jawatankuasa kariah seluruh negeri Perak.

Multaqa ini dimulakan dengan sesi pembentangan kertas kerja bertajuk Indeks Syariah di Malaysia yang disampaikan oleh Pakar Perunding Indeks Syariah Malaysia; Dr Aidit bin Ghazali.

Majlis telah dirasmikan oleh Exco Agama, Pendidikan Islam, dan Pembangunan Sahsiah Negeri Perak; YB Dato' Nizar bin Zakaria. Perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr Asyraf Wajdi bin Dusuki. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Pengarah Jabatan Agama Islam Perak; Dato' Haji Mohd Yusof bin Hussein, Pengarah Bahagian Dakwah; Dato' Ali bin Mohamed yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM serta pegawai-pegawai kanan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Dalam majlis yang sama turut disampaikan replika cek peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri Perak bagi bayaran imbuhan imam, elaun guru takmir, guru KAFA dan PPMD untuk tahun 2015 sebanyak RM47,365,750.00.



Multaqa' Imam, Guru Kafa, Guru Takmir dan Jawatankuasa Kariah Peringkat Negeri Perak

3. NEGERI SELANGOR

Multaqa' Imam, Jawatankuasa Masjid, Guru Takmir dan Guru KAFA telah diadakan pada 29 Januari 2015 bertempat di Dewan Konvensyen Kolej Universiti Islam Selangor di Bangi dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Program ini telah dihadiri oleh seramai 2000 orang peserta yang terdiri daripada imam, jawatankuasa masjid, guru takmir dan guru KAFA seluruh negeri Selangor.

Sebanyak dua sesi pembentangan telah dimuatkan dalam program ini iaitu ceramah yang disampaikan oleh Ahli Majlis Agama Islam Selangor; Prof. Madya Dato' Haji Mokhtar bin Syafii dan forum yang bertajuk: Kesederhanaan Dipertahan, Ekstrimisme Dilawan yang dibarisi oleh Ustaz Jamali bin Adnan, Ustaz Zulramli bin Mohamed Razali dan Ustaz Azhar bin Yahya. Manakala moderator ialah Ustaz Abdul Halim bin Abdul Hafidz.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Selangor, YB Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi sebagai wakil Menteri Besar Selangor. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri; YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj Baharom (B), Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan, Selangor; YB Dato' Seri Noh bin Omar, Ketua Pengarah JAKIM; Dato' Haji Othman bin Mustapha, Pengarah JAIS; Dato' Haji Haris bin Kasim, Mufti Negeri Selangor; SS Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd Wahid, serta pegawai-pegawai kanan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.




Multaqa' Imam, Jawatankuasa Masjid, Guru Takmir dan Guru KAFA dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)


JAKIM CAWANGAN SABAH

1. PUSAT LATIHAN ISLAM LAHAD DATU

Pusat Latihan Islam Lahad Datu telah meneruskan program latihan membina kepakaran Perkhidmatan Hal Ehwal Islam di sepanjang tahun 2015. Sebanyak 38 siri program yang melibatkan seramai 8,990 peserta telah dilaksanakan meliputi kursus, seminar, forum perdana, sambutan hari kebesaran Islam, Ihya' Ramadhan dan program ziarah. Semua aktiviti berkenaan telah menggunakan kos sebanyak RM86,815.00. Dua gambarajah di bawah menunjukkan jumlah bilangan peserta dan kos program anjuran PLI Lahad Datu bagi tahun 2015:



Graf 1.1 : Bilangan Peserta Program PLI Lahad Datu Bagi Tahun 2015



Graf 1.2 : Jumlah Kos (RM) Program PLI Lahad Datu Bagi Tahun 2015

Contoh program yang diadakan di PLI Lahad Datu adalah seperti berikut:

1. Kursus Metodologi Dakwah;
2. Kursus Asas Kaunseling Syarie;
3. Kursus Profesionalisme Imam;
4. Kursus TOT Pengurusan Jenazah;
5. Kursus Tahsin Qiraah;
6. Seminar Wacana Ilmu;
7. Forum Perdana;
8. Sambutan Hari Kebesaran Islam;
9. Program Ihya' Ramadhan; dan
10. Ramah Mesra Aidilfitri & Aidiladha.

Program Ramah Mesra Aidiladha

Pada 24 September 2015, bersempena dengan Hari Raya Aidiladha 1436H, Pusat Latihan Islam Lahad Datu telah mengadakan program Ramah Mesra Aidiladha di Kg. Teluk Suaian, Silam Camp, Lahad Datu. Program ramah mesra bersama penduduk kampung ini memberi peluang untuk membina silaturahim antara PLILD dan juga masyarakat, di samping dapat memberi sumbangan kepada yang memerlukan sempena Aidiladha. Program turut dihadir Pengetua PLILD, Ustaz Syed Abdullah Al Jufri bin Said Ma'amor.



Masyarakat kampung menguruskan daging korban secara gotong royong



Pengetua PLI Lahad Datu mengagihkan sumbangan daging korban kepada masyarakat setempat


2. PUSAT LATIHAN ISLAM KUNDASANG

Pusat latihan yang turut dikenali sebagai 'Taman Ilmu Dan Pelancongan' ini sangat popular di Negeri Sabah kerana kedudukannya yang sangat strategik iaitu berada di lereng Gunung Kinabalu. Selain melaksanakan program latihan membina kepakaran Perkhidmatan Hal Ehwal Islam, pusat ini kerap menerima tempahan dan kunjungan dari pelbagai jabatan dan agensi lain yang turut berminat untuk mengadakan kursus persendirian disini. Namun begitu, gerak operasi PLI Kundasang telah terjejas dan tertangguh selama 5 bulan akibat tragedi gempa bumi di Gunung Kinabalu pada bulan Jun 2015 yang mengakibatkan 90% bangunan PLI Kundasang mengalami keretakan dan sebahagiannya rosak teruk. Alhamdulillah, peruntukan segera yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat telah melancarkan semula operasi di PLI Kundasang dan kini ia telah beroperasi seperti biasa.


Sebanyak 29 siri program yang melibatkan seramai 1,585 peserta telah dilaksanakan di PLI Kundasang. Antara program yang diadakan termasuklah:

1. Kursus Profesionalisma Imam;
2. Kursus Media Dakwah;
3. Kursus Falak ;
4. Kursus Pengurusan Pengislaman;
5. Kursus Pengajaran Dan Pembelajaran (IPDAS & PLD Kudat);
6. Kursus Kepimpinan;
7. Kursus Penulisan Laporan; dan
8. Muhadarah Eksklusif.

Semua aktiviti di PLI Kundasang telah menggunakan kos sebanyak RM34,580.00. Keterangan mengenai jumlah keseluruhan kos program dan bilangan peserta di PLI Kundasang bagi tahun 2015 dapat dilihat secara terperinci dalam dua graf berikut:



Graf 2.1 : Jumlah Kos (RM) Program PLI Kundasang Bagi Tahun 2015




Graf 2.2 : Jumlah Peserta Program PLI Kundasang Bagi Tahun 2015


3. PUSAT LATIHAN DAKWAH KUDAT

Pusat Latihan Dakwah Kudat berperanan sebagai institusi pendidikan Islam yang melaksanakan program Persijilan Kursus Asas Pengajian Islam dan Dakwah. Fokus utama kumpulan sasarnya ialah Saudara Kita. Objektif penubuhannya ialah memberi bimbingan kepada para pelatih supaya memahami dan mengamalkan ajaran Islam serta membentuk individu yang berilmu dan beriman agar mampu menghayati ajaran Islam dalam kehidupan. Tempoh pengajian di pusat latihan ini ialah satu tahun. Seramai 200 pelajar telah diambil pada tahun 2015. Alhamdulillah para pelatih telah menunujukkan pencapaian 100% lulus dalam peperiksaan pada tahun 2015.

Selain bidang akademik, pusat latihan ini turut menganjurkan aktiviti ko-kurikulum dan program dakwah kepada masyarakat dan penjawat awam sekitar daerah Kudat. Sebanyak 55 siri program yang melibatkan seramai 7,367 peserta telah dilaksanakan, antaranya ialah Kursus Pengajaran dan Pembelajaran, Seminar Motivasi Kecemerlangan Pelajar, Seminar Wacana Akidah, Kem Smart Solat, Khidmat Masyarakat, Ihya' Ramadhan, Ibadah Korban, Program Berkhatan Pelatih Saudara Kita dan lain-lain lagi. Semua aktiviti berkenaan telah menggunakan kos sebanyak RM132,154.10. Berikut adalah graf jumlah siri dan kos program PLD Kudat sepanjang tahun 2015:



Graf 3.1 : Jumlah Siri Program PLD Kudat Bagi Tahun 2015



Graf 3.2 : Bilangan Peserta Program PLD Kudat Bagi Tahun 2015

Majlis Konvokesyen PLD Kudat Kali Ke-19

Majlis Konvokesyen PLD Kudat Kali Ke-19 telah diadakan pada 21 November 2015 yang menyaksikan seramai 200 pelatih telah menamatkan Kursus Asas Pengajian Islam dan Dakwah. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Suhaili Bin Haji Said, Pengerusi Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) mewakili YAB Ketua Menteri Sabah. Turut hadir, YBhg. Datuk Haji Razali Bin Shahabuddin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) yang mewakili Ketua Pengarah Jakim.



4 Pelatih Paling Cemerlang
Pusat Latihan Dakwah Kudat 2015




YB Datuk Haji Suhaili Menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Kepada Pelatih Cemerlang PLDK

4. INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)


Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS) melaksanakan pelbagai program untuk melahirkan pendakwah yang berilmu dan berketrampilan dalam menghadapi cabaran global semasa. Dua program akademik yang utama di IPDAS ialah Diploma Pengajian Islam Dan Dakwah dan Sijil Pengajian Islam Dan Dakwah. Terdapat hampir 350 pelajar sijil dan diploma sedang menuntut ilmu di IPDAS sekarang. Selain bidang akademik, IPDAS juga menganjurkan program dakwah kepada palajar dan masyarakat awam. Pada tahun 2015, 42 siri program telah dilaksanakan. Antaranya ialah:

1. Sambutan dan Ceramah Hari Kebesaran Islam;
2. Program Ziarah Mahabbah;
3. Seminar Wacana Minda;
4. Seminar Kesenian Islam;
5. Minggu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab;
6. Karnival Sukan IPDAS;
7. Malam Cinta Rasul;
8. Bengkel Menggubal Soalan Peperiksaan;
9. Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar; dan
10. Program Ramah Mesra Aidilfitri dan Aidiladha.

Keseluruhannya, semua program dakwah dan ko-kurikulum IPDAS telah melibatkan kos sebanyak RM 131,494.00 dan jumlah peserta seramai 10,706 orang. Graf berikut telah memperincikan maklumat-maklumat berkenaan:



Graf 4.1 : Bilangan Peserta Program IPDAS Bagi Tahun 2015



Program Dekat Di Hati Siri 2/2015

Program ini telah dilaksanakan pada 4 hingga 6 September 2015 di Kg. Patau, Tambunan. Program ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh 47 orang pelajar Diploma Pengajian Islam dan Dakwah semester 5 bersama masyarakat setempat. Sebanyak 11 buah rumah keluarga angkat terlibat untuk penempatan pelajar selama program berlangsung. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh wakil Pengarah Jakim Cawangan Sabah, Al-Fadhil Ustaz Norjeli Bin Haji Dais (Pengetua IPDAS).



Seminar Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk (Perbandingan Agama) di IPDAS, Keningau



Pengetua IPDAS Menyampaikan Ucapan Perasmian Program Dekat Di Hati 2




Antara program yang dijalankan ialah gotong-royong membersihkan kawasan tanah perkuburan

5. UNIT DAKWAH JAKIM CAWANGAN SABAH


Gerakan dakwah di Negeri Sabah terus diperhebatkan pada tahun 2015. Hasilnya pelbagai program telah berjaya dilaksanakan secara *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* yang melibatkan agensi-agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam, syarikat swasta serta masyarakat awam seluruh Sabah. Lebih dari 185 siri program yang melibatkan hampir 46,953 peserta telah diadakan dengan bertujuan untuk menyebarluaskan lagi syiar Islam dan kefahaman yang mendalam mengenai ajaran Islam menurut perspektif Al-Quran dan As-Sunnah. Berikut adalah senarai program yang dilaksanakan:

1. Seminar / Wacana Minda (Kefahaman Isu-Isu Semasa);
2. Kursus Pembangunan Saudara Kita;
3. Kelas Bimbingan Teratak Fitrah (Saudara Baru);
4. Kursus T.O.T Pemantapan Da'ie;
5. Liga Sukan Agensi Islam Sabah (LISAN) 2015;
6. Program Ihya' Ramadhan;
7. Program Ibadah Korban;
8. Sambutan Majlis Hari Raya Perdana (Agensi Islam Sabah);
9. Bengkel Ibadah Pesakit;
10. Sambutan dan Ceramah Hari Kebesaran Islam;
11. Program Bersama NGO's Islam Seluruh Sabah; dan
12. Program Ziarah Mahabbah / Mesra Desa; dan
13. Kenduri Sekampung.

Keseluruhannya, kos bagi semua program dakwah di Sabah ialah RM555,344.60 pada tahun 2015. Keterangan lanjut mengenainya boleh diperhatikan dalam graf:



Graf 5.1 : Bilangan Siri Program Unit Dakwah, Jakim Cawangan Sabah Bagi Tahun 2015



Graf 5.2 : Bilangan Peserta Program Unit Dakwah, Jakim Cawangan Sabah Bagi Tahun 2015

Liga Sukan Agensi Islam Sabah (LISAN) 2015

LISAN 2015 (Kali Ke-2) telah berlangsung dengan jayanya pada bulan Mac 2015 yang lepas. Program yang berteraskan penyatuan tali silaturrahim melalui acara sukan ini telah melibatkan semua agensi Islam di Sabah termasuklah Majlis Ugama Islam Islam Sabah (MUIS), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jakim Cawangan Sabah, BAKA PDRM Sabah, Yadim, YAPEIM, Lembaga Tabung Haji Kota Kinabalu, PBNS, JKSNS dan lain-lain lagi. Johan keseluruhan telah disandang oleh JHEAINS, diikuti BAKA di tempat kedua dan MUIS di tempat ketiga. Majlis perasmian dan penutupan LISAN 2015 telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Mohd Arifin Bin Haji Mohd Arif, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Sabah.



Kontinjen Jakim Cawangan Sabah melaungkan kata-kata semangat ketika Majlis Perasmian LISAN 2015



YB Datuk Haji Mohd Arifin Bin Haji Mohd Arif menyampaikan Piala Pusingan LISAN 2015 kepada Johan Keseluruhan, Kontinjen JHEAINS

6. UNIT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Aktiviti utama unit ini ialah melaksanakan aktiviti penyelidikan berkaitan dalam bidang akidah dan syariah serta bekerjasama dalam operasi bersepadu pemantauan dan penguatkuasaan halal di negeri Sabah. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab dalam merencana dan menyelaraskan kertas cadangan permohonan peruntukan tambahan dari luar seperti melalui Akaun Amanah Jakim dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Lebih dari 20 siri program yang melibatkan hampir 3,764 peserta telah diadakan pada tahun 2015. Berikut adalah senarai program yang dilaksanakan:

1. Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik (SKS) Jakim Cawangan Sabah;
2. Kajian dalam bidang akidah dan Pendidikan Islam;
3. Program Pemantauan Bersepadu Bahan Penerbitan Bercetak Yang Berunsurkan Islam di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan;
4. Seminar Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
5. Pemeriksaan Makanan dan Gunaan Islam (MGI); dan
6. Pemantauan Proses dan Pencapaian Key Performance Indicator (KPI) Jakim Cawangan Sabah Tahun 2015.

Keseluruhannya, kos bagi semua program Unit Penyelidikan Dan Pembangunan, Jakim Cawangan Sabah ialah RM28,160.00 pada tahun 2015. Berikut merupakan program-program yang telah dijalankan:



Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik Jakim Cawangan Sabah 2015



Pemeriksaan Bersepadu Makanan dan Gunaan Islam (MGI) di Negeri Sabah

7. UNIT PENERBITAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

Unit ini membantu program dakwah di negeri Sabah melalui penerbitan bahan bacaan ringkas mengenai Islam dan juga projek inovasi jabatan. Jalinan rangkaian dan kerjasama bersama agensi lain turut diperkukuhkan melalui program-program perhubungan awam seperti kunjung hormat, pameran, hari bertemu pelanggan dan lain-lain lagi. Lebih dari 10 siri cetakan dan 15 program yang melibatkan hampir 7,486 peserta telah dilaksanakan dengan bertujuan untuk meningkatkan tahap kefahaman Islam masyarakat terutamanya

melalui penulisan. Berikut adalah senarai program yang dilaksanakan:

1. Kunjung hormat jabatan;
2. Bengkel Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Jakim Cawangan Sabah;
3. Kursus Webmaster Jakim Cawangan Sabah;
4. Pameran Hari Bertemu Pelanggan;
5. Penerbitan dan cetakan bahan bacaan ringkas (palbagai tajuk);
6. Projek inovasi jabatan; dan
7. Pengurusan laman media baharu Jakim Cawangan Sabah.

Keseluruhannya, kos bagi semua program unit ini ialah RM189,500.00 pada tahun 2015. Berikut merupakan program-program yang telah dijalankan:



Kunjung Hormat Pengarah Jakim Cawangan Sabah
Kepada Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah



Kunjung Hormat Pengarah Jakim Cawangan Sabah
Kepada YAB Ketua Menteri Sabah



Jakim Cawangan Sabah dinobatkan sebagai Naib Johan
Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Jabatan
Kemajuan Islam Malaysia 2015



Kumpulan Inovatif & Kreatif Jakim Cawangan Sabah
(Kumpulan S-BEST)

MASJID NEGARA

PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN JAWATANKUASA INDUK DAN PELANCARAN LOGO RASMI SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN MASJID NEGARA KUALA LUMPUR

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Jawatankuasa Induk dan Pelancaran Logo Rasmi Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara Kuala Lumpur 2015M/1436H telah berlangsung pada 27 Januari 2015 (Selasa) bersamaan 6 Rabi'ulakhir 1436H bertempat di Dewan Syarahan, Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Masjid Negara adalah simbolik keutuhan perpaduan, kesejahteraan dan keutuhan agama Islam di Malaysia. Sejarah Masjid Negara yang mula beroperasi dari 1965 yang telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Almarhum Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 27 Ogos 1965.

YAB Perdana Menteri telah memaklumkan dalam Mesyuarat Kabinet bahawa adalah wajar Masjid Negara dinaik taraf setanding dengan masjid-masjid utama di negara luar. Hasil dari Mesyuarat Kabinet pada 17 Disember 2014, Jemaah Menteri bersetuju bahawa Jakim menganjurkan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara sepanjang tahun 2015. Rentetan itu, JAKIM telah menubuhkan jawatankuasa kerja bagi melicinkan perjalanan program Sambutan Jubli Emas 50 Masjid Negara ini yang mana akan melibatkan 27 buah agensi, 24 jawatankuasa dan 18 program.

Antara objektif penganjuran majlis ini adalah untuk memartabatkan Masjid Negara sebagai sebuah institusi masjid yang terulung di Malaysia disamping menjadikan Masjid Negara sebagai sebuah masjid yang terbaik di negara ini dalam aspek pengurusan, pengimarahan, kemudahan prasarana dan persekitaran yang indah lagi menarik.

Penganjuran ini juga adalah bagi menonjolkan Masjid Negara sebagai sebuah Masjid yang mempunyai ciri-ciri seni bina dan ikonik bukan sahaja di peringkat dalam negara malahan di peringkat antarabangsa. Ia juga bagi mempertingkatkan lagi usaha mengimarahkan institusi Masjid sebagai tempat ibadah kepada orang ramai terutama sekali kepada generasi muda pasca merdeka. Selain itu juga, ia dapat memperkukuhkan lagi usaha penambahbaikkan keupayaan Masjid Negara dalam menarik lebih ramai pelancong bagi menjayakan Sektor Pelancongan Islamik di Malaysia.

Ucaptama perasmian dan pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj Baharom dan seterusnya menyampaikan watikah kepada yang terpilih. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM, YBhg. Datuk Othman bin Hj. Mahmood dan Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha.



Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj Baharom menyampaikan watikah lantikan kepada Tan Sri Dato' Syaikh Hj. Ismail b. Hj. Muhammad



Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj Baharom melancarkan Logo Rasmi Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara Kuala Lumpur

MAJLIS PENYAMPAIAN JUBAH PELANCONG OLEH DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tan Sri Ahmad Phesal Talib, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menyampaikan 200 helai jubah baru pelancong kepada Tan Sri Syaikh Hj. Ismail Bin Haji Muhammad, Imam Besar Masjid Negara. Majlis penyampaian berkenaan telah diadakan di Dewan Syarahan Utama Masjid Negara.Turut hadir adalah Tuan Hj Yusuff Ahmad, Timbalan Imam Besar Masjid Negara, Sheikh Abd. Rahman Desouki Taha Redwan, Imam Tarawih Masjid Negara dan dif-dif jemputan.

Tan Sri Syaikh Hj Ismail bin Hj Muhammad Imam Besar Masjid Negara telah mengucapkan setinggi penghargaan kepada Datuk Bandar diatas kesudiaan membiayai keseluruhan kos sebanyak RM19,260.00 bagi menempah 200 helai Jubah baru kegunaan pelancong Islam dan bukan Islam ketika mereka berada di Masjid Negara. Jubah baru ini mempunyai logo sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara disulam menggunakan benang emas.

Semasa persidangan media Tan Sri Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mengumumkan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menaikkan taraf kawasan taman di hadapan Masjid Negara agar ianya lebih menarik dan kebersihanya sentiasa terjaga seperti mana yang terdapat di tempat-tempat pelancongan bertaraf antarabangsa.



Tan Sri Ahmad Phesal Talib menyampaikan sumbangan jubah pelancong kepada Tan Sri Syaikh Hj Ismail bin Hj Muhammad



Antara pelancong yang hadir untuk mencuba jubah pelancong baharu Masjid Negara

Majlis Khitan Masjid Negara 2015

JAKIM telah menganjurkan majlis berkhatan beramai-ramai bagi tahun 2015. Dengan kos berkhatan yang lebih murah iaitu RM150 setiap individu, tradisi berkenaan terus mendapat sambutan masyarakat dengan 70 kanak-kanak menyertai majlis berkhatan yang diadakan.

Timbalan Imam Besar Masjid Negara, Yusuff Ahmad yang merasmikan majlis berkenaan.Seramai lima orang daripada kanak-kanak tersebut merupakan daripada keluarga miskin dan dibiayai sendiri oleh Masjid Negara.

Majlis bermula dengan ceramah mengenai kepentingan berkhatan dalam Islam. Selepas itu kanak-kanak tersebut diarak beramai-ramai dengan bersalawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan dibawa ke hadapan masjid untuk diraikan dengan pancuran air dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Manakala urusan berkhatan pula dilaksanakan dengan kerjasama Wawasan Medic Sdn. Bhd yang menggunakan teknik bersunat 'smart klamp'. Seramai 5 orang doktor dan 6 petugas pembantu doktor bersama-sama menjayakan program tersebut.



Para peserta khatan dibawa berarak disekitar perkarangan Masjid Negara sambil bersalawat ke atas Rasulullah SAW



Ibu bapa memberi kata-kata perangsang kepada anak sebelum proses khatan dijalankan

MASJID PUTRA

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA)

Kursus dan Bengkel Anjuran Masjid Putra

Sepanjang tahun 2015, pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan mengikut perancangan Sasaran Kerja Tahunan Masjid Putra seterusnya mengimarahkan lagi masjid. Program dan aktiviti yang telah dirancang ini adalah menggunakan peruntukan belanja mengurus dan dana dari kelulusan Jawatankuasa Akaun Tabung Amanah Masjid Putra untuk dimanfaatkan dalam bentuk kemudahan pelancong@ pengunjung dan perlaksanaan program buat jemaah serta kariah masjid. Aktiviti adalah merangkumi kumpulan sasar golongan dewasa, suri rumah dan pelajar sekolah serta belia.



Kelas Komputer Sempena Cuti Persekolahan dimanfaat pelajar sekolah di sekitar Putrajaya



Kuliah Pengajian Umum yang diadakan hampir setiap Ahad mendapat sambutan hangat dari kalangan jemaah



Kelas Taekwondo mingguan setiap Sabtu mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelajar-pelajar sekolah sekitar Putrajaya



Kursus Sembelihan disampaikan penceramah bertauliah dari JAWI





Imam Besar Masjid Putra menyampaikan hadiah kepada pemenang acara sukaneka semasa Program Masyarakat Berjiran bersama masyarakat Orang Asli Kg. Bukit Baja, Dengkil, Selangor

Program Kerjasama Kementerian/Agensi Kerajaan/ NGO

Pihak pengurusan Masjid Putra mengalu-alukan penganjuran program secara integrasi atau kerjasama bersama kementerian dan agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengimarahkan masjid. Di sepanjang tahun 2016 pelbagai agensi telah bekerjasama dengan pengurusan masjid dalam penganjuran program berbentuk keagamaan mahupun ilmiah secara perkongsian pintar (Smart Partnership).



Karnival Raudhah anjuran RTM (Nasional FM) dengan kerjasama Masjid Putra dan Perbadanan Putrajaya (PPj) menampilkan penceramah bersaudara Y.Bhg. Dato' Us. Hj. Mohd. Kazim Elias bersama Y.Bhg. Us. Najmuddin Elias menggamatkan perkarangan masjid



Karnival dimeriahkan dengan persembahan nasyid INTEAM





Kaum ibu dan surirumah juga tidak ketinggalan mengimarahkan masjid dengan aktiviti kelas jahitan anjuran masjid bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)





Kursus Pemandu Pelancong (Mosque Tour Guide) Masjid Putra mendapat sokongan penuh Islamic Outreach ABIM (IOA)



YB Dato' Seri Tengku Adnan Tengku Mansor merasmikan program anjuran Biro Agama Parlimen Putrajaya yang disertai Imam surau-surau sekitar Putrajaya

Lawatan Rasmi Pemimpin Antarabangsa





Kunjungan tidak rasmi Presiden Joko Widodo ke Masjid Putra diiringi YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Razak bagi menunaikan solat Jumaat bersama ribuan jemaah masjid pada 6 Februari 2015





Kunjungan Syeikh Ali Omar Yacoub Abbasi, Imam Masjid Al-Aqsa, Palestin ke Masjid Putra, Putrajaya



Syeikh diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Jamil Khir Baharom meninggalkan perkarangan masjid sebaik selesai menunaikan solat Jumaat berjemaah di Masjid Putra



Delegasi Kedutaan Sweden diberi taklimat berkaitan senibina dalaman dewan solat utama Masjid Putra oleh En. Raja Aman Syah, Ketua Program Mosque Tour Guide (MTG) Masjid Putra



Masjid Putra menerima kunjungan Presiden Program COTI dalam rangka lawatan ke Malaysia



Kunjungan Syeikh dari Universiti Al-Azhar diiringi Y.Bhg. Dato' Timb. Ketua Pengarah (Pembangunan) disambut Imam Besar Masjid Putra

Masjid Putra telah menerima kunjungan daripada Y.Bhg. Profesor Dr. Syeikh Abbas Shouman, Wakil Universiti al-Azhar al-Syarif. Kunjungan beliau ke Malaysia adalah bersempena Multaqa Serantau Alumni Al-Azhar Malaysia 2015 dan mengambil peluang untuk menunaikan solat Jumaat berjemaah di Masjid Putra.


Kunjungan Wakil Universiti al-Azhar al-Syarif ini telah disambut oleh Y.Bhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timb. Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Prof. Madya Datuk Dr. Mohd Fakhirudin Abdul Mukti, Presiden Rabitah A/bangsa Alumni Al-Azhar Malaysia 2015 dan Tuan Haji Abd. Manaf Mat, Imam Besar Masjid Putra.

Beliau telah meluangkan masa kira-kira 45 minit beramah mesra sambil menandatangani buku tetamu kenamaan dan solat Jumaat sebelum meninggalkan perkarangan masjid jam 2 petang.

TARIKAN PELANCONGAN MASJID PUTRA SEBAGAI IKON PELANCONGAN ISLAMIK NEGARA
STATISTIK PELANCONGAN KE MASJID PUTRA, PUTRAJAYA

LAPORAN STATISTIK PELANCONG DALAM NEGARA

BUL.	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SERAWAK	SELANGOR	T'GANU	WILAYAH P'SEKUTUAN	JUMLAH
JAN	306	54	52	12	238	76	143	32	166	40	84	303	15	306	1827
FEB	299	172	276	122	172	177	128	41	92	123	155	941	43	680	3421
MAC	697	136	344	251	366	112	198	34	155	228	140	841	56	858	4416
APR	260	202	105	132	99	151	107	38	130	43	58	936	12	703	2976
MEI	368	221	795	97	251	357	178	58	190	136	118	308	305	432	3814
JUN	540	126	210	94	72	131	113	5	95	44	69	472	72	659	2702
JUL	65		53	35	186		30			42	25	140		654	1230
OGOS	190	57	163	94	202	7	7		210	46	46	587	2	769	2380
SEPT	134	159	131	65	65	120	63		85	7	34	141	201	85	1290
OKT	453	336	368	111	91	528	183	17	344		80	179	345	3	3038
NOV	801	387	574	259	381	372	602	135	179	46	61	611	673	983	6064
DIS	468	814	373	127	229	160	429		215	80		511	104	575	4085
JUMLAH	4581	2664	3444	1399	2352	2191	2181	360	1861	835	870	5970	1828	6707	37243




STATISTIK PELANCONGAN KE MASJID PUTRA, PUTRAJAYA

LAPORAN STATISTIK PELANCONG LUAR NEGARA

BULAN	AMERIKA SYARIKAT	AUSTRALIA	AFRIKA SELATAN	ARAB SAUDI	CHINA	FILIPINA	HONG KONG	INDIA	INDONESIA	IRAN	JERMAN
JAN	113	71	66	436	14728	292	405	1024	2777	907	125
FEB	112	94	123	525	18350	221	608	912	3666	1913	78
MAC	140	72	28	320	16957	152	288	540	2578	893	40
APR	100	117	69	318	24870	290	487	1078	2774	742	100
MEI	151	151	31	291	30878	519	797	1660	3338	1076	45
JUN	129	138	31	263	28495	448	876	1080	2050	1068	95
JUL	231	125	44	2554	28709	310	693	743	1275	490	106
OGOS	123	153	78	1849	34515	302	752	1031	1688	924	81
SEPT	85	86	9	36	23184	274	567	631	1316	1098	74
OKT	42	41		36	25417	240	469	748	1088	1074	29
NOV	79	48	47	151	29249	673	794	1164	2291	953	45
DIS	145	106	14	66	34244	462	731	1758	4914	2425	74
JUMLAH	**1450**	**1202**	**540**	**6845**	**309596**	**4183**	**7467**	**12369**	**29755**	**13563**	**892**

BULAN	JEPUN	SINGAPURA	TAIWAN	THAILAND	VIETNAM	KOREA	LAIN-LAIN	JUMLAH
JAN	700	231	3281	768	2713	373	1122	30132
FEB	592	161	3709	945	3643	194	1933	37779
MAC	793	116	2397	935	3024	127	1253	30653
APR	387	128	3639	1350	4369	123	1863	42804
MEI	586	260	5245	674	8463	200	1471	55836
JUN	679	162	5828	644	8124	158	1654	51922
JUL	572	179	5527	679	10273	213	1029	53752
OGOS	909	1041	4483	2828	7509	175	1816	60257
SEPT	821	8	3776	282	5892	32	2103	40274
OKT	500	15	3664	515	4996	46	1405	40325
NOV	1014	210	3619	298	3835	63	1654	46187
DIS	828	147	3638	480	3868	231	1513	55644
JUMLAH	**8381**	**2658**	**48806**	**10398**	**66709**	**1935**	**18816**	**545565**



Penganjuran Acara-Acara Peringkat Kebangsaan Di Masjid Putra

Sambutan Maulidurrasul Peringkat Kebangsaan 1437H

Sambutan Maulidurrasul Peringkat Kebangsaan 1437H/2015M telah diadakan pada 3 Januari 2015 bertempat di Dewan Solat Utama, Masjid Putra. YAB Timb. Perdana Menteri dan isteri telah hadir bagi mewakili DYMM SPBYDP Agong bagi merasmikan seterusnya menyampaikan anugerah kepada 11 orang penerima. Seramai lebih 10,000 orang termasuk termasuk jemputan membanjiri Masjid Putra setelah berarak seawal jam 7.00 pagi dari Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang terdiri dari lebih 140 kontijen mewakili pelbagai agensi dan kementerian.



Penerima Anugerah Tokoh Maulidurrasul Kebangsaan 1437H bergambar kenangan bersama YAB Tan Sri Muhyiddin Hj. Yassin, Timb. Perdana Menteri Malaysia di pentas utama



Y.Bhg. Tan Sri Syeikh Ismail Dato' Mohamad (Imam Besar Masjid Negara) menerima sijil Tokoh Maulidurrasul Kebangsaaan dari YAB Timb. Perdana Menteri





"Best practices of Islamic Approach in Malaysia" oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki ketika merasmikan Majlis "Intellectual Discourse" di Masjid Putra, Putrajaya

Program SEHARI BERSAMA JEMAAH 2015

Program Sehari Bersama Jemaah merupakan acara tahunan Masjid Putra sejak tahun 2006 dan sambutan dari jemaah semakin meningkat saban tahun. Selain itu, penglibatan dan permintaan dari agensi yang mengadakan pameran amat menggalakkan adalah antara faktor utama mendorong program ini diteruskan secara tahunan. Pelbagai acara pertandingan telah dijalankan bagi dewasa dan pelajar sekolah. Antaranya ialah Pertandingan Tilawah Al-Quran, Seni Khat, Ayat Hafazan, Khutbah dan Azan bagi kategori dewasa. Buat suri rumah atau kaum ibu pula pertandingan Gubahan Hantaran dan masakan disediakan, manakala pertandingan mewarna, bercerita, busana muslim, susun puzzle telah diadakan buat pelajar sekolah.



Pertandingan mewarna bagi pelbagai kategori kanak-kanak mendapat sambutan luarbiasa saban tahun





Peserta pertandingan menerima hadiah daripada Imam Besar Masjid Putra diiringi pegawai-pegawai kanan



Demonstrasi Masakan oleh Chef berpengalaman juga diadakan buat kaum ibu/suri rumah



Pengunjung tidak ketinggalan menyokong kempen derma darah yang diadakan di Masjid Putra dengan kerjasama Pusat Darah Negara



Gerai pameran Jabatan Penjara Malaysia menjadi tumpuan pelajar sekolah semasa program berlansung

SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI & AIDIL ADHA 1437H/2015M

Sambutan Aidilfitri dan Aidiladha sewaktu solat sunat di Masjid Putra tidak lekang dengan jemaah yang memenuhi segenap ruang solat di Majid Putra. Kebanyakan jemaah terdiri dari pelajar dan pelancong asing yang ingin merasai pengalaman menyambut perayaan di perantauan yang ternyata berbeza dari negara asal masing-masing. Sejumlah 15,000 orang bersolat sunat berjemaah di masjid ini dan angka ini sentiasa meningkat saban tahun.





Jemaah memenuhi ruang solat di Masjid Putra bersama rakan dan saudara serta keluarga bagi Solat Sunat Aidilfitri



Imam Besar Masjid Putra, Y.Bhg. Datuk Hj. Abd. Manaf Mat mengetuai takbir raya dan mengimamkan solat sunat Aidilfitri





Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahatdhir Mohamad sentiasa mendapat perhatian dan disenangi jemaah yang hadir





Y.B. Dato' Seri Jamil Khir Baharom menyampaikan khutbah sebaik selesai Solat Sunat Aidil Adha yang turut dihadiri Y.Bhg. Datuk Hj. Othman Mustapha dan Y.Bhg. Datuk Hj. Mohd. Nordin



Ibadat korban menjadi amalan wajib di Masjid Putra sebaik selesai Solat Sunat Aidil Adha

PENGGUBALAN DAN PENYELARASAN UNDANG-UNDANG

Bagi memastikan pemantapan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariat Islam, Pejabat Penasihat Undang-Undang telah melaksanakan peranan memperkasakan undang-undang Islam di Malaysia melalui :

Kajian Undang-Undang Islam

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil. 146 yang diadakan pada 2 - 4 November 2014 telah bersetuju agar kajian penambahbaikan undang-undang Islam yang diketuai oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil, dilaksanakan dengan memfokuskan kepada 4 undang-undang seperti yang berikut :

(i) Undang-Undang Keluarga Islam;
(ii) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;
(iii) Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah; dan
(iv) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah.

Bagi melaksanakan keputusan mesyuarat berkenaan, Pejabat Penasihat Undang-Undang telah mengadakan kerjasama dengan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) bagi penganjuran mesyuarat Bil. 1 untuk kajian penambahbaikan Undang-Undang Keluarga Islam, Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah pada tahun 2015.

Bagi Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Keterangan, ia dianggotai oleh 10 orang pakar dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hassan bin Ab Rahman, Mantan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi. Mesyuarat Bil. 1 telah diadakan pada 10 - 12 Disember 2015 di Sarawak. Manakala bagi Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Keluarga Islam, ia dianggotai oleh 10 orang pakar dalam undang-undang keluarga Islam dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ismail bin Yahya, Mantan Ketua Hakim Syarie Terengganu dan mesyuarat Bil. 1 telah diadakan pada 22 - 24 November 2015 di Pahang. Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Bil. 1 telah diadakan pada 19 – 21 November 2015 di Kota Bharu, Kelantan dan dipengerusikan oleh YAA Dato' Aria D'Raja Dato' Hj. Daud bin Mohamad, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 11 orang ahli yang terdiri daripada pakar-pakar perundangan sivil dan Syarak. Hasil daripada ketiga-tiga mesyuarat tersebut pelbagai isu berkaitan permasalahan dalam undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Keterangan Mahkamah Syariah dan Keluarga Islam telah dikupas dan pendekatan yang akan digunakan bagi pelaksanaan kajian undang-undang tersebut turut dibincangkan.

Berhubung dengan kajian untuk mewujudkan undang-undang atau peraturan bagi pungutan khairat, kertas cadangan dan Draf Kaedah-Kaedah Pungutan Khairat telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil. 147 pada 17 – 19 Ogos 2015 di Kuala Lumpur dan telah dipersetujui dengan beberapa pindaan kepada draf.



Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah pada 19 – 21 November 2015 di Kota Bharu, Kelantan



Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Keluarga Islam Bil. 1 pada 22 – 24 November 2015 di Pahang

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak Dan Sivil

Pejabat Penasihat Undang-Undang merupakan urusetia kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara. Jawatankuasa ini berperanan dalam menggubal, menyelaras dan membantu Jakim berkenaan dengan undang-undang Islam dan isu-isu perundangan semasa. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam menyemak undang-undang sedia ada ke arah mengharmonikan undang-undang Syarak dan sivil.

Bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang khususnya undang-undang Syariah, Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak 3 kali sepanjang tahun 2015 iaitu pada 27 Mei 2015, 17 – 19 Ogos 2015 dan 22 Oktober 2015. Antara undang-undang yang dibincangkan adalah cadangan pindaan Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2015 dan draf Kaedah-Kaedah Pungutan Khairat (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2015.

Selain itu, Jawatankuasa ini juga dijadikan asas rujukan apabila timbul isu dan permasalahan berkaitan undang-undang Syariah. Antara isu yang dirujuk pada tahun 2015 adalah berkaitan isu-isu berbangkit dalam RUU Profesion Guaman Syarie serta cadangan daripada Jabatan Peguam Negara berkenaan penggubalan RUU Zakat dan Fitrah, RUU Wasiat Orang Islam, RUU Wakaf dan RUU Faraid melalui perundangan subsidiari.

Jawatankuasa Teknikal juga telah bersetuju untuk menubuhkan empat jawatankuasa kajian penambahbaikan undang-undang yang dianggotai oleh individu-individu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam undang-undang berkaitan. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

(i) Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Keluarga Islam;
(ii) Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;
(iii) Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah; dan
(iv) Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah.

Penubuhan Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan ini bertujuan untuk mengkaji dan menambahbaik undang-undang sedia ada dan menyediakan draf cadangan pindaan kepada undang-undang tersebut untuk digunapakai di negeri-negeri.



Majlis Penyampaian cerderamata oleh Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil. 1 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan

Pejabat Penasihat Undang-Undang juga telah dilantik sebagai urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara. Objektif mesyuarat ini adalah memutuskan kaedah pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dan memberi penjelasan tentang pelaksanaan undang-undang Syariah kepada masyarakat. Bagi tahun 2015, mesyuarat telah diadakan pada 12-14 Februari 2015 di Kota Bharu, Kelantan.



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan Bil. 4 pada 12-14 Februari 2015 di Kota Bharu, Kelantan

PENYELARASAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN SYARIAH DI MALAYSIA

Penyelarasan bagi tindakan penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah di Malaysia dilaksanakan melalui beberapa platform seperti mesyuarat, bengkel serta aktiviti utama Bahagaian iaitu :

i. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Malaysia

Penyelarasan dan penyelesaian terhadap isu-isu penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah sentiasa menjadi agenda utama Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM dalam penyeragaman tindakan yang dilaksanakan di negeri-negeri. Sesuai dengan matlamat tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Malaysia Bil 1/2015 telah diadakan pada 7hb September 2015 bertempat di Dewan Syura, JAKIM.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Tuan Haji Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) selaku Setiausaha Mesyuarat yang mewakili YBhg. Dato' Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Dato' Zainul Rijal bin Abu Bakar, Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia selaku Pembentang Kertas Kerja, YBhg. Tuan Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid, Penasihat Undang-Undang JAKIM dan YBhg. Tuan Aziz bin Haji Mohamad, Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM. Ahli mesyuarat adalah terdiri daripada wakil Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Penasihat Undang-Undang negeri kecuali Sabah dan Sarawak serta Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

Beberapa isu telah dibincang dan diputuskan di dalam mesyuarat kali ini dan diselaraskan di peringkat negeri-negeri dalam usaha penyeragaman tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan syariah.



YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedang mempengerusikan Mesyuarat



Ahli mesyuarat yang hadir terdiri daripada Pengarah JAIN, Penasihat Undang-Undang Negeri, Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Malaysia Kali Ke-10 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pendakwaan Syariah Malaysia Kali Ke-10

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Malaysia Kali Ke-10 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pendakwaan Syariah Malaysia Kali Ke- 10 telah diadakan pada 26-30 April 2015 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Tuan Haji Aziz bin Haji Mohamad, Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang, JAKIM ini dihadiri oleh Ketua-Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua-Ketua Pendakwa Syarie, Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia. Mesyuarat yang berlangsung selama 5 hari ini membincangkan isu-isu semasa penguatkuasaan dan pendakwaan syariah di Malaysia.



Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Tuan Hj. Aziz bin Hj. Mohamad, Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang

iii. Mesyuarat Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-15

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Tuan Aziz bin Haji Mohamad, Pengarah BPUU ini telah diadakan pada 23-26 Februari 2015 ini bertempat di Hotel Mega, Miri, Sarawak

dan dihadiri oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA), Ketua Pendakwa Syarie (KPS) seluruh Malaysia dan wakil daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Jakim. Sebanyak tujuh kertas kerja telah dibentangkan melibatkan dua kertas cadangan dan lima kertas makluman.

Bersempena dengan Mesyuarat KPPA dan KPS kali ke-15 ini, turut diadakan MajlisMakan Malam anjuran Jabatan Agama Islam Sarawak pada 25 Februari 2015 bertempat di Hotel Imperial, Miri, Sarawak. Majlis ini dihadiri oleh YBhg. Tuan Haji Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jakim dan YBhg. Tuan Haji Ismail bin Hanis, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS).



Ahli mesyuarat bergambar kenangan dengan YBhg. Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim.

PENGUKUHAN KERJASAMA STRATEGIK DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Kerjasama strategik antara agensi penguatkuasaan syariah dan inter agensi penguatkuasaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa diteruskan pada tahun ini melalui pelbagai program iaitu :

i. Diskusi Isu Penguatkuasan Dan Pendakwaan Undang-Undang Syariah Di Negara Brunei Darussalam

Program ini telah dilaksanakan pada 25 Februari 2015 di Negara Brunei Darussalam. Delegasi diketuai oleh YBhg. Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JAKIM dan melibatkan Pegawai-Pegawai daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ketua-Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua-Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia.

Objektif program ini diadakan adalah untuk :

a) Mendapatkan maklumat dan penjelasan yang tepat berkaitan penguatkuasaan dan pendakwaan serta kaedah- kaedah hukuman Syariah di Negara Brunei Darussalam;
b) Meningkatkan profesionalisme pegawai melalui pertukaran maklumat, pandangan dan saranan bagi mengatasi permasalahan berkaitan penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah dengan pihak Pentadbiran, Penguatkuasaan, Pendakwaan dan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam; dan
c) Meningkat dan menjalinkan hubungan strategik yang baik serta mengeratkan silaturrahim dengan agensi Agama seperti Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Mahkamah Syariah Brunei, Jabatan Kehakiman Negara, Negara Brunei Darussalam.

Beberapa tempat yang dikunjungi sepanjang program diskusi adalah :

a) Kunjung Hormat dan Diskusi Kepada Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam;
b) Kunjung Hormat dan Diskusi Kepada Yang Mulia Haji Hassan bin Haji Metali, Pemangku Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan Syariah, Negara Brunei Darussalam; dan
c) Lawatan ke Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
d)



YBhg. Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM sebagai Ketua Delegasi Program bersama Yang Mulia Haji Harun bin Haji Junid, Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU Negara Brunei Darussalam ketika sesi majlis diskusi



Delegasi Program Diskusi mendengar taklimat mengenai Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Yang Mulia Haji Hassan bin Haji Metali,Pemangku Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan Syariah



Bergambar kenangan bersama Yang Mulia Haji Hassan bin Haji Metali,Pemangku Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan SyariahNegara Brunei Darussalam

ii. Konvensyen Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia 2015

Usaha pemerkasaan kerjasama strategik dengan Jabatan Agama Islam Negeri diteruskan dalam penganjuran Konvensyen Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Syariah Malaysia 2015. Konvensyen ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Objektif utama Konvensyen adalah bagi memperkukuhkan pemahaman dan pengetahuan para peserta terhadap isu-isu semasa Perundangan Syariah di Malaysia. Seramai 200 orang peserta telah hadir dalam Konvensyen tersebut terdiri daripada Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie negeri-negeri seluruh Malaysia. Sebanyak 4 kertas kerja telah dibentangkan dan satu slot forum telah mengisi aturcara dalam Konvenysen tersebut. Ucaptama konvensyen telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman, Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara.

Majlis Perasmian Konvensyen telah disempurnakan oleh YB. Dato' Nik Mohd Amar bin Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan mewakili YAB Dato' Menteri Besar Kelantan. Manakala YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan khas sempena majlis perasmian tersebut. Turut sama dalam majlis tersebut ialah YB. Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Pengerusi Pembangunan Islam Dakwah dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan, YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, YB. YAA Dato' Haji Daud bin Muhammad (Dato' Aria D'Raja), Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan, YB. Dato' Che Rahim bin Haji Jusoh, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), YBhg. Tuan Haji Aziz bin Mohamad, Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM dan YAA Ketua-ketua Hakim Syarie negeri-negeri seluruh Malaysia.



YB. Mejar Jeneral Dato' Sri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) sedang menyampaikan Ucapan Khas



YB. Dato' Nik Mohd Amar bin Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan menyampaikan ucapan perasmian konvensyen

PEMANTAUAN TERHADAP PENYELARASAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN DI NEGERI-NEGERI

Selari dengan fungsi Bahagian Penyelarasan Undang-Undang untuk menyediakan apa jua mekanisme bagi menyelaras tindakan Penguatkuasaan dan Pendakwaan di Negeri-Negeri, beberapa program pemantauan telah dilaksanakan sepanjang 2015 melalui pemakaian Sistem e-Jinayat, pelaksanaan Sistem Penarafan Bahagian Penguatkuasaan Dan Bahagian Pendakwaan dan Operasi Bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

i. Peluasan Sistem e-Jinayat

Sistem e-Jinayat merupakan sistem aliran kerja *(work flow system)* yang seragam bagi tindakan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah. Sistem ini dibangunkan pada tahun 2010 bertujuan untuk memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah di Malaysia. Sistem ini terdiri daripada tiga modul iaitu modul penguatkuasaan, modul pendakwaan dan modul pentadbiran. Sehingga penghujung 2015, lima negeri iaitu Pahang, Johor, Kelantan, Perak dan Melaka telah menggunapakai sistem ini. Manakala Wilayah Persekutuan dan Terengganu telah menyatakan persetujuan untuk mengaplikasikan sistem ini pada

awal tahun 2016. Dalam usaha peluasan sistem, beberapa program dilaksanakan meliputi Mesyuarat Penyelarasan, Bengkel TOT Aplikasi Sistem, penilaian semula terhadap keperluan-keperluan negeri dan pemantauan pelaksanaan di negeri-negeri.



Maklumat sedang direkodkan di dalam sistem e-Jinayat



Antara paparan dalam sistem e-Jinayat

ii. Sistem penarafan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan Syariah JAIN seluruh Malaysia

Bagi menaiktaraf sistem penyampaian perkhidmatan penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah, JAKIM melalui Bahagian Penyelarasan Undang-Undang mengambil inisiatif memperkenalkan Sistem Penarafan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (SPPP) Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia. Program ini bertujuan menilai dan mengukur tahap kekuatan dan pencapaian Agensi Penguatkuasaan Syariah dalam menjalankan tugas penguatkuasaan dan pendakwaan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada di negeri-negeri agar ianya berjalan dengan lebih teratur dan berkesan.

Pada tahun 2015 Jakim bersama panel penilai penarafan yang dilantik telah berjaya melaksanakan penarafan di enam buah negeri iaitu Negeri Sembilan pada 19 Ogos 2015, Johor pada 9 September 2015, Terengganu pada 14 September, Selangor pada 29 September 2015, Kedah pada 6 Oktober 2015 dan Perlis pada 7 Oktober 2015. Program ini akan diteruskan pada tahun 2016 untuk menjalankan penarafan di lapan buah negeri yang masih berbaki bagi melengkapkan sesi pertama penarafan yang diadakan dua tahun sekali.



YBhg. Tuan Aziz bin Hj. Mohamad, Pengarah Bahagian BPUU Jakim memeriksa perbarisan Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Selangor



Barisan panel penilai bergambar bersama YBhg. Tuan Haji Wan Ismail Sahaimi bin Wan Omar, Timbalan Pesuruhjaya Pengurusan Kewangan dan Pembangunan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu



Penarafan Penguatkuasaan Syariah di Jabatan Agama Johor

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL AGENSI PENGUATKUASAAN SYARIAH MALAYSIA : MISI BANTUAN BANJIR KELANTAN

Tugas agensi penguatkuasaan Syariah bukan sekadar menguatkuasakan undang-undang Syariah semata-mata. Bahkan, program kemanusian turut diambil kira sebagai tanggungjawab sesama manusia bagi membolehkan agensi penguatkuasaan Syariah tidak sekadar digeruni bahkan turut dihormati.

Misi Bantuan Pasca Banjir Kelantan Agensi Penguatkuasaan Syariah Jakim dan JAIN

Meskipun, fungsi utama BPUU adalah menguatkuasakan perundangan syariah di Negara ini, bahagian ini tidak ketinggalan untuk turut menyatakan keprihatinan dalam menunaikan tanggungjawab sosial terhadap mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Seramai lebih 100 orang sukarelawan yang terdiri daripada Ketua Pegawai Penguatkuasaan Agama, Ketua Pendakwa Syarie, Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie, pegawai-pegawai dan kakitangan BPUU. Pelepasan konvoi misi bantuan pasca banjir ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Othman bin Mustapha berbekalkan beberapa amanat.



Ucapan Amanat daripada Dato' Haji Othman bin Mustapha semasa acara pelepasan

Misi yang berlangsung pada 23 hingga 24 Januari 2015 ini telah menumpukan bantuan di sekitar Jajahan Gua Musang dan Kuala Krai yang diklasifikasikan sebagai kawasan yang kritikal terjejas banjir. Antara tempat yang terlibat dalam misi ini ialah Kampung Keriting, Kampung Lembaga, Kampung Manjor dan Kampung Pemberian.

Sumbangan wang, barang makanan, barang keperluan dan bantuan tenaga untuk khidmat pembersihan telah disampaikan kepada mangsa banjir dalam misi ini. Sukarelawan telah dibahagikan kepada dua kumpulan bagi melancarkan misi bantuan memandangkan masa yang terhad serta perjalanan yang memakan masa yang agak lama. Misi ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan di masa akan datang, BPUU akan meneruskan misi-misi kemanusiaan sebagai salah satu agenda tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.



Penyampaian sumbangan kepada Imam Masjid Mukim Aur Gading, Kampong Manjor, Kuala Krai oleh YBhg. Tuan Aziz bin Haji Mohamad, Pengarah BPUU Jakim



Selesai Misi Bantuan Pasca Banjir Kelantan

PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN DALAM NEGERI

MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KE- 36 TAHUN 1436H/2015M

Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MHQK) Ke-36 Tahun 1436H/2015M telah diadakan dengan jayanya pada 1 – 5 Mac 2015 bertempat di Dewan Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah, Kolej Universiti Insaniah, Alor Setar, Kedah. Majlis selama lima hari ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Majlis Pembukaan MHQK Tahun 1436H/2015M telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kedah, YB Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Mahathir. Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah pula telah disempurnakan oleh Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Negeri Kedah Darul Aman, Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tunku Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Tiga kategori telah dipertandingkan iaitu kategori juzuk 1 – 10, juzuk 1 – 20 dan juzuk 1 – 30 bagi lelaki dan perempuan.

Jadual 1: Senarai Pemenang Lelaki Mengikut Kategori

HAFIZ			
KATEGORI (JUZUK)	**JOHAN**	**NAIB JOHAN**	**KETIGA**
1 hingga 10	Mohd Rashid Ridha bin Mohd Shukri (Wilayah Persekutuan)	Nashraf Ideen bin Nahar (Sabah)	Ahmad Hambali bin Abdul Kadir (Melaka)
1 hingga 20	Wan Muhammad Rafiq bin Wan Roslan (Kelantan)	Muhammad Zul Akmal bin Abd Latif (Selangor)	Muhamad Insanullah bin Zahidi (Melaka)
1 hingga 30	Muhammad Syazani bin Jemy (Johor)	Mohamad Omar bin Mansu (Negeri Sembilan)	Muhammad Ismail bin Hassanuddin (Selangor)

Jadual 2: Senarai Pemenang Perempuan Mengikut Kategori

HAFIZAH			
KATEGORI (JUZUK)	**JOHAN**	**NAIB JOHAN**	**KETIGA**
1 hingga 10	Nursyafiqah binti Mohamad Soid (Pahang)	Fathiah binti Ahmad Fuad (Negeri Sembilan)	Dina Hadfina binti Mohd Umarul Hisyam (Melaka)
1 hingga 20	Putri Nur Nadia binti Bakri (Negeri Sembilan)	Putri Aminah binti Mohd Hanif (Kelantan)	Asma binti Abdullah (Terengganu)
1 hingga 30	Farihah binti Zulkifili (Wilayah Persekutuan)	Nadiroh binti Asri (Selangor)	Nur Amalina binti Azharuddin (Melaka)



Penyampaian hadiah kepada pemenang



Barisan Jemaah Hakim MHQK Ke-36 Tahun 2015M/1436H

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KE- 58 TAHUN 1436H/2015M

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTQK) Ke-58 Tahun 1436H/2015M telah diadakan dengan jayanya pada 20 hingga 25 April 2015 bertempat di Dewan Muktamar, Kompleks Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur. Majlis selama enam hari ini dilaksanakan dengan kerjasama JAWI, Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. MTQK ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin. Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Keputusan Majlis Tilawah Al-Quran Ke-58 ialah seperti berikut:

Pemenang Kategori Qari

Tempat Pertama
Wan Ainuddin Hilmi bin Abdullah (Kelantan)
Tempat Kedua
Abdul Khair bin Jalil (Selangor)
Tempat Ketiga
Azraei bin Abdul Hak (Melaka)

Pemenang Kategori Qariah

Tempat Pertama
Siti Husna binti Hassan (Pahang)
Tempat Kedua
Roziah binti Haji Ayub (Sarawak)
Tempat Ketiga
Nor Ruzana Natiah binti Jaafar (Selangor)



Penyampaian Hadiah kepada Johan Qari MTQK ke-58 2015

MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA KE-57 TAHUN 1436H/2015M

Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-57 Tahun 1436H/2015M telah diadakan pada 9 hingga 14 Jun 2015 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Acara tahunan yang diadakan pada setiap penghujung bulan Syaaban ini telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah serta Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah. Pada tahun ini sebanyak 82 peserta dari 47 negara telah menyertai pertandingan, iaitu meliputi 38 peserta tilawah dan 32 peserta hafazan, manakala 12 peserta lain tidak melepasi peringkat saringan.

Majlis penutupan telah diadakan pada 14 Jun 2015 di mana qari dari Iran, Mohsen Hassani Kargar dan qariah dari Indonesia, Asrina Asril Buyong masing-masing telah dinobatkan sebagai johan qari dan qariah bagi kategori tilawah manakala kategori hafazan dijuarai oleh Abdul Aziz Abdullah Ali Al-Hamri dari Qatar dan qariah Farihah binti Zulkifli dari Malaysia.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang tilawah dan hafazan telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V yang diiringi Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B). Hadiah yang disediakan kepada johan qari dan qariah merupakan piala iringan, wang tunai RM40,000 dan kepingan emas bernilai RM70,000 manakala johan hafiz dan hafizah memperoleh piala iringan, wang tunai RM20,000 dan kepingan emas bernilai RM20,000. Kepingan emas merupakan hadiah tajaan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia YaPIEM.

Jadual 3: Keputusan Qari Kategori Tilawah

KEDUDUKAN	PEMENANG	NEGARA
Johan	Mohsen Hassani Kargar	Iran
Naib Johan	Wan Ainuddin Hilmi Abdullah	Malaysia
Ketiga	Numan Makasugat Pimbayaba	Filipina
Keempat	Awangku Muhd Adibul Amin Bin Pengeran Hj Marjuki	Brunei
Kelima	Brahim Medjahed	Algeria

Jadual 4: Keputusan Qariah Kategori Tilawah

KEDUDUKAN	PEMENANG	NEGARA
Johan	Asrina Asril Buyong	Indonesia
Naib Johan	Rahima Panondiongan Amerol	Filipina
Ketiga	Siti Husnaa Hassan	Malaysia
Keempat	Siti Noor Dzuhairah Binti Awang Hj Damit	Brunei
Kelima	Sameeha Talohding	Thailand

Jadual 5: Keputusan Hafiz Kategori Hafazan

KEDUDUKAN	PEMENANG	NEGARA
Johan	Abdul Aziz Abdullah Ali Al-Hamri	Qatar
Naib Johan	Othman Yusef Jazaa Fahad Al-Shalan	Kuwait
Ketiga	Aboulhassen Yahia	Tunisia

Jadual 6: Keputusan Hafizah Kategori Hafazan

KEDUDUKAN	PEMENANG	NEGARA
Johan	Farihah Zulkifli	Malaysia
Naib Johan	Raghiye Beyah	Mauritania
Ketiga	Mariem Makhlouf	Tunisia



Keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Majlis Perasmian MTHQA Ke-57



Sebahagian tetamu yang hadir



Johan Qari dari negara Iran

PERSIDANGAN KETUA JABATAN/ MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELURUH MALAYSIA (PKJ) TAHUN 2015

Sepanjang tahun 2015, JAKIM telah berjaya menganjurkan tiga persidangan PKJ dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan Jabatan Agama Islam Johor seperti berikut:

1. PKJ Kali Ke-96 di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak pada 23 hingga 25 Mac 2015.
2. PKJ Kali Ke-97 di Hotel Renaissance, Kota Bharu Kelantan pada 1 hingga 3 Ogos 2015.
3. PKJ Kali Ke-98 di *The Puteri Pacific Hotel Johor Bahru,* Johor pada 25 hingga 27 Oktober 2015.

Persidangan tersebut telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman bin Mustapha. Ahli persidangan yang hadir terdiri daripada Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Pegawai-Pegawai Kanan wakil agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti Jabatan Bantuan Guaman Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT), Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Polis Diraja Malaysia dan Lembaga Tabung Haji dan Pengarah-Pengarah Bahagian JAKIM.

Persidangan ini merupakan platform untuk mengukuhkan kerjasama antara JAKIM dan JAIN/ MAIN dalam pengurusan hal ehwal agama Islam di peringkat negeri dan Persekutuan. Persidangan ini juga bertujuan untuk menyelaras dan mewujudkan keseragaman dalam pentadbiran dan perlaksanaan hukum syarak di negeri-negeri di samping

mempelajari kemajuan yang dicapai oleh JAIN/ MAIN untuk dijadikan panduan dan contoh kepada yang lain.



PKJ Ke-97 di Hotel Renaissance, Kota Bharu Kelantan



PKJ Ke-98 di *The Puteri Pacific Hotel Johor Bahru*, Johor

SIMPOSIUM PEMANTAPAN PELAN STRATEGIK MABIMS 2015 – 2019

JAKIM telah menganjurkan Simposium Pemantapan Pelan Strategik MABIMS 2015 - 2019 pada 7 hingga 11 September 2015 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Simposium ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Manakala Majlis Penutupan Simposium telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman bin Mustapha.

Seramai dua orang delegasi dari negara anggota MABIMS iaitu Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Republik Singapura telah hadir sebagai ahli simposium dan turut melibatkan wakil-wakil dari agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta bahagian-bahagian Jakim. Simposium Pemantapan Pelan Strategik MABIMS 2015 – 2019 telah berjaya menggariskan lapan Teras Strategik sebagai Bidang Kerjasama seperti berikut:

1. Memperkasa Kehidupan Beragama
2. Membangun Potensi Belia
3. Meningkatkan Taraf Hidup Umat Islam Yang Memerlukan
4. Meningkatkan Modal Insan Umat Islam
5. Meningkatkan Harmonisasi Masyarakat
6. Memperluas Peranan MABIMS Ke Dunia Luar
7. Menyelaras Rukyah Dan Takwim Islam MABIMS
8. Memperkasa Penyelarasan Halal MABIMS

Semoga dengan lapan teras strategik di atas, MABIMS akan terus meningkatkan lagi tahap kerjasama dalam pembangunan umat Islam di negara anggota dari aspek daya tahan keagamaan dan mutu kehidupan beragama serta kesejahteraan ekonomi. Ia juga diharapkan dapat meningkatkan peranan MABIMS dalam program-program pembangunan dan kemanusiaan di luar rantau MABIMS demi memperkukuhkan imej Islam yang positif di mata dunia.



Majlis Perasmian Simposium disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)



Para delegasi MABIMS bergambar kenangan bersama-sama Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman bin Mustapha

SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1437H/2015M

JAKIM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan berkaitan telah mengadakan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M dengan penuh gilang-gemilang pada 1 Muharam 1437H bersamaan 14 Oktober 2015M. Lebih 50,000 orang peserta telah mengikuti Perarakan Maal Hijrah 1437H/2015M bermula dari lima lokasi strategik di sekitar Kuala Lumpur iaitu Padang Merbok, Dataran Merdeka, Muzium Negara, Masjid Jamek dan Muzium Kesenian Islam dan bergerak beramai-ramai menuju ke Masjid Negara. Pada tahun ini, buat julung kali diadakan perasmian sempena dengan Sambutan Jubli Emas Masjid Negara.

Dalam majlis tersebut, YAB Perdana Menteri Malaysia telah menyampaikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan Tahun 1437H/2015M kepada mantan Ketua Hakim Negara, YABhg Tun Abdul Hamid bin Hj Mohamad. Sumbangan dan jasa baik Tun Abdul Hamid dalam bidang perundangan amat dihargai oleh pihak Kerajaan. Semoga Islam terus gemilang di persada negara dan umat Islam dapat hidup dengan aman dan harmoni di bumi Malaysia yang tercinta ini.



YAB Perdana Menteri sedang berucap merasmikan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M



Menteri di JPM, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj.Baharom, mengetuai perarakan sempena sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2016M

MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN (SOM) KE-40 BAGI PERTEMUAN TIDAK RASMI MENTERI-MENTERI AGAMA BRUNEI DARUSSALAM, REPUBLIK INDONESIA, MALAYSIA DAN REPUBLIK SINGAPURA

Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (*SOM*) Ke-40 bagi Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) telah berjaya dilaksanakan bermula 19 hingga 22 Oktober 2015 bertempat di The Empire Hotel and Country Club.

Delegasi Malaysia bagi Mesyuarat *SOM* ke-40 diketuai oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman bin Mustapha, bersama-sama tiga orang pegawai. Sebanyak tujuh kertas Bidang Strategik dan empat kertas Bidang Khas telah berjaya dibentang dan dibincangkan sepanjang dua hari mesyuarat tersebut berlangsung. Satu kertas kerja tema bertajuk "Jaminan Pengiktirafan Halal Negara Anggota MABIMS" telah dibentang oleh setiap negara anggota MABIMS. Kertas Tema bagi pihak Malaysia telah dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Hab Halal JAKIM, Puan Hjh. Hakimah binti Mohd Yusoff.

Selain itu, satu kertas kerja bertajuk "Penguatkuasaan Undang-undang Dalam Pengawalan Ajaran Sesat Di Negara Anggota MABIMS" turut dibentang oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim. Malaysia juga telah membentangkan dua kertas laporan iaitu "Pelaksanaan e-Hajj Berdasarkan Pengalaman Malaysia" oleh Pengurus Besar Operasi Domestik, Tabung Haji, Dato' Ahmad Ruzman bin Ahmad Razali dan Kertas Laporan Simposium Pemantapan Pelan Strategik MABIMS Tahun 2015 – 2019 telah dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Perhubungan JAKIM, Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Mesyuarat *SOM* ini telah sepakat untuk melaksanakan lapan bidang kerjasama bagi Pelan Strategik 2016 – 2020 seperti berikut:

1. Memperkasa Kehidupan Beragama
2. Membangun Potensi Belia
3. Meningkatkan Taraf Hidup Umat Islam Yang Memerlukan
4. Meningkatkan Modal Insan Umat Islam
5. Meningkatkan Harmonisasi Masyarakat
6. Memperluas Peranan MABIMS Ke Dunia Luar
7. Menyelaras Rukyah Dan Takwim Islam MABIMS
8. Memperkasa Penyelarasan Halal MABIMS

MABIMS berhasrat untuk terus meningkatkan lagi tahap kerjasama dalam membangunkan umat Islam di negara anggota dari aspek daya tahan keagamaan dan mutu kehidupan beragama serta kesejahteraan ekonomi. Pelaksanaan teras strategik ini juga diharap dapat meningkatkan peranan MABIMS dalam program-program pembangunan dan kemanusiaan di luar rantau MABIMS demi memperkukuhkan imej Islam yang positif di mata dunia. Seterusnya, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat *SOM* Ke-41 dan Pertemuan MABIMS Ke-17 pada tahun 2016.



Mesyuarat *SOM* Ke-40 dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah



Pembentangan kertas kerja oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1437H/2015M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M telah diadakan dengan jayanya pada 12 Rabiulawal 1437H bersamaan 24 Disember 2015M (Khamis), bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul

Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah berkenan untuk berangkat menghadiri majlis tersebut.

Dengan bertemakan "Perpaduan Nadi Transformasi Negara", majlis telah diserikan dengan kehadiran Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, dan YABhg. Datin Seri Hamidah Khamis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M serta tetamu-tetamu kenamaan yang lain.

Majlis sambutan ini turut disertai lebih 13,000 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai. Terlebih dahulu, para peserta kontinjen telah mengambil bahagian dalam perarakan Maulidur Rasul yang bermula dari Pintu Satu menuju ke Dewan A, MAEPS dengan diiringi oleh alunan selawat kepada Baginda Nabi Muhammad SAW. Pada majlis itu juga, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menyampaikan anugerah Maulidur Rasul SAW kepada sembilan penerima anugerah. Mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh telah dipilih menerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW bagi tahun 1437H/2015M. Beliau menerima wang tunai RM50,000.00, sijil dan plak.

Lapan lagi penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW ialah Datin Dr. Paizah binti Haji Ismail, Dato' (Dr) Haji Ar. Baharuddin bin Abu Kassim, Prof. Dr. Muhaya binti Mohamad, Dr Mundzir bin Abdullah, Encik Othman bin Md. Yusoff, Encik Ebit Irawan Ibrahim Lew, Cik Nurul Eeman binti Mansor dan Encik Mithun Jay Langgim. Setiap daripada lapan penerima anugerah tersebut menerima hadiah wang tunai RM20,000.00, sijil dan plak. Majlis sambutan ini turut diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh pendakwah bebas, Dr Mohd Sukki bin Othman.



Penerima Anugerah Perdana, Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan



Kontinjen yang menyertai perarakan

PENGURUSAN DAN KEWANGAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Sebagai tunjang kepada kelancaran operasi, Bahagian Khidmat Pengurusan sentiasa melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan bahawa perancangan jabatan ini dapat berjalan dengan baik melalui khidmat pentadbiran dan pengurusan yang efisien.

CAWANGAN PENGURUSAN ASET KERAJAAN

1. Cawangan Pengurusan Aset adalah merupakan unit yang bertanggungjawab untuk merancang, memantau, membuat pengawasan serta menyelia pengurusan aset di Jakim Ibu Pejabat dan juga Pusat Tanggungjawab (PTJ) Jakim yang lain.

2. Pada tahun 2015, Cawangan ini telah berjaya mengendalikan empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset (JKPAK) dan mengemukakan laporan tahunan ke Perbendaharaan Malaysia selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan 1 PP yang berkuatkuaasa pada 3 Julai 2014 pada tarikh seperti berikut:-

Jadual 1: Mesyuarat Cawangan Pengurusan Aset

BIL	MESYUARAT JKPAK JAKIM	TARIKH
1.	JKPAK Bil. 1/2015	15 April 2015
2.	JKPAK Bil. 2/2015	9 Julai 2015
3.	JKPAK Bil. 3/2015	13 Oktober 2015
4.	JKPAK Bil. 4/2015	18 Januari 2016

3. Cawangan ini turut bertanggungjawab dalam memastikan kompentensi dan pengetahuan pegawai yang menguruskan aset dan stor di Bahagian dan PTJ sentiasa ditingkatkan melalui penganjuran kursus dan penglibatan bengkel – bengkel di peringkat JPM. Antara program dan kursus yang telah dijayakan adalah seperti berikut:
   a. Bengkel Sistem Pengurusan Stor (SPS) yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi menaik taraf Pengurusan Stor iaitu:-
      (i) Bengkel Hands-On SPS Zon Sabah, Sarawak dan Labuan di INTAN Cawangan Sarawak pada 27-28 April 2015.
      (ii) Bengkel Hands-On SPS Zon Timur dan Utara di INTAN Timur pada 17-18 September 2015.
      (iii) Bengkel Hands-On SPS Zon Selatan di INTAN Selatan pada 20-21 Ogos 2015.
      (iv) Bengkel Hands-On SPS Zon Tengah di Institut Pendidikan Guru (IPG) pada 8-9 Jun 2015.
   b. Pemeriksaan Stok dan Pemverifikasi Stor di Ibu Pejabat dan semua PTJ telah dilaksanakan pada Oktober – Disember 2015.

4. Pada tahun 2015 Cawangan Pengurusan Aset telah menguruskan kelulusan bagi dua (2) permohonan pelupusan di Ibu Pejabat dan lapan belas (18) permohonan pelupusan bagi PTJ.

5. Cawangan ini juga telah melaksanakan pemeriksaan aset di Pusat Latihan Lawas, Pusat Latihan IKMAS, Pejabat Miri, Pejabat Sibu dan Jakim Sarawak bagi mengenalpasti masalah-masalah dalam mengendalikan aset Kerajaan. Pemeriksaan aset juga dibuat di 87 buah sekolah dan 74 buah Masjid bawah Jawi Kuala Lumpur.

6. Pemantauan aset juga telah dilaksanakan terhadap PTJ seperti berikut:
   a. Jakim Sarawak
   b. Darul Quran
   c. Jawi Kuala Lumpur
   d. Sekolah Rendah Agama dan Masjid di Bawah Jawi Kuala Lumpur

7. Cawangan Pengurusan Aset juga memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan aset dan stor kepada semua PTJ.

8. Cawangan ini telah menguruskan pelantikan seramai 15 orang Penolong Pegawai Aset, Pegawai Aset di PTJ, Pegawai Pemeriksa Aset, Pegawai Pemeriksa Stok, Pegawai Pemverifikasi Stor, Lembaga Pemeriksa Pelupusan dan Pegawai Penerima di Bahagian-bahagian dan Jawatankuasa Penyiasat bagi kehilangan aset di Jabatan.

9. Bagi tahun 2015, Jakim Ibu Pejabat telah membuat perolehan seperti berikut:-

Jadual 2: Senarai perolehan tahun 2015

BIL	KATEGORI	KUANTITI	RM
1.	Harta modal	2	98,600.00
2.	Aset bernilai rendah	14	7,691.40

CAWANGAN PENTADBIRAN AM

1. Cawangan Pengurusan Am bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengurusetiakan mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan, Perhimpunan Agensi-agensi di Bawah

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Perhimpunan Bulanan Jakim dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Berikut adalah pelaksanaan program peringkat jabatan yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2015:-

Jadual 3: Program-program yang dilaksanakan oleh Cawangan Pentadbiran Am

PROGRAM	BILANGAN	PENYERTAAN
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jakim	10	Pengarah-pengarah Bahagian di ibu pejabat Jakim dan PTJ
Mesyuarat Pagi Jakim	22	Pengarah-pengarah bahagian di ibu pejabat Jakim
Majlis Perhimpunan Bulanan Jakim	10	Warga Jakim
Majlis Perhimpunan Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri	2	Warga Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

2. Cawangan Pentadbiran Am turut memainkan peranan sebagai penyelaras program utama Sektor Pengurusan Jakim seperti Mesyuarat Pagi Sektor Pengurusan, Majlis Perjumpaan Pengarah Kanan (Pengurusan) Bersama Warga Sektor Pengurusan, program turun padang atau *walkabout* sektor. Program-program ini dilaksanakan bagi memastikan bahawa aspek pengurusan Jakim sentiasa berada di tahap yang terbaik dan mengurangkan teguran audit dan aspek akauntabiliti dipatuhi sepenuhnya.

3. Selain itu, Cawangan Pentadbiran Am turut terlibat dalam penyediaan infrastruktur, penyelenggaraan aset-aset milik jabatan dan membuat semakan berkaitan keselamatan secara kerap dan teratur. Tugas rutin ini sentiasa dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti JKR, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, syarikat penyelenggaraan dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

4. Bagi memastikan pengurusan kenderaan Jabatan berjalan lancar dan selamat, latihan dan kursus telah diadakan iaitu Bengkel Penyeliaan Kenderaan di Masjid Putra pada 12 Mac 2015 dan Kursus Pengurusan Rekod Kenderaan yang telah diadakan pada 9 September 2015.

5. Cawangan Pentadbiran Am juga bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan Jabatan sentiasa berada ditahap kawalan maksima. Kursus dan latihan diberi kepada pegawai dan kakitangan yang berkaitan untuk meningkatkan lagi kompetensi dalam pengurusan keselamatan Jabatan. Cawangan Pentadbiran Am juga telah menganjurkan Kursus Asas Keselamatan Kebakaran (Awam) pada 11 hingga 13 Ogos 2015. Program ini diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat, Wakaf Tapai, Terengganu bagi memastikan pasukan *Emergency Response Team* (ERT) Jabatan dilatih dan diberi pendedahan yang secukupnya.



Latihan menyelamat



Latihan memadam api

6. Selain daripada itu, lawatan inspektorat daripada Pejabat Ketua Pengawal Keselamatan Kerajaan turut diadakan bagi menilai dan memastikan tatacara keselamatan Jabatan sentiasa dipatuhi.

7. Antara lain program yang telah berlangsung pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

   a. Pelupusan fail bersama Bahagian Kewangan, Bahagian Dakwah dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia pada 12 Februari 2015;
   b. Pelupusan fail bersama Bahagian Dakwah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Bahagian Kemajuan Islam pada 21 Mei 2015;
   c. Pelupusan fail bersama Bahagian Kewangan, Bahagian Penyelarasan Undang-undang dan Pejabat Penasihat Undang-undang pada 9 Julai 2015; dan

d. Pelupusan fail bersama Bahagian Hab Halal, Dakwah, Bahagian Penyelarasan Undang-undang dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan pada 1 September 2015.

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT

1. Cawangan Komunikasi bertanggungjawab untuk untuk menjadi perantara Jakim dengan agensi-agensi Kerajaan, swasta dan masyarakat.

2. Cawangan Komunikasi Korporat bertanggungjawab mengendalikan aduan awam dengan fungsi seperti berikut:-

   a. Menerima aduan-aduan awam mengenai ketidakpuasan hati mereka terhadap sebarang tindakan pentadbiran Kerajaan;
   b. Menyiasat aduan-aduan awam yang mempunyai asas; dan
   c. Melaporkan dan memperakukan hasil siasatan mengenai aduan-aduan itu kepada Mesyuarat Pengurusan.

3. Cawangan Komunikasi Korporat telah menyediakan sistem pengendalian pengaduan awam yang cekap dan berkesan dengan ciri-ciri seperti berikut:

   a. Semua aduan diselesaikan dengan cepat, tepat, adil dan cermat;
   b. Aduan diuruskan dengan jujur, berkecuali dan identiti pengadu dirahsiakan (atas permintaan pengadu); dan
   c. Tindakan pemulihan adalah adil, objektif dan telus.

4. Berikut adalah statistik melibatkan aktiviti Cawangan Komunikasi Korporat Jakim bagi tahun 2015:

Jadual 4: Aktiviti Cawangan Komunikasi Korporat

AKTIVITI	BILANGAN
Sidang media Jakim	72 kali
Kenyataan media Jakim	85 kenyataan
Lawatan pihak luar ke Jakim	61 kali

Jadual 5: Berita Yang Tersiar Di Laman Web / Portal Jakim

BULAN	BILANGAN
Januari	17
Februari	14
Mac	20
April	22
Mei	18
Jun	20
Julai	6
Ogos	8
September	12
Oktober	23
November	15
Disember	23
Jumlah	**198**

Jadual 6: Statistik Aduan Awam

BULAN	BILANGAN
Januari	23
Februari	33
Mac	36
April	27
Mei	41
Jun	37
Julai	34
Ogos	27
September	35
Oktober	35
November	32
Disember	23
Jumlah	**383**

5. Cawangan Komunikasi Korporat juga telah menganjurkan program-program seperti berikut:

   (i) *Media Relations Training* dan Jakim Media *Luncheon* 2015

   Media Relations Training kepada Pengarah-pengarah Bahagian di Jakim dan Jakim Media *Luncheon* 2015 telah diadakan pada 26 Mei 2015 di Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur. Majlis telah diserikan dengan kehadiran YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha; Ketua Pengarah Jakim dan warga kerja media dari pelbagai agensi meliputi media cetak, media elektronik, penerbitan majalah dan lain-lain dengan jumlah penyertaan hampir 200 orang. Majlis

ini diadakan bagi menghargai jasa dan kerjasama baik yang diberikan pihak media dalam memberikan promosi dan publisiti yang positif jabatan kepada masyarakat awam.

(ii) Bengkel Protokol dalam Pengacaraan Majlis
Bengkel Protokol dalam Pengacaraan Majlis yang telah diadakan pada 01 Disember 2015 di Auditorium As-Shafie, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi. Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan dan latihan kepada pegawai- pegawai dalam mengacarakan majlis dan mengendalikan protokol sesebuah majlis di Jakim. Bengkel ini mendapat maklum balas yang sangat baik dari para peserta dan telah dicadangkan untuk diteruskan pada setiap tahun.

(iii) Pengurusan Media
Cawangan Komunikasi Korporat telah dipertanggungjawabkan oleh pihak pengurusan tertinggi Jakim untuk menguruskan sebarang interaksi pihak Jabatan dengan pihak media samada media cetak, media elektronik dan media massa. Ini termasuklah menguruskan semua pihak media dalam membuat liputan sebarang aktiviti dan program Jabatan serta mengendalikan sidang media berdasarkan isu-isu semasa yang timbul berkaitan peranan Jabatan.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pencapaian bagi aktiviti Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Jakim merangkumi lima bidang tugas utama seperti berikut:

(i) Perjawatan dan Perkhidmatan
(ii) Prestasi dan Kenaikan Pangkat
(iii) Kompetensi
(iv) Kursus/ Bengkel
(v) Tatatertib

Perjawatan dan Perkhidmatan

Bahagian ini menguruskan pelantikan/ pengambilan pegawai skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI) di Jakim. Perjawatan tetap pegawai skim PHEI di Jakim adalah berjumlah 713 dan jumlah pengisian sebanyak 648 sehingga 31 Disember 2015.

Jadual 1: Jumlah Pengisian bagi Tahun 2015

GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	% PENGISIAN
JUSA B	2	2	0	100%
JUSA C	4	4	0	100%
S54	11	11	0	100%
S52	18	18	0	100%
S48	23	21	2	91.3%
S48 Tambahsentara	2	1	1	50%
S44	81	77	4	95.06%
S41/S44	267	222	45	83.15%
S41 Tambahsentara	5	4	1	80%
S38	5	4	1	80%
S32	29	28	1	96.55%

GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	% PENGISIAN
S27	114	109	5	95.61%
S26	3	2	1	66.66%
S22	18	18	0	100%
S17	107	104	3	97.2%
S11/S14 Jumud	4	3	1	75%
Pool	20	20	0	100%
JUMLAH	**713**	**648**	**65**	**90.88%**

Jumlah pengisian jawatan kader skim guna sama dan bukan gunasama di Jakim pula adalah 635 daripada 592 jumlah perjawatan

Jadual 2: Pengisian Jawatan Kader Skim Guna Sama & Bukan Guna Sama di Jakim Mengikut Klasifikasi Perkhidmatan

SKIM	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	% PENGISIAN
B	50	46	4	92%
C	56	46	10	82.14%
DG	17	17	0	100%
F	27	25	2	92.59%
J	9	9	0	100%
KP	27	26	1	96.3%
L/LS	3	3	0	100%
M	27	25	2	92.59%
N	295	282	13	95.59%
H	55	49	6	89.09%
S	30	28	2	93.33%
W	39	36	3	92.31%
JUMLAH	**635**	**592**	**43**	**93.23%**

Jakim turut menguruskan pengisian jawatan skim PHEI di agensi luar. Jumlah perjawatan kader Jakim di agensi luar adalah 2,250 dan pengisian adalah 2,015.

Jadual 3: Pengisian Jawatan Skim PHEI di Kementerian/ Jabatan/ Agensi Luar

GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	% PENGISIAN
S54	10	9	1	90%
S52	14	14	0	100%
S48	42	41	1	97.62%
S44	103	86	17	83.5%
S41	283	263	20	92.93%
S38	7	7	0	100%
S32	97	95	2	97.94%

GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	% PENGISIAN
S27	476	454	22	95.38%
S26	73	54	19	73.97%
S22	179	149	30	83.24%
S17	724	686	38	94.75%
S11	242	157	85	64.88%
JUMLAH	**2,250**	**2,015**	**235**	**89.56%**

Selain itu, Bahagian ini turut menguruskan pelantikan kontrak di Jakim di bawah peruntukan OS11000 dan OS29000. Jumlah pengisian pegawai kontrak sehingga 31 Disember 2015 ialah 934 orang daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred.

Jadual 4: Pengisian Jawatan Kontrak

KONTRAK	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	% PENGISIAN
Contract for Service	88	82	6	93.18%
Contract of Service	1,023	852	171	83.28%
JUMLAH	1,111	934	177	84.07%

Jakim juga telah diluluskan kuota seramai 171 Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Gred S27 (Kontrak) untuk dilantik secara *Contract Of Service* (COS). Pelantikan pertama PPMD Gred S27 (Kontrak) secara COS adalah seramai 98 orang pada 1 September 2015.

Persaraan

Sejumlah 29 orang pegawai dan kakitangan di Jakim telah bersara pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 16 orang adalah dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 13 orang dari kumpulan sokongan. Bilangan mengikut jenis persaraan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

Jadual 5: Jumlah Persaraan Tahun 2015

JENIS PERSARAAN	BILANGAN (ORANG)
Wajib	19
Pilihan	10
JUMLAH	**29**

Prestasi Dan Kenaikan Pangkat

Pengurusan pemangkuan dan kenaikan pangkat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 yang diperuntukkan di bawah P.U.(A)75/2010 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010.

Urusan ini melibatkan pegawai-pegawai skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (HEI) yang berkhidmat di Jakim, di enam (6) buah negeri di bawah Perkhidmatan Bersama iaitu negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah-wilayah Persekutuan dan pegawai kader Jakim di pelbagai Kementerian dan Agensi. Urusan ini juga melibatkan pegawai di bawah skim Perhidmatan Gunasama dan Pelbagai skim yang lain.

Sepanjang tahun 2015, Unit ini telah menguruskan sebanyak **93** kenaikan pangkat dan **131** pemangkuan seperti yang berikut:

Jadual 6: Jumlah Kenaikan Pangkat Dan Pemangkuan Tahun 2015

URUSAN	JAWATAN UTAMA SEKTOR AWAM	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	SOKONGAN I	SOKONGAN II	JUMLAH
Pemangkuan	-	129	2	-	**131**
Kenaikan Pangkat	3	30	49	1	**83**
Kenaikan Pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) / *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK)	-	6	3	1	**10**
JUMLAH	**3**	**165**	**54**	**2**	**224**

Jadual 7: Statistik Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan Skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam, Skim Perkhidmatan Gunasama dan Pelbagai Skim lain di Jakim Tahun 2015

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PEMANGKUAN	KENAIKAN PANGKAT	KUP / TBBK	JUMLAH
1	Pegawai Hal Ehwal Islam	Jusa C	-	3	-	3
2	Pegawai Hal Ehwal Islam	S54	3	-	5	8
3	Pegawai Hal Ehwal Islam	S52	11	6	-	17
4	Pegawai Hal Ehwal Islam	S48	32	17	-	49
5	Pegawai Hal Ehwal Islam	S44	71	-	-	71
6	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	JUSA C	1	-	-	1
7	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M54	1	-	-	1
8	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M52	2	-	-	2
9	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	3	1	-	4
10	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44	2	4	-	6
11	Penerbit Rancangan	Jusa C (KUP)	1	-	-	1
12	Penerbit Rancangan	B52	-	-	1	1
13	Pegawai Undang-Undang	L48	-	1	-	1
14	Pegawai Teknologi Makanan	C48	-	1	-	1

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PEMANGKUAN	KENAIKAN PANGKAT	KUP / TBBK	JUMLAH
15	Pustakawan	S44	1	-	-	1
16	Jurutera	J44	1	-	-	1
17	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S38	-	4	-	4
18	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S32	-	20	-	20
19	Pembantu Hal Ehwal Islam	S26	-	7	-	7
20	Pembantu Hal Ehwal Islam	S22	-	16	-	16
21	Penolong Akauntan	W32	1	-	-	1
22	Setiausaha Pejabat	N36	1	-	-	1
23	Penolong Pegawai Tadbir	N36	-	1	-	1
24	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	-	-	2	2
25	Pembantu Tadbir (Kew)	W22	-	1	1	2
26	Pemandu	R3	-	-	1	1
27	Pengawal Keselamatan	KP14	-	1	-	1
JUMLAH KESELURUHAN			131	83	10	224

Panel Pembangunan Sumber Manusia

Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bertanggungjawab melaksanakan pergerakan gaji dan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat JPM dan Sijil Penghargaan Peringkat Jakim.

Jadual 8: Jumlah Pergerakkan Gaji Dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat JPM Dan Sijil Penghargaan Peringkat Jakim.

URUSAN	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015
Pergerakan Gaji	1,220	1,232	1,277
APC JPM	100	100	-
Sijil Penghargaan Jakim	98	100	-

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Jakim telah diadakan 28 April 2015 bagi memberi penghargaan kepada pegawai Jakim yang cemerlang.

CAWANGAN KOMPETENSI

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

Program Transformasi Minda Bilangan 1 dan Bilangan 2 Tahun 2015

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) melalui Cawangan Kompetensi telah melaksanakan Program Transformasi Minda (PTM), Bilangan 1 Tahun 2015 dan Bilangan 2 Tahun 2015 pada 23 hingga 27 Mac 2015 dan 8 hingga 11 September 2015 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Bagi PTM Bilangan 1 Tahun 2015 seramai 30 orang peserta telah mengikuti program ini manakala seramai 70 orang peserta telah mengikuti PTM Bilangan 2 Tahun 2015.

Program ini telah dilaksanakan kepada pegawai dan kakitangan Jakim yang masih belum mengikuti PTM atau Kursus Induksi Umum termasuk pegawai kader Jakim di Kementerian/ Jabatan dan pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam disamping sebagai satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi seperti mana yang telah digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012.



Sesi Budaya Kerja Kelas Pertama (Mengutamakan Masyarakat)



Sesi ceramah berkaitan Hala Tuju Negara



Para peserta menjalani sesi Budaya Kerja Kelas Pertama (Integrasi Kumpulan)



Para peserta melaksanakan tugasan CSR

Bengkel *Training Of Trainers* (TOT) Program Personaliti Unggul dan Kecemerlangan Kerjaya dan Program Pekerja Cemerlang dan Profesional, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)

Pada 23 dan 24 April 2015, Bengkel *Training Of Trainers* (TOT) bagi Program Personaliti Unggul dan Kecemerlangan Kerjaya dan Program Pekerja Cemerlang dan Profesional, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Kedua-kedua bengkel ini telah dihadiri seramai 14 orang peserta. Peserta bengkel ini terdiri daripada pegawai-pegawai di Jakim dan

dikendalikan sepenuhnya oleh Ketua Fasilitator yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang psikologi, kaunseling dan kepimpinan iaitu Prof. Madya Dr. Salleh Amat dan Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil kerjasama strategik, bengkel ini telah berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang.



Penerangan pelaksanaan aktiviti oleh Ketua Fasilitator



Antara aktiviti yang dilaksanakan

Program Manhaj 'Ilaj Bilangan 1 Tahun 2015

Program Manhaj 'Ilaj Bilangan 1 Tahun 2015 telah diadakan pada 18 hingga 21 Mei 2015 di Kem Bina Negara Ulu Sepri, Rembau, Negeri Sembilan. Objektif program ini adalah untuk:

i. Membolehkan peserta mengenali tahap amalan dan sahsiah diri;
ii. Membolehkan peserta mengaplikasikan kemahiran insaniah; dan
iii. Membolehkan peserta membuat perubahan diri dan kembali kepada fitrah melalui pendekatan spiritual.

Program ini telah dikendalikan oleh lima (5) orang fasilitator yang pakar dan terlatih. Seramai 22 orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada Kumpulan Pelaksana di Jakim. Secara keseluruhannya, hasil daripada program ini peserta berjaya didedahkan dengan kemahiran insaniah untuk mencapai kecemerlangan dalam kerjaya masing-masing.



Sesi pembentangan oleh para peserta



Sesi bergambar peserta bersama fasilitator dan urus setia

Program Personaliti Unggul dan Kecemerlangan Kerjaya

Pada 20 hingga 22 Oktober 2015, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Program Personaliti Unggul dan Kecemerlangan Kerjaya Tahun 2015 di Pantai Puteri Hotel, Tg. Kling, Melaka. Program yang dihadiri seramai 29 orang peserta ini dikhaskan kepada Kumpulan Pelaksana di Jakim. Program ini dikendalikan oleh lima (5) orang fasilitator yang pakar dan terlatih dan dilaksanakan bertujuan untuk membantu para peserta mengenalpasti permasalahan yang dihadapi seterusnya menyelesaikan masalah tersebut dengan sebaik mungkin hasil bimbingan para fasilitator. Program ini secara keseluruhannya berjaya membantu para peserta menyesuaikan diri dengan suasana kerja yang mencabar serta berjaya membentuk personaliti unggul di kalangan peserta.



Para peserta tekun menyiapkan tugasan yang diberikan



Majlis Perasmian Penutup oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Encik Masri bin Razali

Program Pekerja Cemerlang dan Profesional

Program Pekerja Cemerlang dan Profesional Tahun 2015 telah diadakan pada 25 hingga 27 November 2015 di Pantai Puteri Hotel, Tg. Kling, Melaka. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu para peserta meningkatkan tahap kemahiran penyesuaian dan menyelesaikan masalah.

Program ini telah dijalankan selama tiga (3) hari dua (2) malam dan berjaya melengkapkan kesemua aktiviti seperti yang telah ditetapkan. Program ini dikendalikan oleh lima (5) orang fasilitator yang pakar dan terlatih. Hasil penganjuran program ini telah membantu para peserta dalam meningkatkan tahap kemahiran penyesuaian dan seterusnya meningkatkan keyakinan dan semangat untuk bekerja dengan lebih baik.



Sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dibimbing oleh fasilitator



Para peserta menjalani aktiviti di luar kelas

BAHAGIAN KEWANGAN

Bermula pada tahun 2012, JAKIM telah menggunakan Sistem Bajet Berasaskan Outcome (*Outcome Based Budgeting* - OBB) dan menggunakan kod program iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kod Program: 050000). Pada tahun 2010, selaras dengan perubahan struktur organisasi JAKIM melalui Waran Perjawatan Bil. A 102 Tahun 2009 dan Bil. A 184 Tahun 2010, terdapat perubahan kod aktiviti bagi Bahagian dan PTJ di JAKIM. Perincian kod akiviti tersebut adalah seperti di :

JADUAL 1: Kedudukan Bahagian Dan PTJ Mengikut Kod Aktiviti-Aktiviti Di JAKIM

2015	
050100- Pengurusan 1. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia 2. Bahagian Khidmat Pengurusan 3. Bahagian Kewangan 4. Bahagian Pengurusan Maklumat	**050200- Dasar** 1. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan 2. Bahagian Pengurusan Fatwa 3. Bahagian Kemajuan Islam 4. PTJMasjid Tuanku Mizan Zainal Abidin 5. PTJ Masjid Negara 6. PTJ Masjid Putra 7. Bahagian Perhubungan 8. Bahagian Undang-undang 9. Bahagian Penyelarasan Undang-undang 10. PTJBahagian Hub Halal 11. Atase Jakarta 12. Atase Canberra 13. Atase Kaherah
050300-Pembangunan Insan 1.Bahagian Dakwah 2.Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti 3.Bahagian Pembangunan Insan 4.Bahagian Penerbitan 5.Bahagian Media 6. PTJ IPPHAM	**050400-Darul Quran** **050500-JAWI** 1. PTJ JAWI Labuan **050600-ILIM** 1. PTJ ILTIM **050700- JAKIM Sabah** **050800- JAKIM Sarawak**

Selain dari ibu pejabat JAKIM, terdapat 11 lagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang mengendalikan pengurusan kewangan iaitu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan, JAKIM Cawangan Sabah, JAKIM Cawangan Sarawak, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Masjid Negara, Masjid Putra, Pusat Pemantapan Akidah (PPA) Jelebu, Darul Quran., Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Bahagian Hab Halal. Dari segi pengurusan perolehan kerajaan untuk bekalan/perkhidmatan/ kerja, kesemua PTJ merupakan urusetia bagi sebutharga masing-masing dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Sebutharga di ibu pejabat yang dilantik oleh Pegawai Pengawal. Sementara bagi perolehan bekalan /perkhidmatan/ kerja yang memerlukan proses tender akan dikemukakan kepada Lembaga Tender, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk memantau prestasi perbelanjaan mengurus, Bahagian Kewangan telah mewujudkan Mesyuarat Pemantauan Bajet Mengurus Bulanan peringkat Jakim yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan (Pengurusan). Penyediaan laporan prestasi perbelanjaan setiap bulan turut dibuat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM secara bulanan Laporan ini juga turut dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri dan dibentangkan d alam Mesyuarat Pemantauan Belanja Mengurus d i b awah J a batan Perdana Menteri yang diadakan setiap bulan bagi memantau prestasi perbelanjaan setiap agensi di bawah JPM. Bahagian Kewangan juga menjadi urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan d an Akaun (JPKA) d i mana mesyuarat ini d iadakan s etiap 3 b ulan sekali. Perkara-perkara yang d ibincangkan a dalah mengikut format yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 (berkuatkuasa 16 Julai 2008):

- Pengurusan Bajet (Peruntukan Mengurus dan Pembangunan);
- Pengurusan Perakaunan;
- Pengurusan Pungutan dan Tunggakan Hasil;
- Pengurusan Perolehan;
- Pengurusan Aset dan Stor;
- Teguran Audit;
- L atihan;
- Pelaksanaan JPKA di peringkat PTJ.

Penubuhan Jawatankuasa ini amat penting untuk memantau perbelanjaan bagi ibu pejabat dan PTJ di bawah JAKIM serta membuat penambahbaikan pengurusan kewangan melalui teguran audit yang turut dibincangkan dalam mesyuarat ini. Pada tahun 2015, Jakim telah dianugerahkan Penarafan 4 Bintang Indeks Akauntabiliti oleh Ketua Audit Negara dalam pengurusan kewangan bagi tempoh 2012 – 2014.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS JAKIM TAHUN 2015

Prestasi perbelanjaan mengurus JAKIM tahun 2015 berdasarkan Laporan A499-Penyata Lengkap Perbelanjaan Mengurus Bulan 13 pada 31 Disember 2015 (sehingga 15 Januari 2016) adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

JADUAL 2: Prestasi Perbelanjaan Mengurus Jakim Tahun 2015

DASAR	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS BELANJA %
Dasar Sedia Ada	760,110,810	759,903,511.80	207,298.20	99.97
Dasar Baru	480,000	479,881.48	118.52	99.98
One Off Jakim	321,968	317,332	4,646	98.56
One Off (Ke Luar Negara)	750,000	714,946.68	35,053.32	99.81
Jumlah Keseluruhan	**761,662,778**	**761,415,671.96**	**247,106.04**	**99.97**

PENGURUSAN PERAKAUNAN

Perincian bagi Akaun Amanah di JAKIM (ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara

Kewangan, 1957) adalah seperti berikut:

- Akaun Amanah JAKIM (kod amanah 82305) – merupakan gabungan Akaun Amanah Tabung Penyelidikan Islam Sarawak (bertarikh 9 Mei 1986), Akaun Amanah Pusat Islam Malaysia (28 Jun 2000) dan Akaun Amanah Hari Kebesaran Islam (1 Oktober 1999);
- Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara (kod amanah 82301);
- Akaun Amanah Darul Quran JAKIM (kod amanah 82334);
- Akaun Amanah Masjid Putra, Putrajaya (kod amanah 82331);
- Akaun Amanah JAWI (kod amanah 82339);dan
- Akaun Amanah Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya (kod amanah 882341).

Jawatankuasa bagi kesemua akaun amanah tersebut adalah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri. Kedudukan baki akaun-akaun amanah tersebut sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti di **Jadual 3** berikut:

JADUAL 3: Kedudukan Akaun-Akaun Amanah Di Jakim

AKAUN AMANAH	BAKI AWAL (A)	TERIMAAN (B)	PERBELANJAAN TERKUMPUL (C)	BAKI DIBAWA KE HADAPAN D= A+B-C
Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara (82301)	2,526,821.86	1,695,437.51	1,185,988.28	3,036,271.09
Akaun Amanah Masjid Masjid Putra, Putrajaya (82331)	639,810.17	697,061.98	665,250.70	671,621.45
Akaun Amanah JAKIM (82305)	5,301,578.59	2,377,712.54	2,232,753.16	5,446,537.97
Akaun Amanah Darul Quran (82334)	408,124.88	456,452.60	442,314.59	422,262.89
Akaun Amanah JAWI (82339)	229,516.75	120,410,472.06	119,989,126.45	650,862.36
Akaun Amanah Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya (882341)	1,307,838.65	1,070,188.80	869,818.14	1,508,209.31
JUMLAH BESAR	10,413,690.90	126,707,325.49	125,385,251.32	11,735,765.07

PENGURUSAN PEROLEHAN

Bagi tahun 2015, jumlah perolehan bagi sebut harga dan tender yang telah dibuat di Bahagian Kewangan bagi ibu pejabat JAKIM adalah seperti di **Jadual 4** berikut:

JADUAL 4: Perolehan Bagi Tahun 2015

JENIS PEROLEHAN	BILANGAN	NILAI (RM)
Sebut Harga	68	14,903,987.54
Tender	18	37,017,737.54

PRESTASI PROJEK PEMBANGUNAN JAKIM

DI BAWAH *ROLLING PLAN* KEEMPAT (RP5) RMKe-10 (2015)

1. Projek, Siling Dan Peruntukan RP5 RMKe-10

i. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh **(RMKe-10),** projek-projek di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) telah diagihkan melalui *Rolling Plan* (RP) yang dilaksanakan secara dua tahun sekali. Pada tahun 2015, segala peruntukan pembangunan diagihkan di bawah *Rolling Plan* Kelima (RP5).

ii. JAKIM telah diluluskan Lapan (8) projek dengan peruntukan sebanyak **RM41,242,710.00.** Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN 2015 (RM)
1.	Pembinaan Ilaj Home, Mukim Bandar, Kuala Lumpur (Pusat Jagaan HIV/AIDS Muslim)	6,000,000.00
2.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Pantai Ria, Pantai Dalam, Kuala Lumpur	3,500,000.00
3.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Ar-Rahah, Kerinchi, Kuala Lumpur	322,700.00
4.	Pembinaan Masjid Al-Firdaus, Segambut, Kuala Lumpur	6,000,000.00
5.	Pembinaan Masjid Sg. Bedaun, Labuan.	1,500,000.00
6.	Makmal Analisis Halal, Enstek, Nilai, Negeri Sembilan	22,400,000.00
7.	Pembangunan Kaedah Analisis Halal	500,000.00
8.	Pembangunan Modul Profesional Halal	300,000.00
JUMLAH		**40,522,700.00**

2. Senarai Program/Projek, Peruntukan Dan Perbelanjaan JAKIM Sehingga 31 Disember 2015 Adalah Seperti Berikut:-

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% BELANJA
1.	Pembinaan *Ilaj Home*, Mukim Bandar, Kuala Lumpur (Pusat Jagaan HIV/AIDS Muslim)	6,000,000.00	65,600.00	65,600.00	100%
2.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Pantai Ria, Pantai Dalam, Kuala Lumpur	3,500,000.00	2,800,000.00	3,911,210.97 *(Guna Duit Ar-Rahah)*	100%
3.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Ar-Rahah, Kerinchi, Kuala Lumpur.	322,700.00	1,322,700.00	211,380.22	15.98%
4.	Pembinaan Masjid Al- Firdaus, Segambut, Kuala Lumpur	6,000,000.00	4,899,799.00	4,899,798.8	100%
5.	Pembinaan Masjid Sg. Bedaun, Labuan	1,500,000.00	0.00	0.00	0%
6.	Makmal Analisis Halal, Enstek, Nilai, Negeri Sembilan	22,400,000.00	11,629,436.00	11,629,435.04	99.12%
7.	Pembangunan Kaedah Analisis Halal	500,000.00	0.00	0.00	0%
8.	Pembangunan Modul Profesional Halal	300,000.00	254,400.00	254,400.00	100%
9.	Naik Taraf Masjid Wilayah (Penutupan Akaun)	720,010.00	340,010.00	340,000.00	100%
	JUMLAH	**41,242,710.00**	**21,311,945.00**	**21,311,825.03**	**100%**

3. AKtiviti/Program/Majlis Tahun 2015

i. Lawatan Projek Pembangunan melibatkan pengurusan tertinggi JAKIM






Lawatan YBhg. Dato' KP di tapak projek Pembinaan Masjid Al-Firdaus, Segambut, Kuala Lumpur pada 29.01.2015




Lawatan YBhg. Dato' KP di tapak projek Pembinaan Sek. Rendah Agama Ar-Rahah, Kerinchi, Kuala Lumpur pada 05.02.2015







Lawatan YBhg. Dato' KP di tapak projek Pembinaan Sek. Rendah Agama Pantai Ria, Pantai Dalam, Kuala Lumpur pada 27.07.2015

ii. Majlis Penyerahan Projek Makmal Analisis Halal, Bandar Enstek, Nilai







Majlis Penyerahan Makmal Analisis Halal, Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan pada 23.10.2015

JAKIM

Aras 4-9 Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519, W.P PUTRAJAYA, MALAYSIA

03-8886 4000

03-8889 2039

webmaster@islam.gov.my